



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 09 NOVEMBER 2016 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiyah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 09 November 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi semua. Baiklah, Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Tuan Speaker, Soalan 124.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PROGRAM MES**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagi memastikan program MES yang semakin banyak akan dapat berkekalan dan berterusan apakah perancangan sumber baru pendapatan Kerajaan Negeri?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Sabak. Tuan Speaker, sejak Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor 2008, agenda yang dihiparkan adalah agenda berteraskan kepedulian kepada rakyat. Agenda ini telah mendasari usaha membangun, usaha pembangunan negeri yang berlandaskan prinsip *Al-Adli Wal Ehsan* iaitu sebuah kerajaan yang membawa obor keadilan yang menyantuni rakyat seperti yang dipelopori sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sejajar juga dengan tema Kerajaan Negeri iaitu Negeri Selangor, Negeri Maju, Sejahtera dan Berkeadilan. Sejak tahun 2008, peruntukan hampir RM300 juta setiap tahun telah disediakan dan dibelanjakan bagi melaksanakan program-program yang merakyat iaitu Skim Mesra Usia Emas, Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Anak-anak Pekerja Ladang, Insentif Perkahwinan, Skim..Bekalan Air Percuma bagi 20m<sup>3</sup> dan Dialisis Rakyat serta Program Hijrah. Inilah ekonomi manusiawi yang Kerajaan Negeri Selangor terus

perjuangkan. Program Kepedulian Kepada Rakyat Akan Terus Dijunjung Sebagai Agenda Utama Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak iaitu EXCO, ADN dan seluruh agensi kerajaan, seluruh kakitangan kerajaan, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan pihak swasta, Kerajaan Negeri akan dapat meningkatkan kreativiti bagi mengutip hasil dan melaksanakan program dan projek yang telah dirancang. Sehubungan dengan itu, sumber hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Antara elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan adalah hasil tanah, hasil lombong, hasil hutan, duti hiburan, terimaan mengenai bekalan dan perkhidmatan air, sewaan dan jualan harta negeri, bayaran fi, denda dan pelucutan hak mahkamah selain daripada mahkamah di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan, faedah atas baki wang negeri dan bayaran mengenai perkhidmatan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mencari hasil baru adalah mendapatkan bayaran premium yang belum diterima daripada kerajaan Persekutuan ke atas tanah yang dibangunkan oleh syarikat konsesi Lebuhraya sebagai tapak komersial seperti Stesen minyak, restoran, hotel, kedai dan gerai. Kertas cadangan telah dibawa oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor ke peringkat Majlis Kewangan Negara pada 14 Jun 2016 dan perkara ini sedang dalam tindakan Kementerian Kerja Raya.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor sedang melaksanakan pindaan cukai tanah 2017 yang akan mula dikuatkuasakan menjelang 1 Januari 2017. Pindaan cukai tanah ini adalah selaras dengan Seksyen 101(5)(B) Kanun Tanah Negara yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak semula kadar cukai tanah setiap 10 tahun sekali. Dan pindaan cukai tanah yang dilaksanakan ini telah mendapat kelulusan MMKN Ke-5/2015 pada 4 Februari 2015. Dianggarkan bahawa Kerajaan Negeri akan memperoleh pendapatan hasil cukai tanah sebanyak RM21 juta setahun selepas pelaksanaan pindaan cukai tanah terbaru ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan tambahan. Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya tentang, kita telah perkenalkan program baru, Program Kesihatan Rakyat untuk tahun 2017. Apakah sumber baru yang Kerajaan Negeri perkenalkan, perolehi untuk program yang baru yang kita perkenalkan pada tahun 2017 ataupun dia mengambil daripada sumber yang telah sedia ada sekarang? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Sabak. Tuan Speaker, untuk ketika ini sebanyak RM125 juta akan diperuntukkan untuk Program Skim Peduli Sihat dan ia adalah daripada peruntukan sedia ada Kerajaan Negeri dan



pihak Kerajaan Negeri telah pun membuat unjuran selama beberapa tahun yang akan datang agar kita mempunyai cukup kapasiti untuk melaksanakan program ini. Untuk, seperti yang saya sebut tadi, *Insyah-Allah* pihak Kerajaan Negeri akan sentiasa kreatif untuk mencari sumber-sumber baru dan seperti yang kita sedia maklum, pendapatan hasil Kerajaan Negeri sentiasa meningkat tahun demi tahun dari pelbagai arah dan itu, dan kita juga sedang mencari lagi sumber-sumber yang lain agar pendapatan Kerajaan Negeri semakin bertambah.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin buat soalan tambahan mengenai Program Merakyatkan Ekonomi Selangor, saya ucapkan tahniah kerana kita telah membelanjakan sejumlah yang besar untuk Program Merakyatkan Ekonomi dan Peduli Sihat. Dalam konteks *Jom Shopping* ya, *Jom Shopping* dalam *Merakyatkan Ekonomi* sekarang ini apakah statusnya dan sebelum ini dia.. dana, dana itu ditaja oleh Kumpulan Semesta. Adakah perkara ini akan berterusan atau tidak? Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Sekinchan. Untuk Program *Jom Shopping*, ketika ini kita belum lagi membuat keputusan untuk meneruskan ataupun menamatkan cumanya kita sedang mendapatkan formula-formula baru untuk pelaksanaan tersebut.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Terima kasih Speaker. Sri Serdang ingin bertanya, bolehkah pihak EXCO memikirkan berkenaan dengan Program Mes iaitu *Food Stamp* kepada 100 penerima di setiap DUN, bahagikan kepada dua, barangan dan juga kupon, memandangkan tak semua keluarga yang menerima ini, memerlukan bantuan makanan, mereka juga memerlukan susu tepung ataupun *pampers* bagi warga emas ataupun pesakit yang terlantar. Jadi, mohon *respond* dari ..

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Sri Serdang. Perkara itu, kita akan cuba pertimbangkan dan kita akan maklumkan kepada Sri Serdang selepas ini.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Mohon.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik, soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan 125.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN LEBUH RAYA PANTAI BARAT**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar?

- a) Adakah jajaran pembinaan Lebuhraya telah dimuktamadkan?
- b) Jajaran yang mana telah ditetapkan bagi Daerah Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sabak Bernam?
- c) Adakah mana-mana anak syarikat Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan dalam pembinaan Lebuhraya ini?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : WEST COAST EXPRESSWAY (WCE)**

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini WCE?
- b) Adakah pihak WCE menerima rungutan rakyat berkenaan pilihan laluan yang tidak strategik?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kota Aggerik yang bertanya dan saya ingin mohon keizinan untuk menjawabnya bersekali dengan soalan 270 daripada Permatang berkaitan dengan *Expressway West Coast (WCE)*. Pada mesyuarat MMKN Ke-10/2016 pada 16 Mac 2016 Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan supaya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi diminta memberikan perhatian dan menyediakan kajian impak sosial (SIA) bagi menilai impak sosial, kesan daripada pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai ini. Selain daripada kajian impak alam sekitar dan kajian impak trafik dalam hal pelaksanaan WCE bagi laluan Assam Jawa ke Tanjung Karang. Dengan adanya ketiga-tiga kajian ini akan memudahkan Kerajaan Negeri meneliti jajaran-jajaran yang paling sesuai. Jajaran

asal ataupun jajaran alternatif dan memberikan pertimbangan bagi memenuhi keperluan, kemakmuran dan pembangunan kawasan sekitar. SIA yang disediakan perlu mengambil kira isu-isu setempat yang berkaitan dengan impak ke atas kehidupan dan mata pencarian penduduk kampung. Status pekan Tanjung Karang, kebimbangan penduduk kampung terhadap jajaran asal yang membelah kampung tradisi, keselamatan pengguna jalan raya dan lain-lain isu sosial yang berkemungkinan berlaku kesan dari pembinaan lebuh raya tersebut. Kerajaan Negeri juga turut meminta supaya LLM membentangkan hasil kajian untuk diteliti sebelum jajaran di kawasan berkenaan dimuktamadkan. Status pembangunan bagi Projek Lebuh Raya WCE sehingga 25 September 2016 ialah 24% berbanding peratus yang dijadualkan iaitu 32%. Jajaran lebuh raya ini melibatkan 2 negeri iaitu negeri Perak dan Negeri Selangor. Di Selangor, lebuh raya ini bermula daripada jalan Banting - Klia B18 dan berakhir di persimpangan bertingkat Tanjung Karang sebelum memasuki Negeri Perak. Di Perak pula bermula di jalan Persekutuan FT5 berdekatan dengan Jambatan Sg. Bernam di Hutan Melintang dan berakhir di sekitar Plaza Tol Changkat Jering Lebuh raya Utara - Selatan (PLUS). Lebuh raya Pantai Barat bagi Negeri Selangor dibahagikan kepada 7 seksyen yang mana seksyen yang melibatkan daerah Kuala Selangor iaitu Seksyen 7, seksyen yang mana seksyen yang melibatkan daerah Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sabak Bernam adalah Seksyen 7 yang akan merangkumi persimpangan bertingkat Assam Jawa hingga persimpangan bertingkat Tanjung Karang dan, dimaklumkan juga bahawa pembinaan WCE ini juga tidak melibatkan kepentingan mana-mana anak syarikat Kerajaan Negeri. Memang tidak dinafikan bahawa terdapat bantahan penduduk-penduduk berhubung jajaran Lebuh raya WCE di seksyen 7 iaitu dari Assam Jawa ke Tanjung Karang, di sepanjang 10 km terakhir yang akan melalui beberapa kampung seperti Kampung Dato' Ahmad Razali, Kampung Sungai Tenggi dan Kampung Sungai Gulam-Gulam. Walau bagaimanapun, di peringkat Kerajaan Negeri sedang menantikan laporan yang telah dinyatakan tadi untuk dibuatkan keputusan yang paling bijaksana. Sekian.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Maksudnya, jajaran belum dimuktamadkan. So, bilakah dijangka jajaran ini dapat dimuktamadkan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih, Kota Anggerik. Seperti yang saya jelaskan ia belum dimuktamadkan dan sekarang kita masih lagi menunggu laporan SIA, TIA dan EIA daripada LLM dan selepas daripada itu lah baru Kerajaan Negeri akan meneliti dan membuat keputusan di atas jajaran yang dicadangkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Ada disebut tadi bahawa Kerajaan Negeri tengah menunggu laporan SIA dan pada masa sama kami dimaklumkan dan berasa gempar dengan kematian sepasang suami isteri yang berlaku pada hari Jumaat yang lepas akibat kecuaiannya kontraktor lebuhraya berkenaan. Bagaimanakah mungkin kerajaan boleh mengizinkan projek ini bermula sedangkan SIA belum lagi disiapkan dan apakah kuasa yang ada pada kerajaan untuk memantau kontraktor-kontraktor ini dan sama ada kita boleh menyenaraihitamkan kontraktor yang cuai khususnya kontraktor yang kerja dengan Kerajaan Persekutuan ini? Kerana ia berlaku dengan kadar yang sangat-sangat kerap dan kerajaan perlu ada satu pendirian yang tegas terhadap mereka.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Kampung Tunku. Berkaitan dengan insiden yang dinyatakan itu adalah di bawah pihak atau bidang kuasa kontraktor atau LLM itu sendiri yang sudah pasti kita agak kecewa dan perlu membuat penegasan di atas isu yang berkaitan dan isu keselamatan ini tidak boleh di kompromi langsung dan dari sudut laporan SIA, TIA dan EIA yang saya maksudkan adalah 10km terakhir sebelum sampai ke kawasan Tanjung Karang yang melibatkan perkara-perkara ataupun kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi lah yang kalau ikutkan jajaran asal dia melibatkan beberapa kampung, Kampung Dato' Ahmad Razali, Kampung Sungai Tenggi, Kampung Sungai Gulang-Gulang dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHAYI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin tanya pada EXCO sebab apa bagaimana dia boleh belum ada satu keputusan jajaran sedangkan pelebaran jalan yang mengikut jajaran yang sepatutnya telah pun dilakukan buat masa sekarang dan satu perkara yang agak mengganggu besar keselamatan ialah apabila mereka pemaju menggunakan pekerja-pekerja asing daripada Pakistan dan sebagainya yang mereka tidak ada pengalaman soal keselamatan jadi saya tengok sangat membahayakan kepada pengguna dalam dia ketika dia menurun naik pasir dan batu-batu dan tanah merah. Jadi banyak insiden berlaku saya rasa saya lalu lalang daripada Sabak ke Shah Alam hampir tiap-tiap hari hampir tiap hari juga ada kemalangan berlaku di jalan-jalan ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Sabak yang di maksudkan oleh Sabak tadi adalah jajaran daripada selepas Pekan Tanjung Karang ke Sabak yang itu telah pun dimuktamadkan untuk mereka naik taraf Jalan FT5 yang sekarang ini dalam *progres* kemajuan yang diselenggarakan oleh JKR ataupun Kementerian

Kerja Raya sendiri. Jadi seperti mana yang kita bangkitkan sebelum daripada ini juga lah berkenaan isu keselamatan, *Traffic Management Plan* perlu dilihat kembali dan kita mengharapkan mereka yang bertanggungjawab mengambil sungguh perhatian alam hal keselamatan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Dewan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO sama ada mungkin ataupun tidak soal tentang keselamatan khususnya apa yang berlaku pada minggu yang lepas ini di bincang dan di bawa pada Mesyuarat MMKN yang dah dibincangkan dan Kerajaan Negeri mengeluarkan satu pendirian yang lebih tegas untuk apa yang berlaku pada minggu yang lepas. Mungkin kah ini boleh dibincang dalam MMKN yang akan datang.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Kampung Tunku. Walaupun ianya di luar bidang dan saya sebutkan tadi tapi saya sebagai EXCO yang dipertanggungjawabkan saya akan memanggil segera mereka yang bertanggungjawab dan kerana ianya berlaku di dalam Negeri Selangor jadi sudah pasti kita akan melihat dan juga menunggu laporan hasil siasatan dan sebagainya dan apakah punca sebenar dan sudah pasti di sana teguran-teguran yang tegas akan di buat kerana supaya ia tidak lagi berlaku tetapi sudah pasti teguran tindakan itu dalam bidang kuasa yang kita ada. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang tidak hadir jadi saya tidak benarkan ya. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan 127.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK** : **PPR SEKSYEN 8 KOTA DAMANSARA**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengikut <http://www.thwmalaymailonline.com/malaysia/article/this-is-what-public-housing-looks-like> berkenaan dengan keadaan di PPR Seksyen 8 Kota damansara, terdapat 100 penghuni menerima notis keluar kerana mereka ialah "squatters" dalam unit mereka. Mengapakah kerajaan tidak dapat mengeluarkan nama lama dan masuk nama penduduk yang sebenar?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih. Ada 100 penghuni tidak menerima notis keluar kerana mereka sebenarnya adalah sewa di atas sewa. Kenapa mereka dikeluarkan dan kenapa kita tidak *transfer* sahaja mereka sewaan itu kerana kita ada *waiting list*.

**TUAN SPEAKER** : Chempaka duduk sekejap. Rehat sekejap. Bila *ready* baru boleh bangun.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Hujan tadi. Terima kasih kepada Kampung Tunku. Kenapa kita mengeluarkan atau memberi notis kepada 100 penghuni seperti mana yang di laporkan oleh sebuah akhbar adakah mereka kerana mereka itu menyewa sewa di atas sewa bermakna namanya adalah di atas orang lain dan mereka itu masuk dan merupakan penyewa kedua. Kenapa Kerajaan Negeri mengeluarkan mereka adalah kita perlu berlaku adil kepada penyewa-penyewa ataupun mereka yang telah menunggu lama untuk masuk. Jadi tidak adil kita beri kepada menyewa atas sewa tetapi mereka yang *waiting list* ini kita tinggalkan. Jadi bermakna kita perlu memastikan bahawa semuanya mengikut *prosedur*. Jadi kalau mereka nak masuk mereka perlu tunggu ikut *que* isi borang dan *que*. Jadi tidak hadir mereka yang tinggal di situ untuk menyewa kepada orang lain dan *aspect* mereka yang menyewa atas sewa itu terus diberikan unit tersebut. Kita perlu berlaku adil itu sebab Kerajaan Negeri mengeluarkan mereka dan tidak automatik mereka ini dapat unit tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Ok terima kasih saya setuju kalau sekiranya mereka-mereka yang telah mendapat rumah dan mereka tidak menghuni lagi di rumah tersebut dan menyewakan kepada orang lain. Saya faham *waiting list* ini diutamakan tetapi apa akan berlaku kepada penyewa-penyewa yang di sewakan oleh penyewa asal ini. Mereka juga susah dan juga tidak berkemampuan untuk menyewa rumah lain.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Bermakna bahawa kita kalau nak tinggal di Kota Damansara atau tinggal di PPR tersebut mungkin kita tidak boleh bagi mungkin Kerajaan Negeri carikan tempat-tempat lain yang kosong contohnya di Lembah Subang ataupun di tempat lain bukan di Kota Damansara sebab polisi kita kalau mereka nak masuk mereka isi borang dan mereka kena *que* tetapi dalam usaha mencari tempat lain itu kita cuba carikan kalau ada tapi sekarang ini kita lihat dengan skim-skim baru seperti skim rumah sewa di mana kita telah pun

memperuntukkan RM100 juta mungkin ini lebih mudah sekarang ini daripada sebelum ini tapi Kerajaan Negeri bertegas bahawa kita boleh biarkan sewa atas sewa sebab kita tahu sebab mungkin ada daripada mereka yang menyewakan dengan harga yang lebih tinggi daripada sepatutnya disewakan.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 128 telah dijawab bersekali dengan soalan 23. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 129.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK: PERANCANGAN INFRASTRUKTUR DAN KADAR LIPUTAN INTERNET**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah visi dan perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan infrastruktur untuk capaian internet adalah memadai dalam merealisasikan Smart Selangor?
- b) Agensi manakah yang bertanggungjawab dan apakah pelan tindakan serta sasaran peratusan capaian internet yang hendak di capai mengikut pecahan PBT?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD** : Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Bagi jawapan A Kerajaan Negeri Selangor sentiasa ke arah memastikan infrastruktur di Negeri Selangor berada pada tahap terbaik bagi meningkatkan lagi capaian Internet di seluruh Negeri Selangor bagi merealisasikan Smart Selangor dengan perancangan yang lebih terperinci yang akan di jadikan agenda utama di dalam *Blue Print* Smart Selangor. Bagi jawapan B pada masa ini tiada agensi khusus yang dipertanggungjawabkan di dalam menetapkan sasaran peratusan capaian internet di Negeri Selangor apa tah lagi mengikut pecahan PBT.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Jadi kalau tiada agensi maksudnya apa tindakan selanjutnya siapa yang akan ada ke pihak Kerajaan Negeri akan mewujudkan unit khas ke macam mana untuk kita pantau sebab kalau tidak saya rasa banyak inovasi kita nak buat di bawah Smart Selangor mungkin akan terganggu di sebab tidak ada capaian internet atau sebagainya tiada mencukupi.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD** : Kita boleh berbincang dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk mendapat mungkin *feed back daripada mereka* untuk melihat sejauh mana capaian internet di kawasan – kawasan di Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO sama ada di bawah bagi *WiFi Percuma* itu adakah ia telah dikawal selia oleh satu GLC ke ataupun di bawah Portfolio Yang Berhormat EXCO ataupun UPEN sendiri. Disebabkan Teratai membangkitkan isu ini disebabkan kawasan Teratai tidak dapat itu liputan *WiFi* Selangorku yang mana merupakan program baik daripada Kerajaan Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD** : Program *WiFi* Selangorku ini dikendalikan oleh MBI.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya ingin bertanya kepada EXCO berapa peratus kah capaian internet di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD** : Mengikut laporan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di dalam *Communications and Multimedia Facts and Figures first, IQ 2016* ia menyatakan penembusan jalur lebar isi rumah pada suku tahun pertama 2016 adalah sebanyak 97.8% antara negeri yang tertinggi penembusan jalur lebar di Malaysia.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 130.

**PERTANYAAN–PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : MEMBANGUN AHLI FIKIR SELANGOR BERFALSAFAH TINGGI**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-



- a) Apakah rancangan kerajaan dalam melahirkan Ahli fikir Selangor berfalsafah tinggi?
- b) Apakah bidang dan jurusan falsafah yang akan dijadikan tumpuan?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan setiap tahun bagi menjayakan program ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Tuan Speaker Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu badan pemikir iaitu Institut Darul Ehsan ataupun disebut sebagai IDE yang melaksanakan siri wacana dan penerbitan untuk menyuburkan pemikiran tinggi dalam masyarakat. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan projek pencerahan Selangor yang menterjemahkan karya-karya agung dunia ke bahasa Melayu. Antara yang telah diterjemahkan adalah Biografi Demokrat Abraham Lincoln dan Gus Dur di mana perjuangan mereka mencerminkan pemikiran demokrasi yang tinggi. Sharh Aqid Nasafi yang membincangkan akidah Islam secara falsafah dan secara ilmu kalam turut diterjemahkan. Kerajaan Negeri komited memperkukuhkan polisi dasar membangunkan masyarakat berilmu dan intelek melalui pelbagai langkah termasuk pemerksaan institusi pendidikan di UNISEL dan KUIS. Penubuhan *Centre Of Excelence* UNISEL dapat member daya pensyarah-pensyarah dan penyelidik-penyelidik untuk menjadi ilmuwan yang berprestij bukan sahaja pakar dalam bidangnya di peringkat nasional tetapi mampu setanding atau menjadi pakar rujuk di peringkat antarabangsa. IDE telah menggerakkan program- program penyelidikan dan kecerdasan masyarakat bagi melahirkan Masyarakat yang berilmu dan bermoral tinggi. Tokoh-tokoh antarabangsa dibawa untuk menyemarakkan aktiviti keilmuan sebagai contohnya Seminar Nasional Maqasid Syariah dianjurkan dengan menjemput Sheikh Abdul Rahman Kilani, Pengerusi Rabitah Ulama Jordan. Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menjayakan Program Mengangkat Nilai- nilai Falsafah seperti Tokoh Pendeta Za'ba melalui Seminar Pendeta Za'ba Pemikir Umat Rentas Zaman. Bagi membangunkan masyarakat yang celik falsafah di kalangan masyarakat awam, IDEA dengan kerjasama PPAS telah melaksanakan 30 Program Ulasan Buku yang digerakkan di pelbagai lokasi perpustakaan awam daerah, desa dan komuniti seluruh Negeri Selangor. Buku yang dipilih di teliti keserasian kontakannya dan tahapan ilmiah agar memberi makna kepada masyarakat setempat. IDE juga telah menggerakkan program penerbitan dan penterjemahan untuk membawa nilai-nilai falsafah dan ke ilmuwan kepada rakyat. Program-program yang dinyatakan di atas di diharapkan menjadi asas untuk melahirkan Ahli Fikir Selangor Berfalsafah Tinggi dan mampu berfungsi mendidik dalam misi pencerahan dan pencerdasan yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat. Bidang falsafah yang di jadikan tumpuan pertama falsafah politik di mana konsep urus tadbir, ketulusan dan kebertanggungjawaban di bingkai dalam *Doctrine Democracy* Berperlembagaan. Kedua falsafah politik ekonomi di mana falsafah keadilan sosial dan *Distributive Justice* diberikan perhatian. Ketiga

kita juga menyuburkan falsafah islamiah di mana pendekatan keadilan dan kesederhanaan dengan izin *Justice and Moderation* menjadi teras dalam kerangka Ahli Sunah Wal Jemaah. Peruntukan yang disediakan setiap tahun bagi menjayakan program ini ialah IDE RM2 juta, Projek Pencerahan RM1 juta, Festival Bahasa dan Persuratan Melayu Serantau 1 juta ringgit. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Adakah. Terima kasih Dato' Menteri Besar jawapan yang cukup mantap. Soalan saya adakah kerajaan dalam masa terdekat merancang untuk mengangkat beberapa orang tokoh falsafah fikir yang baik seperti Professor Dr. Siddiq Fadzil dan Professor Mustapha Mohd Kamal Hassan adakah rancangan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang Kerajaan Negeri sentiasa mengambil sikap terbuka untuk mengangkat tokoh-tokoh yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang tadi untuk menjayakan program yang kita bincangkan pada pagi ini. Yang berusaha Dato' Dr. Sidek Fadhil memang antara tokoh yang telah diberikan peranan besar dalam membantu Kerajaan Negeri melahirkan ahli-ahli fikir dan beliau telah pun menyumbang dalam banyak forum dan pentas yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Namun tokoh-tokoh lain yang dicadangkan akan diberikan pertimbangan kerana kita merasakan sumbangan mereka itu amat penting bagi menjayakan matlamat yang digariskan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi biasiswa khusus untuk pengajian peringkat PhD umpamanya untuk menaikkan daya fikir warga Selangor ini dalam bidang yang tersebut?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Kerajaan Negeri telah pun menyediakan satu peruntukan biasiswa untuk meningkatkan lagi *brain bank* di dalam Negeri Selangor khususnya dalam bidang-bidang teknikal dan falsafah di peringkat PhD. Dan sudah tentulah ia dapat menyumbang kepada kejayaan matlamat program ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG** : Tuan Speaker, soalan no. 131.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : MESIN BAYAR DAN PERAGA PBT**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah kutipan bayar dan peraga untuk parkir di setiap PBT tahun 2016 hingga kini.
- b) Bagaimana PBT memastikan setiap mesin bayar dan peraga berfungsi dengan baik, cetakan maklumat di resit bayaran jelas, demi menggalakkan pemilik kenderaan dikenakan tindakan kompaun?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih pada Telok Datok. Jumlah kutipan bayar dan peraga bagi parkir di setiap PBT sehingga September 2016 adalah sebanyak RM17,645,105.12. Walau bagaimanapun dua PBT iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam masih belum melaksanakan sistem tempat letak kereta berbayar. Bagi memastikan mesin berfungsi dengan baik setiap mesin akan diuji oleh kontraktor atau syarikat penyelenggaraan pada setiap hari untuk memastikan setiap mesin bayar dan peraga berfungsi dengan baik. Sekiranya terdapat kerosakan seperti cetakan pudar, tindakan pantas akan diambil oleh pihak kontraktor ataupun syarikat yang telah dilantik untuk membaiki segera kerosakan seperti menukarkan *ribbon* pada *printer* tersebut. Selain itu bagi kawasan-kawasan yang mengalami kerosakan mesin pihak PBT akan meletakkan notis di mesin-mesin tersebut dan tidak mengambil tindakan kompaun bagi mengelakkan pemilik kenderaan dikenakan tindakan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 132.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : BANJIR KILAT**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri sekiranya berlaku banjir kilat?

- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat di Selangor?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima Tuan Speaker, terima kasih Semenyih soalan 134 telah dijawab bersekali dengan soalan....

**TUAN SPEAKER** : Bukit Lanjan, ini soalan 132.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Maaf.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Semenyih dan terima kasih Bukit Lanjan. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor mempunyai pam-pam yang bergerak yang boleh digunakan di sekitar Selangor sekiranya berlaku banjir kilat. Di samping itu Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor melalui Bahagian Sumber Air dan Hidrologi telah membangunkan sistem ramalan amaran banjir yang akan diterima melalui SMS atau mesej untuk memaklumkan kepada pegawai yang bertanggungjawab sekiranya berlaku hujan lebih dari kebiasaannya. Dengan itu pegawai dapat bersedia untuk memberi maklumat awal kepada penduduk sekiranya berlaku banjir kilat. Dan bila mana berlakunya banjir kilat Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah akan bersidang untuk melihat apakah kemungkinan ataupun perkara yang boleh diambil tindakan. Bagi mengatasi masalah banjir kilat di Negeri Selangor Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan RMK11 bagi tahun 2016-2020 adalah sebanyak RM295,000,080.00 bagi kerja pembangunan projek tebatan banjir. Bagi kerja-kerja menaik taraf saluran sebanyak RM56,700,000.00 telah diluluskan dan peruntukan kedua-dua ini adalah dari peruntukan pembangunan negeri B13. Selain daripada itu Kerajaan Negeri telah meluluskan RM30 juta untuk kerja penyelenggaraan kolam takungan banjir di bawah peruntukan parit. Kerja-kerja menaik taraf parit dan kolam akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Tuan Speaker soalan 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : GERAN TANAH KAMPUNG CHEMPAKA**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan geran-geran tanah oleh penduduk-penduduk Kampung Chempaka yang telah lama dibuat?
- b) Apakah sebab kelewatan ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama yang ingin mengetahui status permohonan geran tanah oleh penduduk Kampung Chempaka. Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-33/2016 bertarikh 5 Oktober 2016 telah meluluskan permohonan pemberimilikan kepada 32 pemohon di Kampung Chempaka. Ini yang saya maksudkan dalam ucapan belanjawan baru-baru ini. Tindakan pantas pegawai-pegawai kita belum suruh sudah dibuat. Dalam konteks ini belum tanya soalan sudah diluluskan. Cuma Yang Berhormat tanya mengapa lewat. Kelewatan kepada proses permohonan ini adalah kerana kebanyakan tapak permohonan yang terlibat termasuk dalam kawasan rizab TNB, rizab sungai dan rizab jalan. Justeru itu sebelum kertas ringkasan dapat diangkat untuk pertimbangan MMKN pentadbiran ini perlu mendapatkan ulasan teknikal dari jabatan-jabatan teknikal yang terlibat seperti MBPJ, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, JKR, JPS serta TNB. Untuk makluman Yang Berhormat juga saya telah menyatakan persetujuan untuk turun bagi menyampaikan Notis 5A ini kepada mereka yang telah terpilih seramai 32 keluarga dan Yang Berhormat boleh menemani saya dalam program tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 134. Saya ingat tak payah bangun tadi sebab belum soal dan jawab.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : TINDAKAN UNDANG-UNDANG KEPADA SR BUILDING MATERIAL**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kilang SR Building and Material di Sungai Lalang, Semenyih yang menyebabkan Sungai Semenyih tercemar?
- b) Apakah tindakan yang akan dikenakan dan undang-undang apa yang diguna pakai untuk pendakwaan di mahkamah?
- c) Berapa banyak harta dan nilai barangan yang disita?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Kita cepat dan tepat. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih. Banyak soalan Semenyih *confuse* sedikit. Untuk makluman dewan yang mulia ini soalan ini sudah dijawab bersekali dengan soalan 23.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah Sungai Air Tawar. Tidak hadir. Soalan 136 telah dijawab bersekali dengan soalan 37. Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Tuan Speaker soalan saya 137.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PEMBERIAN HAK MILIK BAGI TANAH DI DALAM PAYA JARAS DI BAWAH PENTADBIRAN PETALING**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Semenjak tahun 2008 sehingga hari ini berapakah jumlah Borang 5A yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling bagi DUN Paya Jaras?
- b) Berapakah jumlah yang masih dalam proses?
- c) Berapakah senarai pemohon yang masih belum diproses oleh bahagian pelupusan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras. Saya ingin memberikan respons kepada pertanyaan Yang Berhormat Paya Jaras tentang berapakah jumlah borang 5A yang telah dikeluarkan oleh PTD Petaling. Sebenarnya statistik itu agak detail mengikut kampung-kampung yang telah pun disenaraikan. Saya telah meneliti jawapan ini pada pagi ini dan saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat secara bertulis tetapi memang jumlah penolakan itu agak besar sama ada dalam bentuk *summary rejection* atau pun keputusan yang dibuat oleh MMKN memandangkan sebahagian besar daripada tanah-tanah yang dipohon itu terletak di dalam rizab kerajaan sama ada rizab jalan ataupun rizab sungai. Walau bagaimanapun PTD Petaling sedang meneliti permohonan-permohonan yang masih dalam proses dan setakat ini tidak ada permohonan yang belum diproses oleh Bahagian Pelupusan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker soalan 138.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : SOLUSI PENGANGGURAN BELIA**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan kolej INPENS mempunyai kapasiti terhad sedangkan belia memerlukan latihan kemahiran untuk mencari pendapatan, bilakah Kerajaan Negeri memulakan dasar membantu belia menjadi *apprentice* di institusi sedia ada, seperti kedai jahit, kilang, tempat pelancongan, PBT untuk mudah diserap.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih Yang Berhormat Selat Klang. Kapasiti tahunan INPENS mampu melahirkan seramai 900 belia mahir di dalam sepuluh bidang kemahiran. Program ini dijalankan secara sepenuh masa dalam tempoh masa 6-12 bulan mengikut bidang kemahiran masing-masing. Pada 2015 juga Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi dengan kerjasama INPENS telah membangunkan Inkubator Smart Selangor yang bertujuan melatih *apprentice* usahawan kemahiran di beberapa lokasi dengan bidang-bidang tertentu seperti berikut. Lokasi Inkubator Bazar As-Sharif Meru, Klang bidang penyaman udara. Seterusnya lokasi kedua Jalan Mahogani 7/4 Bandar Baru Batang Kali bidang motosikal. Lokasi Pekan Sungai Besar Sabak Bernam dandanan rambut, kecantikan dan jahitan. Seterusnya Taman Medan dan juga Sijangkang dandanan rambut, kecantikan dan jahitan. Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi telah menganjurkan program pembangunan usahawan desa antaranya industri komuniti kampung dengan kerjasama INPENS dalam Institut Kulineri Anjung Utara bagi melatih belia di desa yang berhasrat menjadi usahawan. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor iaitu sebuah program latihan keusahawanan di dalam bidang Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-kanak, Makanan Ringan (cendol dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinik Bertauliah. Program ini diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Kelima ialah program strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai keputusan akademik yang cemerlang untuk menjalani latihan di Selangor *Human Resource Development Centre* (SHRDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan dan keenam Program *Graduate Employability and Enhancement* Selangor adalah sebuah program yang

diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran beli khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Speaker. Saya ingin bertanya kepada kerajaan bolehkah kerajaan bersifat anjal atau fleksibel di mana masalah pengangguran beli itu lain daripada satu tempat ke satu tempat. Maksud dalam soalan saya ialah institusi sedia ada seperti kedai jahit, warung, tempat perniagaan dan sebagainya, bolehkah kerajaan membantu mereka bersama dengan pusat khidmat masyarakat atau ADN setempat untuk mengenal pasti tempat-tempat di mana belia ini boleh melalui proses *apprentice* kemudian seterusnya mungkin boleh berdikari untuk menjalani daripada kemahiran sedia ada dan dibantu oleh hijrah dan sebagainya barulah mereka dibenarkan untuk menjalani kerjaya itu sendiri. *Customize. Very specific. Customize.* Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya fikir Kerajaan Negeri tiada masalah untuk bersifat terbuka di dalam hal ini untuk melihat program-program yang spesifik sebagaimana yang dicadangkan untuk mengatasi masalah pengangguran belia.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan Negeri ada membuat satu kajian yang khusus tentang sebab-sebab pengangguran belia ini dan dengan itu kita ada perancangan yang lebih spesifik yang kita boleh selesaikan isu.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Buat masa ini kita ada satu jawatankuasa, kita belum ada satu kajian yang spesifik tetapi kita akan rancang untuk melakukannya pada masa hadapan untuk melihat masalah ini dengan lebih dekat.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah. Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 139.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**



**TAJUK : PROJEK MEMBAIK PULIH MASJID JAMEK PEKAN KAJANG**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk penambahbaikan yang dilakukan terhadap Masjid Jamek Pekan Kajang? Sejauh mana pemantauan dibuat untuk memastikan projek berjalan mengikut jadual.
- b) Berapakah kos yang terbabit dan bilakah jangkaan ia akan disiapkan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Kajang. Terima kasih cikgu mantan pensyarah saya. Kajang bertanyakan berkaitan dengan Projek Baik Pulih Masjid Pekan Kajang. Penambahbaikan atau baik pulih yang dilakukan di Masjid Jamek Pekan Kajang ialah pejabat dan tandas baru, ruang tambahan baru, karpet ruang solat utama, bilik Imam dan siaraya. Bilik AHU dan rumah pam. Pihak Jabatan Agama Islam (JAIS) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor mengadakan mesyuarat bersama setiap bulan untuk memastikan projek tersebut berjalan mengikut jadual seperti mana yang dirancangkan. Kos bagi kerja-kerja menaik taraf Masjid Jamek Pekan Kajang adalah berjumlah RM4,475,320.00 termasuk 6% GST dan dijangka siap pada 3 Januari 2017.

Walau bagaimanapun, status pada masa ini adalah 72 % yang mana sepatutnya 82 % ia ini 42 hari lewat seperti mana yang saya katakan tadi tarikh jangkaan siap ialah 3 Januari dan dijangka diserahkan pada 30 Mac. Kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT semalam disebabkan kontraktor menghadapi masalah kewangan dan hasil pemantauan di tapak pekerja tidak mencukupi untuk menyiapkan kerja mengikut program kerja. Tindakan telah diambil oleh JKR Hulu Langat dengan menghantar surat amaran kelewatan yang mana telah diberikan kepada kontraktor dan pemantauan mingguan terhadap kerja-kerja kontraktor akan sentiasa dipantau. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih Puan Speaker, terima kasih EXCO yang menjawab dan memandangkan bahawa masjid Kajang ini adalah mercu tanda terutama masuk-masuk ke Bandar Kajang tengok itu dulu. Kalaulah kelewatan yang kita alami dan cara mana bukan sahaja untuk melihat mercu tandanya tetapi untuk umat Islam sekelilingnya untuk pergi menggunakan tempat ibadah yang ulung di situ. Jadi kalau boleh dapatkan JKR memanglah membuatkan pemantauan tetapi bagaimana nak menyelesaikan masalah dengan lebih baik dan juga saya dapati bahawa ada juga ruang yang digunakan sementara

*renovation* itu adalah untuk mualaf-mualaf sekelilingnya saya kira kalau boleh juga kebajikan mualaf-mualaf dan juga mereka-mereka yang menggunakannya masa sekarang dan boleh dipercepatkan lagi dengan segala bantuan yang boleh itu, kenapa tidak ada cukup duit kalau diberikan RM4 juta lebih untuk itu. Terima kasih.

**Y.B. DATO DR. AHMAD YUNIS BIN HAIRI** : Terima kasih Kajang. Maksud saya tadi ialah kontraktor yang mengalami masalah kewangan bukan kewangan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih di atas cadangan-cadangan yang disebutkan oleh Kajang tadi dan saya kira pihak Kerajaan Negeri, JAIS dan juga JKR akan mengambil tindakan-tindakan yang bertepatan mengikut kehendak atau pun keperluan penyiapan baik pulih masjid pekan Jamek yang dikatakan sebagai mercu kepada Kajang sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Soalan 140. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PUBLIC DRINKING POLICY (PDP)**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah PDP telah diwartakan di Selangor?
- b) Apakah tindakan kepada pesalah laku tersebut?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Bernam. Untuk makluman Y.B. tiada *Public Drinking Policy* diwartakan di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, PBT boleh menggunakan peruntukan di bawah UUK yang sedia ada seperti UUK Taman untuk mengambil tindakan ke atas orang yang mabuk dan juga membuat kacau gangguan di kawasan yang berkaitan. Pihak polis juga boleh mengambil tindakan berdasarkan aduan sekiranya mereka membuat kacau ganggu di kawasan awam. Bagi orang Islam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995 ada memperuntukkan undang-undang di bawah Seksyen 18 (1) dan (2) terhadap orang Islam yang didapati bersalah terlibat dengan arak. Kerajaan Negeri bersedia untuk mengkaji satu dasar yang serupa dengan *Public Drinking Policy* supaya dapat mengawal aktiviti minuman arak dengan lebih teratur dengan parameter yang lebih jelas. Namun terdapat satu garis panduan penjualan minuman keras yang diguna pakai di setiap PBT kepada peniaga minuman keras meliputi perkara-perkara seperti berikut :

- 1) Mensyaratkan peniaga meletakkan papan tanda larangan menjual minuman keras kepada orang yang berumur 18 tahun ke bawah.
- 2) Menetapkan jarak lokasi premis perniagaan minuman keras daripada rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil ataupun tokong, pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kawasan perumahan.
- 3) Mensyaratkan waktu operasi penjualan minuman keras mengikut waktu yang dibenarkan. Contohnya sehingga jam 12 malam.
- 4) Mensyaratkan peniaga untuk memastikan pelanggan tidak meminum minuman keras di hadapan premis dan tempat terbuka.

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baru.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Tuan Speaker, soalan saya 141.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK** : **SKIM KESIHATAN WANITA SELANGOR**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan kempen-kempen di bawah Skim Kesihatan Wanita Selangor sejak tahun 2015.
- b) Nyatakan jumlah wanita yang menyertai program MammoSel mengikut daerah sejak tahun 2015?
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mewujudkan lebih banyak pusat pemeriksaan mammogram bagi wanita di Selangor?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Kuala Kubu Baru. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan dan sumbangan golongan wanita di dalam pembangunan dan kesejahteraan Negeri Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penuh pelaksanaan program-program dan kempen-kempen yang melibatkan kesihatan dan kesejahteraan golongan wanita. Program Skim Kesihatan Wanita atau SKW yang telah dilancarkan semenjak 2010 masih giat dilaksanakan sehingga kini dengan kerjasama Pejabat-pejabat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walaupun Putrajaya telah menghentikan program tersebut tetapi kita

tetap melaksanakan demi kesejahteraan wanita Selangor. Kempen di antaranya adalah kempen jelajah MammoSel yang mana ia turut memperkenalkan kerjasama bersama dengan MAKNA dan juga BP *Healthcare* melalui treler ataupun trak yang telah pun dilaksanakan, diisi ataupun yang mempunyai *facility* pemeriksaan mammogram ini yang mana ini adalah bagi keperluan pemeriksaan saringan mammogram oleh para peserta di luar bandar. Untuk MAKNA, 19 program termasuk yang telah pun dirancang sehingga Disember telah pun dan akan dilaksanakan dan sehingga kini seramai 668 peserta dengan RM101,600.00 telah pun dilaksanakan. Sementara dengan pihak BP *Healthcare truck* sebanyak 5 program telah pun dan akan di laksana sehingga Disember 2016 dengan 112 peserta dan peruntukan sebanyak RM19,800.00. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri amat prihatin dan sentiasa berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada golongan wanita Selangor dan justeru itu, khidmat pembekal perkhidmatan telah turut diperluaskan daripada hanya satu pembekal perkhidmatan kepada tujuh pembekal perkhidmatan. Malah pembekal-pembekal perkhidmatan ini turut memperluaskan perkhidmatan saringan ke cawangan-cawangan di lokasi-lokasi yang lain bagi menambah baik pelaksanaan Skim Kesihatan Wanita ini. Perluasan lokasi pembekal perkhidmatan ini secara tidak langsung membantu dari segi memberikan kemudahan mobilisasi, lebih dekat dengan penerima manfaat Skim Kesihatan Wanita ini. Berikut adalah pembekal perkhidmatan MammoSel di bawah Skim Kesihatan Wanita yang terkini. Yang pertama Majlis Kanser Negara iaitu MAKNA, Bilangan lokasi 1. Keduanya, *National Cancer Society* Malaysia (NCSM) 1, yang ketiga SALAM Specialist Hospital 1 di Shah Alam. Yang Keempat Darul Ehsan Medical Centre 1 di Shah Alam. Yang kelima, BP *Healthcare* empat, empat lokasi iaitu di Glenmarie Shah Alam, Klang, Cheras dan Taman Megah. Yang keenam, KPJ ada empat iaitu Shah Alam, Klang, Rawang dan Damansara dan yang ketujuh, Columbia Asia mempunyai lima premis iaitu Petaling Jaya, Puchong, Bukit Rimau, Cheras dan Setapak.

(b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penerima manfaat Skim Kesihatan Wanita daripada tahun 2015 sehingga 30 Oktober 2016 adalah sejumlah seramai 7,135 orang peserta dengan jumlah pembayaran sebanyak RM970,225.00, sementara Kuala Kubu Baru memohon untuk menyatakan bilangan penerima mengikut pecahan daerah saya kira itu saya akan serahkan pada KKB, *even* pecahan mengikut DUN juga saya boleh berikan dan kita akan serahkan kemudian dan (c) Kerajaan Negeri Sentiasa prihatin terhadap rakyat terutama bagi golongan yang kurang berkemampuan dan mempunyai masalah kesihatan, Kerajaan Negeri akan meneruskan menambah baik program bantuan kesihatan sihat Selangor dari semasa ke semasa terutamanya kepada pesakit dialisis dan dalam pembentangan bajet yang terkini oleh YAB Dato' Menteri Besar telah pun ditambahkan bajet untuk dialisis ini sebanyak RM5,000,000.00. Jadi ia nya akan memberikan peluang kepada lebih ramai lagi para pesakit dialisis untuk mendapatkan manfaat ini dan sebanyak RM1,000.00 sehingga RM5,000.00 akan disalurkan kepada pemohon mengikut kelayakan yang telah ditetapkan selain menambahkan bilangan penerima dan jumlah

bantuan pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu sistem permohonan secara atas talian bagi memudahkan permohonan dan semakan status kelulusan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baru.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih kepada Y.B. EXCO, saya tidak tanya soalan saya mengenai dialisis tapi memberi jawapan yang sangat lengkap mengenai dengan dialisis. Saya nak tanya ialah promosi mammogram. Ok saya nak soalan tambahan saya ialah mengenai dengan pusat perkhidmatan mammogram itu, adakah mereka, wanita Selangor yang mereka ialah rakyat Selangor boleh *walk in* secara *walk in* dengan izin pergi ke pusat perkhidmatan tersebut untuk mendapatkan program kita menikmati Program MammoSel kita.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Kuala Kubu Baru, sebenarnya seharusnya mereka yang ingin untuk mendapatkan perkhidmatan mammogram ini perlu berdaftar dengan RMSB melalui pejabat-pejabat pusat khidmat dan juga melalui penyelia PWB agar kita boleh melihat berapa ramai yang akan hadir pada hari-hari tertentu yang telah pun ditetapkan oleh pihak RMSB ataupun daripada ADUN bersama dengan pihak hospital tersebut. Jadi ini adalah lebih memudahkan dan kita boleh memastikan bahawa para peserta mammogram ini adalah orang-orang yang telah pun berdaftar dengan pihak DUN masing-masing.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Speaker, saya ingin bertanya kepada pihak EXCO tadi EXCO ada telah menyenaraikan senarai-senarai pusat yang menawarkan perkhidmatan ini. Dimaklumkan bahawa Batu Tiga ini banyak pilihanlah sebab ada SALAM, DEMC, KPJ. Tetapi saya ingin tanya sebelum saya menentukan atau pun saya ingin menghantar wanita-wanita pergi ke mammogram ini, saya lihat jenis mesin yang digunakan berbeza. Ada mesin yang menggunakan 3D, ada yang menggunakan 2D. Jadi saya nak tanya kepada pihak EXCO sebenarnya apakah syarat yang telah diberikan kepada setiap hospital ini bila dia menawarkan sebab memandangkan teknologi 3D dan 2D ini berbeza. Jadi jumlah yang kita bayar mungkin sama setiap hospital. Jadi apakah sebenarnya syarat dan sebenarnya apa fokus pihak kerajaan 3D atau 2D untuk kita pastikan perkhidmatan kita bagikan kepada wanita yang terbaik sebenarnya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Batu Tiga, sebenarnya mesin yang digunakan sama ada 3D ataupun 2D ini adalah yang diterima pakai oleh pihak Kerajaan Negeri namun yang terkini adalah mesin yang mempunyai imbasan 3D, maka kita lebih galakkan agar pihak RMSB menghantar para peserta mammogram ini ke hospital-hospital yang mempunyai kelengkapan yang lebih baik dan kita akan memaklumkan kepada pihak hospital-hospital agar mereka mempertingkatkan mesin yang digunakan untuk memberikan perkhidmatan kepada wanita-wanita kita.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Sedikit tambahan Speaker. Terima kasih, maklum tentang isu itu tetapi kalau kita lihat pembayaran kepada mesin imbasan 3D adalah jauh lebih mahal daripada 2D. Jadi sebab itu saya ingin bertanya kepada EXCO berapakah sebenarnya pembayaran yang kita buat setiap individu yang pergi kalau pembayaran itu adalah untuk menepati imbasan 3D, sewajarnya semua hospital yang kita tawarkan adalah hospital yang menawarkan 3D bukan 2D. Jadi berapa sebenarnya perkhidmatan yang kita bayar setiap kepala kepada individu yang pergi buat mammogram ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Batu Tiga yang sangat teliti dalam perkara ini. Pihak Kerajaan Negeri membayar sejumlah RM150.00 setiap peserta untuk melaksanakan program sama ada 3D atau 2D. Jadi selepas ini kita akan mengkaji semula perkara tersebut agar pembayaran yang kita lakukan ini benar-benar mencapai hasrat Kerajaan Negeri agar setiap ringgit yang kita belanjakan itu adalah sampai dan memberikan manfaat kepada para peserta kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker, Ijok ingin menanya kerajaan, kalaulah wanita-wanita yang telah dihantar untuk mammogram ada masalah. Adakah skim dari Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi rawatan lanjutan kepada wanita-wanita yang telah berdaftar untuk program ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI** : Okey, terima kasih Ijok. Untuk wanita-wanita yang *detect* atau dikenal pasti mempunyai sesuatu yang didiagnosis sesuatu yang abnormal, yang kurang normal maka pihak pengendali perlu memberikan satu lagi rawatan iaitu imbasan *ultrasound* dan itu masih lagi dibiayai oleh pihak Kerajaan Negeri namun untuk rawatan seterusnya pihak Kerajaan Negeri tidak dapat memberi rawatan pembiayaan tersebut namun para peserta tersebut boleh memohon pula melalui Program Skim Bantuan Kesihatan Sihat Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Kita sudah dengar banyak mendengar tentang wanita, adakah EXCO membuat sesuatu untuk lelaki, ada tak program khusus untuk lelaki? Banyak belanja untuk wanita.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI** : Terima kasih kepada Andalas. Saya maklum bahawa Andalas sentiasa memikirkan kebajikan kesihatan untuk lelaki jadi *Insyah-Allah* untuk tahun 2017 pihak Kerajaan Negeri akan melaksanakan satu program yang dinamakan Saringan Sihat Selangor yang mana antara program ini, saringan ini kita akan melaksanakan Ujian Pengesanan *Prostate Specific Antigen* ataupun PSA bagi mengesan kanser prostat dan kita akan memulakan pada tahun ini bermula dengan para pegawai atau pun kakitangan di SUK, Pejabat Daerah dan juga PBT dan selepas itu baru kita akan panjangkan kepada rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih. Maaf Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasihlah ke atas keprihatinan Yang Berhormat EXCO jaga kesihatan rakyat Negeri Selangor bukan senang tapi cuma saya nak tanya satu tambahan tentang masalah-masalah kita ini adalah *problem* untuk *mengecheck* masalah mental semua wakil rakyat dan sebagainya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI** : Terima kasih Sekinchan, buat masa ini kita belum lagi membuat atau pun membincangkan program untuk mengatasi masalah mental cumanya kita akan melaksanakan satu Program Menangani Stres dan ianya kita akan laksanakan dalam sebelum berakhir 2016 ini *Insyah-Allah*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI** : Terima kasih Speaker. Saya nak bertanya kepada Kerajaan oleh kerana daripada statistik ataupun sudut perubatannya mereka yang mempunyai keluarga yang sudah dijangkiti kanser payudara ini berisiko lebih tinggi daripada orang lain, jadi adakah Kerajaan mengenal pasti mereka yang sudah menghadapi kanser payu dara ini supaya mereka ini diutamakan dahulu untuk disaring.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI** : Terima kasih Selat Klang. Apa yang Selat Klang utarakan saya rasa kira ia perlu dilaksanakan satu kempen dahulu kesedaran kepada wanita barulah kita boleh mencari mana-mana wanita-wanita yang mungkin

ada potensi atau pun yang mungkin mempunyai risiko menghadapi kanser payudara untuk kita berikan rawatan awal atau pun saringan awal. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Terima kasih Tuan Speaker , soalan nombor 142.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENUTUPAN OPERASI LOJI AIR SEMENYIH**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan kronologi dan punca sebenar gangguan bekalan air yang menyebabkan penutupan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih LRA Langat dan LRA Cheras baru-baru ini.
- b) Berapakah kos yang digunakan akibat penutupan loji tersebut?
- c) Apakah tindakan demi memastikan sungai tercemar tidak lagi berlaku?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker terima kasih. Semenyih bertanya dan izinkan saya untuk menjawab sekali dengan soalan 166 daripada Meru dan 208 209 daripada Kinrara yang berkaitan dengan pencemaran loji rawatan air.

**TUAN SPEAKER** : Soalan bersekali dengan soalan 166?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : 209

**TUAN SPEAKER** : Ok.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Kebanyakan soalan berkisar berkaitan dengan pencemaran yang saya kira telah pun dijawab oleh Bukit Lanjan melalui jawapan soalan nombor 23, cuma saya ingin mengambil sedikit ruang untuk menjawab soalan berkaitan dengan kos. Bagi kos setiap kali loji rawatan air ditutup Air Selangor akan mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan ataupun PTK ataupun dengan izin *Emergency Response Plan* (ERP) di mana kos keseluruhan dari tahun 2013 hingga 17 Oktober 2016 ialah untuk menguruskan pelan ini ialah RM6.9 juta dan secara khususnya kos pelaksanaan ERP dan PTK ini sehingga rawatan loji air pulih untuk Loji Rawatan Air Semenyih, Langat, Cheras baru-baru ini sekitar RM1.3 juta.



**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Soalan saya yang C bagi untuk memastikan sungai tidak tercemar, ada tak kajian Kerajaan Negeri atau pun satu operasi besar-besaran kerap dilakukan kerana semalam sahaja, pagi ini saya dapat maklumat lagi di Batu Dua Jalan Bangi siap dengan bergambar daripada anak sungai ini *color* hitam dan satu lagi *color* coklat. Tak ada ke satu kajian untuk alat untuk *detect* dari awal daripada Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Saya kira beberapa kali jawapan telah disentuh dalam jawapan nombor 23 dan secara *detail* kalau perlu saya minta bantuan daripada Bukit Lanjan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Lanjan ingin memberi maklumbalas.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Soalan tentang Bahagian C telah dijawab bersekali dengan soalan nombor 23, cuma Yang Berhormat Semenyih bila mendapat aduan tersebut hantarlah kepada Jabatan Alam Sekitar. Kita memang ada banyak *measuring tools* dengan izin automatik dan juga manual dan perkara-perkara ini boleh ditangani secepatnya jangan tunggu sehingga masuk Sungai Semenyih baru kita terpaksa tutup atau pun menangani untuk menyelesaikan masalah pencemaran jadi bahan sebenarnya saya memang sebenarnya saya nak beritahu Dewan yang mulia ini gerak kerja NGO Yang Berhormat Semenyih sangat bagus. *I appreciate* sangat menghargai apa usaha yang dijalankan oleh NGO tersebut tetapi NGO itu kalau boleh seberapa boleh kerjasama dengan satu Jabatan Alam Sekitar, ini adalah industri *pollution* dengan izin, keduanya kita ada Lembaga Urus Air Selangor, ada juga Air Selangor, ada IWK dan PBT MPKj, jadi kalau kita dapat mengenal pasti secara awal kita boleh pergi ke sana merawat atau pun memberhentikan pencemaran itu daripada masuk ke dalam Sungai Air Semenyih dan kita juga boleh tutup serta-merta seperti mana yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Mohon celahan.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih EXCO yang menjawab. Saya memang dah bertindak pun dah bagi tahu pun pada Alam Sekitar cuma saya nak minta perhatian daripada EXCO yang bertanggungjawab kerana..

**TUAN SPEAKER** : Soalannya?

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Kebelakangan ini setahun dua tahun ini memang kerap berlakunya pencemaran dan juga berlakunya paip pecah. Jadi di Semenyih ini hebat sangat. Jadi minta dalam saya pun dah sebut minta satu bajet khas ataupun satu operasi khas kerana banyak loji di sini, jadi isu tadi untuk maklumkan kepada ..

**TUAN SPEAKER** : Soalannya Semenyih kena dalam bentuk soalan, soalan tambahan.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Soalan saya apakah langkah Kerajaan Negeri untuk melakukan sesuatu operasi yang besar-besaran untuk memastikan kilang-kilang ini tidak membuat pencemaran kepada sungai atau pastikan *detect* lebih awal apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini kerana tragedi air tak ada ini kerap berlaku di Semenyih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Semenyih. Untuk makluman Semenyih memang kita tak buat operasi besar-besaran, mengapa? Kerana bila kita tiba di Lot 1 sebagai contohnya, Lot 10 dah tahu dan lain-lain jadi bila kita buat operasi kita buat senyap-senyap maksudnya berkala dan juga tidak berkala *regular and also irregular* . Apabila kita mendapat aduan khasnya ada bau, ada mereka nampak sesuatu semua agensi berkenaan boleh masuk untuk menyemak kerana biasanya *sure* sudah pastinya ada bukti yang tertinggal atas lantai ke, sumpit ke dan sebagainya. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Semenyih kita memang ada *detection, early detection* ataupun pengesanan awal dan khasnya kita ada 3 alat secara automatik *detection* awal dan di PBT MPKj Majlis Perbandaran Kajang sebenarnya sudah juga keluar kompaun kepada 87 premis yang..

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Nanti dulu alat tadi.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Bagi saya habis. Sudah keluar 87 kompaun dan kita pun ada satu kilang yang besar di Semenyih tahun lepas yang kita dapati melepaskan asid yang keterlaluan yang sudah dibatalkan lesen dan juga ditutup. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Semenyih memang ada *detection* awallah di sana, oleh sebab itu kita boleh bergerak, kita bergerak di kawasan yang amat besar seperti mana yang saya sudah sebut di dalam Dewan yang mulia ini sebesar Singapura, hampir sebesar Singapura lebih daripada 600 kilometer persegi dan kita jangan *they are not angles* dengan izin, *they are not angles* semua industri ada juga pencemaran termasuk *sewage* dan *plant* tetapi Semenyih kebanyakan yang kita dapat kita boleh *categorizes* kan. Satu adalah kebanyakannya daripada kilang-kilang. Keduanya daripada *sewage* atau pun sistem kumbahan jadi kita juga menangani seberapa boleh dan kita juga semak dan semakan ini juga dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bersama dengan agensi-agensinya.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 143.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan sebuah institut yang akan memfokuskan kepada pembuatan dasar-dasar berkaitan wanita dan menjalankan kajian keberkesanan program wanita membangunkan kaum wanita di Selangor?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI** : Terima kasih Taman Medan, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan sebuah institut yang dikenali sebagai Institut Wanita Berdaya Negeri Selangor yang bertindak sebagai sebuah badan pemikir yang akan menyediakan dasar-dasar dan kajian berdasarkan pembangunan dan pembudayaan wanita di Negeri Selangor selain program-program berkaitan dengan *gender*. Setelah Kerajaan Negeri Selangor berjaya melaksanakan Dasar Pembedayaan Wanita melalui PWB atau pun Pusat Wanita Berdaya yang telah pun wujud di seluruh 56 DUN di Negeri Selangor iaitu di mana kita telah dapat dengan izin kepada wanita-wanita ke akar umbi maka sudah sampai masanya Kerajaan Negeri mengambil langkah ke hadapan untuk menginstitusikan sebuah badan khusus bagi melaksanakan ataupun sebagai badan yang memikirkan bagaimana untuk terus melaksanakan perancangan-perancangan yang lebih holistik dan komprehensif agar dapat diwujudkan ke arah kemajuan golongan wanita, kanak-kanak dan keluarga di Negeri Selangor. Dengan adanya IWB ini ataupun Institut Wanita Berdaya ini Kerajaan Negeri Selangor yakin bahawa transformasi *gender* dan keadilan sosial dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian melalui perangkaan dasar-dasar yang mesra *gender* serta martabatkan kedudukan wanita dalam masyarakat. Ini adalah selaras tadbir urus yang baik dan agenda peduli rakyat oleh Kerajaan Negeri Selangor. Badan ini juga bertanggungjawab sebagai Penasihat kepada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan keluarga dalam merangka dasar bagi mencapai kesaksamaan *gender*, keadilan sosial di Negeri Selangor. Selain daripada itu IWB juga berperanan memantau dasar-dasar dan undang-undang yang diskriminasikan *gender*, melaksanakan program-program pembedayaan wanita kepada pelbagai lapisan masyarakat serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan lelaki dan wanita berkenaan kesaksamaan *gender*, hak asasi manusia dan tadbir

urus yang baik. Penubuhan IWB di Negeri Selangor ini diharapkan dapat mewujudkan keharmonian serta keadilan sosial dalam masyarakat terutamanya bagi golongan wanita yang merupakan separuh daripada penduduk di Negeri Selangor ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Adakah perkara-perkara yang berkaitan dengan wanita seperti keluarga dan anak-anak juga menjadi tumpuan pembuatan dasar di bawah IWB juga.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Taman Medan. Ianya akan merangkumi keseluruhan yang berkaitan dengan wanita. Jadi kanak-kanak, keluarga dan juga lelaki adalah antara yang kita akan perhalusi dalam agenda ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya siapakah yang akan menganggotai Institut ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Rawang. Oleh kerana ia masih lagi dalam perancangan masih belum lagi ada nama-nama yang dinamakan untuk berada di peringkat IWB ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Tahniahlah kepada Y.B.. EXCO dan Kerajaan Negeri kerana mengangkat martabat wanita tentang kehebatan wanita-wanita di Negeri Selangor. Kita jaga dengan betul lah ya. Mesra wanita. Walau bagaimana pun Institut Wanita Berdaya ni satu inisiatif yang cukup baik Sebelum kita nak adakan Institut Wanita Berdaya ini dalam penyelia PWB dan penyelaras PWB masih ada masalah tentang kebajikan mereka ya. Tidak dijaga dengan begitu baik kerana mereka mengumpulkan wanita-wanita di kawasan DUN untuk mengadakan segala macam pendedahan, penyelidikan dan kursus di situ tapi kebajikan mereka ini harus dijaga. Saya minta apakah perancangan untuk mereka supaya bertambah baik kebajikan mereka.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Sekinchan. Beberapa perkara-perkara yang masih lagi belum dapat dilaksanakan kerana ia memerlukan

sejumlah peruntukkan. Antaranya untuk penyelia-penyelia PWB dan juga untuk penyelaras PWB. Jadi antaranya adalah seperti elaun, elaun apa nama dia, elaun perjalanan. Jadi yang itu yang mungkin pihak Kerajaan Negeri akan memikirkanlah bagaimana untuk kita membantu para penyelia dan penyelaras kita yang bekerja dengan kuat dan bersungguh-sungguh di seluruh DUN, semua para penyelia PWB kita sangat bekerja dengan kuat dan komited dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baiknya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya amat tertarik dengan jawapan EXCO bahawa tiada rancangan lagi siapa yang akan menganggotai IWB. So agak-agak bila kita IWB ini akan ditubuhkan di 2017.

**Y.B. TUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima Damansara Utama. Ianya bukan tiada perancangan tetapi ia masih belum diputuskan. Jadi....dan kita masih ada masa lagi untuk ke arah itu. Jadi selepas sidang ini kita akan bermula untuk mengenalpasti dan juga merancang pelaksanaan IWB ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara sebelum memanggil soalan saya nak tanya ada tak isu lain di kawasan selain isu perumahan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Saya dah bawak semalam. Semalam saya dah bawak banyak isu di Kampung Melayu Subang. Nak minta nanti EXCO juga jawab. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 144

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK:PANGSAPURI PERKHIDMATAN**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar pembinaan pangsapuri perkhidmatan di Selangor?
- b) Nyatakan jumlah pangsapuri perkhidmatan yang telah dan sedang dibina di Selangor mengikut jenis?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD** : Terima kasih. *Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera. Bagi mempelbagaikan jenis kediaman mampu milik di Selangor Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dasar Pangsapuri Kediaman Komersial atau servis *apartment Small Office Home Office(SOHO)* dan *Boutique Office Small Office*

*Vesatile Office(SOVO)* dan juga *Small Office Flexible Office (SOVO)* mampu milik. Dasar keperluan penyediaan *Service Apartment* SOHO, SOGO dan SOFO mampu milik ini dibuat setelah mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:-

1. Pemaju memilih untuk membangunkan kediaman komersil seperti *service apartment* atau SOHO bagi mengelakkan pembangunan keseluruhan terikat dengan keperluan penyediaan perumahan mampu milik ataupun dasar Rumah Selangorku. Oleh yang demikian dengan adanya dasar ini akan dapat mengekang pemaju daripada mengelak menyediakan kediaman mampu milik.
2. Trend semasa juga menunjukkan *service apartment* SOHO atau *boutique office* SOFO dibangunkan di sepanjang jalan pusat-pusat Bandar, kawasan *Transit Oriented Development* TOD dan kawasan yang mempunyai jaringan pengangkutan yang mudah yang mana kawasan-kawasan ini sepatutnya perlu turut dibangunkan dengan kediaman mampu milik.
3. Keperluan untuk menyediakan ruang-ruang perniagaan komersial kepada golongan usahawan muda atau *young entrepreneurs* termasuk yang baru menceburi bidang perniagaan yang tidak memerlukan ruang pejabat yang besar. Dasar tersebut telah menetapkan keperluan penyediaan servis *apartment* SOHO, SOGO, SOVO mampu milik adalah antara 10% . Bagi pembangunan yang dibawah 500 unit dan 20% sehingga 20% kepada pembangunan yang lebih daripada 1000 unit. Jadi bermakna bahawa dasar ataupun dasar utama perkara utama bagi garis panduan SOHO dan SOVO ini adalah penyediaan *apartment* ataupun unit-unit mampu milik. Sebelum ini tidak ada ditetapkan supaya pemaju membina unit-unit mampu milik seperti mana yang saya katakana tadi bahawa untuk servis *apartment* dibawah 500 unit 10% mampu milik antara 501 hingga 1000 unit 15% mampu milik 1001 unit ke atas 20%. Begitu juga dengan SOHO mampu milik juga yang sama dan SOHO dan SOFO pun sama tetapi bagi *service apartment* untuk mampu milik di kawasan *Transit Oriented Development* TOD penyediaan di bawah 500 unit 20% servis *apartment* mampu milik. Di antara 501 dan 1000 unit 20% servis *apartment* mampu milik . Dan 1001 unit ke atas 30% servis *apartment* mampu milik.

Dari segi harga, harga jualan bagi servis apartmen mampu milik adalah RM270,000 bagi pembangunan di kawasan zon satu iaitu di PBT-PBT Lembah Klang dan RM250,000.00 di zon 2 dan 3. Dan bagi SOHO dan SOGO dan SOFO dan servis *apartment* SOHO di kawasan TOD kesemuanya adalah di antara RM230,000.00 hingga RM250,000.00. Ini adalah berbeza dengan sebelum ini di mana kita lihat di kawasan-kawasan yang *prime* dengan izin di mana untuk 500 kp ianya boleh pergi sehingga RM400,000.00 hingga RM500,000.00. Kalau dulu kita tidak ada *guideline* ini, garis panduan ini, pemaju bebas menjual sehingga RM500,000 ataupun 400,000. Tetapi dengan ada *guideline* ini mereka perlu dan wajib membina sepertimana saya

katakana tadi peruntukan beberapa peratus membina *apartment* ataupun unit-unit mampu milik daripada RM230,000.00 hingga 270,000.00 Hampir separuh daripada apa yang berlaku sebelum adanya *guideline* ini.

Soalan yang kedua adalah berapa.....

**TUAN SPEAKER** : Chempaka boleh ringkaskan....

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD** : Soalan kedua adalah berapa yang sedang dibina. Untuk makluman bahawa kalau ikut kepada *guideline* ini kita baru saja memperkenalkan pada 1 September 2016. Jadi belum lagilah mengikut *guideline* ini, garis panduan ini yang telah dibina. Tetapi keseluruhannya yang telah dibina di Negeri Selangor melalui statistik kita adalah 82,101.00 unit pangsapuri perkhidmatan yang telah dibina setakat ini. Ini sebelum ada *guideline* tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 145 telah dijawab bersekali dengan soalan 23. Gombak Setia

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN** : Tuan Speaker, soalan 146.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN AHLI DEWAN BN**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan tahunan Dun yang diberikan kepada Ahli Dewan Negeri BN digunakan untuk manfaat rakyat?
- b) Boleh berikan prestasi penggunaan bajet tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Y.B. Tuan Speaker izinkan saya menjawab soalan 146 daripada Gombak Setia bersekali dengan soalan 204 yang dikemukakan oleh Y.B. Kuala Kubu Bharu yang mana kedua-dua mereka menyentuh perkara yang sama. Walau bagaimanapun, Y.B. Tuan Speaker persoalan ini telah pun saya memberikan respon ketika penggulungan perbahasan di peringkat Dasar Belanjawan 2017. Berhubung peruntukkan yang diberikan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri daripada Barisan Nasional. Saya tidak berhasrat untuk mengulangi jawapan tersebut. Tetapi sebagai tambahan kepada persoalan yang dikemukakan oleh Y.B. Kuala Kubu Bharu tentang adakah peruntukkan RM200,000 boleh diguna pakai oleh Pegawai Penyelaras DUN memandangkan pada tanggapan umum ahli-ahli Dewan Negeri daripada Barisan Nasional tidak menggunakan peruntukkan tersebut. Tetapi

sebenarnya saya telah menjelaskan sebahagian daripada peruntukkan tersebut telah pun digunapakai oleh Ahli-ahli Y.B. yang dimaksudkan. Namun baki selebihnya MMKN telah meneliti baru-baru ini kita mengambil ketetapan peruntukkan ini masih kekal untuk Ahli-ahli Dewan Negeri Barisan Nasional. Dan Peruntukkan ini sebenarnya kita mengikut prosedur kewangan diletakkan di Pejabat Daerah dan pegawai-pegawai Daerah adalah pegawai-pegawai pengawal kepada peruntukkan tersebut. Namun sekiranya Y.B. Ahli-ahli Dewan Negeri Daripada pembangkang enggan menggunakan sebahagian daripada peruntukkan ini sehingga hujung tahun penyelarasan DUN boleh berbincang dengan Pegawai Daerah selaku pegawai layan supaya wang ini dapat disalurkan terus bagi kepentingan rakyat di kawasan yang berkenaan.

Tentang Kerajaan Negeri apakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat bahawa negeri lain juga memberi peruntukkan kepada ADN bukan kerajaan sudah tentulah di peringkat Parlimen perkara ini tidak berlaku dan negeri-negeri yang mengiktiraf pembangkang yang mempunyai peranan hanyalah Negeri Selangor dan negeri Pulau Pinang sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 147.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE  
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK : KELEWATAN PEMBINAAN PASAR TAMAN SRI MUDA, SEKSYEN 25,  
SHAH ALAM**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah masalah utama yang dihadapi hingga menyebabkan berlaku kelewatan?
- b) Apakah terdapat halangan yang dihadapi oleh MBSA dalam membantu menyiapkan pembinaan pasar ini?
- c) Apakah terdapat permohonan lanjutan tempoh masa daripada pihak kontraktor kepada MBSA? Huraikan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Sri Muda. Pihak Majlis telah menyempurnakan serahan tapak pembinaan pasar ini kepada kontraktor pada 1hb Oktober 2014. Status terkini di tapak pembinaan



sehingga 21hb. Oktober 2016 adalah di peringkat penanaman cerucuk pada tahap 13 % siap. Kerja penanam cerucuk dijangka siap sepenuhnya dalam masa terdekat namun begitu kemajuan di tapak dilihat masih sangat perlahan. Kelewatan berpunca daripada keengganan pihak kontraktor memulakan kerja-kerja pembinaan kerana dilaporkan terdapat 24 gerai yang masih beroperasi dalam kawasan tapak pembinaan. Menurut pihak kontraktor mereka hanya memulakan kerja pembinaan setelah semua gerai-gerai dirobohkan dan pegerai-pegerai dipindahkan ke tapak pemindahan sementara. Sehubungan dengan itu pada 5hb Mei 2015 Pihak Majlis telah mengarahkan kontraktor yang sama untuk membina gerai di atas tapak pemindahan sementara untuk menempatkan pegerai-pegerai berkenaan. Walau bagaimanapun kontraktor telah gagal menyempurnakan pembinaan dan penyerahan gerai di tapak pemindahan sementara setelah tamat tempoh tujuh minggu yang diberikan. Pegerai-pegerai tidak dapat dipindahkan kerana gerai yang didirikan masih belum mendapat bekalan air dan elektrik. Alasan pihak kontraktor adalah pihak TNB tidak dapat membekalkan penggunaan tenaga elektrik kerana kekerapan berlakunya litar pintas di tapak gerai yang terdahulu berpunca dari penyambungan yang dibuat oleh pegerai secara haram. Majlis seterusnya telah berbincang dengan TNB dan masalah ini telah dapat diatasi dengan baik. Sepanjang tempoh pembinaan projek pasar ini Pihak Majlis telah banyak membantu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kontraktor untuk memastikan projek ini terus berjalan lancar. Antara langkah pemulihan ataupun *recovery programme* yang diambil oleh Majlis adalah dengan meminda tarikh pemilikan tapak dari 1 Oktober 2014 kepada 5 Mei 2015. Walaupun Majlis telah beberapa kali memberi peluang kepada kontraktor namun kemajuan yang didapati masih lagi sangat perlahan. Kontraktor tidak menunjukkan komitmen dan prestasi kerja seperti yang diharapkan oleh Majlis. Pihak MBSA telah menerima 3 kali permohonan lanjut tempoh dari pihak kontraktor.

Dari tiga permohonan tersebut MBSA hanya meluluskan satu sahaja permohonan iaitu dengan meminda tarikh pemilikan tapak dari 1 Oktober 2014 kepada 5 Mei 2015. Keputusan meminda tarikh pemilikan tapak ini dibuat setelah MBSA mengambil kira sewajarnya masalah yang dihadapi oleh kontraktor sebelum ini hanya dapat diselesaikan di peringkat pengurusan MBSA. Permohonan lanjutan tempoh yang dikemukakan selepas itu telah ditolak oleh MBSA kerana pihak kontraktor mengemukakan alasan yang sama seperti dalam permohonan pertama. Oleh yang demikian, pihak MBSA tidak dapat mempertimbangkan sebarang lanjutan tempoh untuk masa tambahan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, masa pertanyaan telah tamat maka saya tangguhkan pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul nombor 12 tahun 2016, Usul Peruntukan Pembangunan 2017.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah saya peruntukan masa sehingga pukul 1 untuk ADUN membahaskan usul pembangunan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baru.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Speaker yang memberi peluang kepada saya. Saya mula dengan muka surat 187 vot P01 kod projek 13003, Pembangunan Muzium-Muzium Daerah Yang Tidak Diperuntukkan Wang. Ini adalah tahun ketiga, saya membangkitkan kod projek yang sama supaya Pihak Kerajaan boleh mengambil berat pembangunan muzium-muzium daerah memandangkan muzium adalah pemegang saham warisan negara yang tidak ternilai. Tuan Speaker, Negeri Selangor mempunyai 9 daerah dan setakat ini terdapat 4 buah muzium di 3 daerah. 4 buah muzium tersebut adalah Muzium Pertanian Sabak Bernam, Muzium Sejarah Kuala Selangor, Muzium Permainan Kuala Selangor dan Muzium Insitu Jugra. Kerajaan Negeri juga akan membangunkan dua buah muzium lagi iaitu Muzium Tekstil dan Muzium Stem di bawah PK17 kod Projek Khas Negeri. Saya rasa sudah sampai masanya Pihak Kerajaan memberikan perhatian kepada daerah Hulu Selangor yang kaya dengan sejarahnya tetapi belum mempunyai sebuah muzium untuk menyimpan bahan-bahan sejarah yang menceritakan kegemilangan Hulu Selangor dari tahun 1780 hingga 1931. Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat sedikit bahan-bahan sejarah Hulu Selangor yang didermakan oleh pencinta-pencinta sejarah yang kini disimpan di Perpustakaan Daerah yang terletak di Kuala Kubu Baru buat masa ini. Sekiranya terdapat satu muzium sejarah di daerah maka saya pasti ramai pencinta-pencinta sejarah akan menderma bahan sejarah Daerah Hulu Selangor bagi pengisian muzium tersebut. Inilah kali ketiga saya merayu kepada Pihak Kerajaan supaya mewujudkan sebuah muzium sejarah di Daerah Hulu Selangor. Muzium yang diwujudkan pasti akan merupakan destinasi pelancongan yang membantu serta menggalakkan perkembangan industri pelancongan Hulu Selangor. Kebanyakan penduduk Hulu Selangor mencadangkan rumah DO yang usang dan terbiar itu dijadikan muzium kerana rumah tersebut memang unik dan bersejarah. Dua hari yang lepas Dato' Menteri Besar telah bersetuju membaik pulih rumah DO Sepang maka giliran baik pulih rumah DO Hulu Selangor tentu tidak lama lagi. Saya mohon pihak kerajaan membina sebuah rumah DO yang baru. Rumah DO yang lama ini dibaikpulih dan dibuka semula sebagai muzium. Seperti mana Muzium Insitu Jugra yang dibuka pada tahun 2012 pada asalnya juga adalah sebuah balai raya daerah yang lama. Balai Polis Daerah yang lama. Seterusnya puan speaker, saya merujuk kepada muka surat yang sama Vot 10, P01 PK14 Kod Projek 14001, Naik Taraf Perpustakaan Daerah yang mana hanya dapat token RM10.00 juga. Belanjawan 2016 telah memperuntukkan sebanyak RM2.75 juta untuk kod projek ini untuk menaiktaraf dua perpustakaan daerah iaitu Perpustakaan Gombak dan Perpustakaan Sabak Bernam. Sebenarnya banyak perpustakaan daerah menghadapi masalah yang sama seperti Perpustakaan Gombak dan Perpustakaan

Sabak Bernam yang perlu dinaiktarafkan. Sebagai contoh Perpustakaan Kuala Kubu Baru yang dibina pada tahun 1992 telah lama menghadapi keadaan fizikal bangunan uzur. Perpustakaan Kuala Kubu Baru bukan sahaja merupakan antara pusat tumpuan terutama pelajar malah juga menyediakan kemudahan dewan yang boleh digunakan oleh masyarakat setempat. Banyak aktiviti telah dijalankan di perpustakaan tersebut. Aktiviti yang terkini ialah sebagai tempat 30 pelukis antarabangsa. Menghasilkan karya sempena KKB '*Internatioanl Art Festival*' yang akan diadakan pada bulan Disember. Saya jangka perpustakaan tersebut akan lebih menarik perhatian masyarakat untuk digunakan dan seterusnya memupuk minat membaca jika bangunan perpustakaan dinaiktarafkan. Dengan ini saya minta Pihak Kerajaan memperuntukkan wang sebanyak RM1.5 juta untuk menaik taraf perpustakaan tersebut selepas menaik taraf Perpustakaan Gombak dan Perpustakaan Sabak Bernam. Akhir sekali saya rujuk muka surat 212 Vot P12 kod Projek 04801, menaik taraf persimpangan dan mengganti jambatan di Jalan Kuala Kali Rasa (B115 ke laluan Persekutuan 1 Seksyen 441.00) yang mana peruntukannya juga token RM10.00. Saya ucapkan terima kasih walaupun token RM1000,00 kerana sekurang-kurangnya projek ini masih dalam senarai bagi tahun kedua. Walau bagaimanapun saya minta penjelasan Pihak Kerajaan mengenai anggaran untuk projek ini dalam RMK ke-11 yang telah dikurangkan sebanyak 99% ataupun RM19.8 juta iaitu daripada RM20 juta bagi belanjawan 2016 ke 200,040 bagi belanjawan 2017. Sekian, Tuan Timbalan Speaker saya menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Timbalan Speaker saya ingin membawa Dewan untuk meneliti Vot Kod Projek PK3, 03004 muka surat 185 yang mana ianya berkaitan dengan program peningkatan keupayaan reka bentuk pembungkusan produk usahawan Negeri Selangor iaitu 4P. Saya yakin bahawa program ini adalah projek yang baik untuk membantu usahawan-usahawan kita terutama usahawan-usahawan kita yang telah pun mula menunjukkan perkembangan di dalam produk-produk yang telah mereka lakukan di dalam Projek Hijrah ataupun Program Hijrah. Apa yang membimbangkan saya peruntukan kewangan ini rasanya amat sedikit kalau kita katakan RM450 ribu itu kos sesuatu *packaging* dengan izin ataupun pembungkusan itu amat memerlukan satu usaha yang baik supaya dengan adanya pembungkusan yang lebih profesional itu boleh memberikan impak yang baik kepada usahawan-usahawan kita untuk boleh mempromosi bukan sahaja di dalam negara, produk-produk yang ada tetapi ianya boleh dibawa ke peringkat yang lebih lagi. Jadi saya ingin bertanya kepada Pihak Kerajaan sebenarnya berapakah daripada peruntukan yang RM450 ribu ini berapakah yang sebenarnya usahawan yang boleh diberikan perkhidmatan pembungkusan yang baik ini? Sebab kalau kita lihat macam contoh saya ingin bawa satu berita iaitu daripada seorang peminjam Modal Hijrah. Ya hanya dengan membuat satu kek dengan membuat produk kek, apa nak panggil tu *fruits cake* ataupun kek buah yang kita rasa daripada rumah tetapi akhirnya produk ini telah pun

berjaya tetapi malangnya ianya tidak dapat diluluskan program pembungkusan kerana katanya kewangan tidak, tidak mengizinkan untuk kita membantu usahawan begini. Tapi apa yang saya ingin nyatakan supaya Pihak Kerajaan tolong mohon, tolong lihat projek ataupun Program 4P ini diteruskan dan bilangan mereka yang boleh memohon ia juga bertambah dan ianya diberikan khusus kepada peminjam-peminjam Hijrah termasuk untuk memastikan produk mereka itu mendapat produk halal. Yang keduanya Timbalan Pengerusi, eh Timbalan Speaker saya ingin membawa isu yang berbangkit PK6 06001, Program Pembudayaan wanita dan keluarga. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pihak Kerajaan kerana telah pun mewujudkan Institusi Wanita Berdaya kerana ia bakal sebenarnya meletakkan Selangor dalam landskap dunia. Di mana akan meletakkan bahawa wanita ataupun Selangor mementingkan isu-isu wanita dan juga gender. Memandangkan komposisi wanita di Selangor ini sebenarnya adalah seimbang antara lelaki dan wanita. Tapi apa yang ingin saya katakan di sini kita mesti memahami bahawa bila wujudnya perubahan yang berpanjangan dan lestari dalam konteks situasi dan juga sitcom yang kompleks ini ia memerlukan lebih dari usaha program atau organisasi. Maksudnya kita menangani wanita ini tidak boleh sekadar hanya buat program-program sahaja. Apa yang penting adalah program memperdayakan perlu mengambil inisiatif dan perspektif semua peringkat. Ya menghimpunkan semua secara kolektif, menggunakan suara mereka, mengekspresikan prinsip-prinsip secara kolektif. Menggunakan suara keadilan dan demokrasi proses pembuat keputusan dalam kehidupan diri wanita dan mereka yang di sekelilingnya. Sama ada keluarga mereka, komuniti mereka dan masyarakat mereka dapat juga meningkatkan kepekaan wanita tentang isu-isu semasa. Oleh itu saya ingin, walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan satu mekanisme sedikit tadi bila saya dengar Pihak Kerajaan kata belum ada perancangan siapa yang akan menganggotai IWB ini saya ingin juga mencadangkan satu mekanisme, ya yang saya harapkan mampu melaksanakan usaha-usaha di atas untuk melewati atau melangkaui usaha-usaha tradisional yang ini kita tak mahu lagi wanita-wanita di Selangor ini hanya membincangkan isu-isu ekonomi yang berkaitan ekonomi kecil-kecilan tetapi kita mahu ianya lebih fokus dan juga jaringan serta kerjasama mereka juga mendalam. Jadi dengan ini saya ingin mencadangkan fokus infrastruktur aktivisme pendidikan dan inisiatif komuniti dan masyarakat perlu ditingkatkan. Ianya mestilah memenuhi dan mengekalkan keperluan sumber tenaga. Ada takungan tenaga-tenaga yang profesional yang dibawa masuk untuk membantu ataupun dibawa masuk itu tak kiralah daripada luar ataupun daripada universiti-universiti tempatan. Ya, dibawa masuk untuk menjadi anggota kepada IWB ini supaya akhirnya mereka boleh melatih ya, wanita-wanita kita yang merupakan wanita akar umbi ini pergi ke peringkat yang lebih tinggi. Dan keperluan sumber ini mestilah sumber yang komited dan dedikasi dan bukannya satu sumber yang sekali saja datang dan lepas tu tidak dipantau tentang usaha-usaha bagaimana projek atau program ini dapat memberi impak secara baik dan akhirnya kita mesti juga pastikan bahawa *assessment* ataupun ukuran kepada kejayaan itu mesti dikeluarkan. Maksudnya begini. IWB mestilah mengeluarkan laporan setiap tahun. Apakah pencapaian-pencapaian dapat, eh yang

telah dibuat mungkin melalui Pusat Wanita Berdaya ataupun program-program yang ada. Contoh yang saya ingin harapkan contoh adalah Program 'He For She' contohnya, adalah program yang baik. Satu program yang boleh memberikan satu pembukaan minda, baik lelaki atau perempuan tentang sensitiviti isu-isu gender tetapi kalau kita buat program hanya satu *one off* dan kita tidak pantau tentang apakah kesan daripada kempen ini ia akan menjadikan satu program yang hanya lalu sebagai lalunya angin yang sebagaimana angin yang berlalu. Begitu juga program wanita 'Against Violent' ataupun wanita yang keganasan wanita ini juga perlu ada satu statistik pemantauan dan akhirnya IWB boleh mengeluarkan satu *journal-journal* yang begitu baik yang akan menjadi rujukan bukan sahaja untuk kita di Selangor ini tetapi diguna pakai di peringkat Malaysia dan dunia. Oleh itu saya harap Kerajaan satu seperkara lagi dalam konteks IWB ini saya harap dihidupkan semulalah portal-portal yang baik yang menjadi rujukan rakyat. Tahun lepas pada bulan Mac yang lepas saya bertanya portal ibu. Di manakah portal ibu ini boleh di *access* semula kerana ianya telah pun tidak dapat di *access*. Kerana portal ini sebenarnya boleh membantu ibu-ibu tunggal, ya untuk melihat apakah ruang-ruang dalam semua segmen ataupun semua sektor untuk mereka terlibat di dalam isu ini. Pihak EXCO menjawab bahawa ianya akan dibangunkan tetapi sehingga kini yang kita lihat, lihat adalah kita hanya boleh *download* borang tetapi kita saya tidak dapat melihat portal itu dihidupkan dan portal itu boleh memberikan informasi-informasi terkini kepada ibu tunggal. Jadi saya harap pihak EXCO boleh menjawab perkara yang sedemikian. Dan saya juga tidak mahu bahawa IWB ini akan meninggalkan segmen-segmen wanita yang lain selain isu ibu tunggal dan mungkin anak dara.

Kita nak supaya semua golongan juga dimasukkan dalam perkara ini. Seterusnya Pengerusi, saya ingin membangkitkan tentang isu Elaun Anak Ke Nurseri, iaitu Kod Projek 18003. Saya lihat bahawa peruntukan yang diberikan telah pun dikurangkan. Kalau tahun-tahun dulu kita memperuntukkan sebanyak RM2 juta tetapi tahun ini, tahun depan hanya RM820,000.00 yang diperuntukkan yang saya yakin sebenarnya keperluan masyarakat di Selangor ini amat memerlukan taska-taska khususnya taska di rumah. Jadi, soalan saya apakah sebenarnya berlaku sehinggakan program ini dikurangkan peruntukannya sedangkan ramai lagi wanita-wanita yang memerlukan perkhidmatan ini? Ya, bukan sahaja wanita-wanita yang bekerja di sektor formal tetapi mereka yang terlibat dalam perniagaan dan sebagainya memerlukan tempat untuk anak mereka dijaga sementara waktu mereka keluar untuk membawa pendapatan balik kepada keluarga. Yang akhirnya, saya ingin menimbulkan isu yang berkaitan dengan Kod Projek 18009 – Skim Mesra Usia Emas yang saya harap status hadiah semasa warga emas ni hidup sama ada nak pergi *shopping* ke, bagi hadiah RM100.00 ke, atau RM200.00 ke, mestilah diputuskan dengan segera sebab kami rasa perkara ini kami telah bangkitkan daripada tahun lepas lagi tetapi kita masih lihat bahawa program ini hanya sekadar memberikan perkhidmatan semasa mereka meninggal sahaja. Saya lupa bukan akhir, ada satu je lagi saya rasa nak timbulkan iaitu Kod Projek 14009, muka surat 187 iaitu Perpustakaan. Saya lihat dulu kita ada kombinasi di antara projek atau pun program

siber rakyat di bawah *STANDCO* Sains Teknologi dan Inovasi yang telah pun dapat diwujudkan sebanyak 24 pusat tetapi sehingga kini saya tidak nampak lagi pertambahan siber rakyat yang dibuat sedangkan ianya amat membantu di bawah perpustakaan kerana gabungan di antara perpustakaan yang menawarkan buku-buku yang agak konvensional sahaja ataupun dalam bentuk *hard copy* ianya sebenarnya boleh memberikan pulangan yang baik bila kita membuat perpustakaan digital dengan gabungan dengan pusat siber yang telah kita wujudkan. Jadi, saya ingin tanya pada pihak Kerajaan apa sebenarnya berlaku? Apakah ianya telah pun ditamatkan Perkhidmatan Pusat Rakyat ini, Pusat Siber Rakyat ini ataupun ianya akan diteruskan di bawah kod projek yang lain? Itu saja daripada saya, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya akan bagi tujuh (7) minit seorang dengan *list* berikut empat (4) yang awal. Gombak Setia, Bukit Melawati, Teratai, Ijok dan, saya akan bagi *list* selepas itu. Sila, sila. Gombak Setia dulu.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOD RIDZWAN** : *Bismillah Hirrahman Nirrahim. Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.* Salam sejahtera, terima kasih Timbalan Speaker. Pertamanya, yang saya ingin bangkitkan ialah pada *Vot P01, P.K 4, Kod 04007, muka surat 185* berkaitan dengan Hal Ehwal Islam, Hal Ehwal Bukan Islam. Yang ni saya bangkitkan berkaitan ini ialah saya menerima permintaan dan juga permohonan daripada rakan-rakan bukan Islam untuk supaya kerajaan memperuntukkan sedikit bahagian untuk diwujudkan Rumah Sementara ataupun Bangunan Transit bagi mayat-mayat bukan Islam sebelum disemadikan terutamanya di kawasan perumahan yang agak padat dan juga perumahan-perumahan bertingkat yang kadang-kadang mereka tak dapat nak bawa ke rumah ataupun mungkin tidak sesuai untuk beberapa upacara-upacara berkaitan untuk dilakukan di kawasan-kawasan tersebut jadi mereka memohon supaya ada diperuntukkan tempat yang khusus dengan suasana dan prasarana yang sesuai. Yang kedua, pada *Vot P01 juga, pada P.K 8, Kod 08003* berhubung dengan Bantuan NGO. Kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana ada bantuan yang disediakan kepada NGO khususnya yang mendukung dasar-dasar dan juga program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan sudah tentu kita tidak boleh menafikan penglibatan dan juga keterlibatan mereka. Cuma saya nak bertanya adakah, siapa ataupun dalam skop yang mana NGO-NGO yang diberikan bantuan ini dan bagaimanakah mungkin prosedur untuk memohon sumbangan untuk NGO-NGO ini melaksanakan program-program mereka? Ketiganya, pada *Vot yang sama 0, P01 berkaitan P.K 15, Kod 15005, muka surat 188* berkaitan dengan Projek Perumahan Selangorku. Dalam jawapan EXCO sebelum ini disebut bahawa ada tempat-tempat yang kuota-kuota itu tidak diisi mungkin kerana permohonan untuk tempat-tempat berkenaan tidak segalak seperti mana tempat-tempat yang lain. Jadi, kemungkinan boleh dibuka sistem ataupun proses ini kepada pemohon-pemohon yang mungkin dia memohon di tempat yang lain, mungkin dia berminat di suatu tempat tapi kalau diberi pun dia akan terima juga kuota yang diberikan. Seterusnya, yang keempat

pada muka surat 187, P.K 12, 12001 dan 03 berkaitan dengan Alam Sekitar. Kita lihat berhubung dengan pelupusan tempat sampah, kita lihat bagaimana sekarang ini Selangor khususnya di kawasan pinggir-pinggir bandar terutamanya macam di Gombak wujudnya pusat, tempat-tempat pelupusan sampah haram yang juga ianya berdekatan dengan salah satu daripada tapak warisan dunia iaitu Permatang Kuartza yang kita lihat kalau aktiviti-aktiviti ini tidak segera dibanteras dan tidak segera dilakukan pemuliharaan kepada tapak-tapak yang berdekatan ianya akan menjejaskan pada masa akan datang ekosistem yang ada di sekitar kawasan-kawasan tersebut dan juga di sekitar-sekitar hutan simpan dan ianya kita lihat kalau tanah itu sudah rosak pada masa akan datang, tanah-tanah ini walaupun ianya pada tempat yang baik dan *prime land* ianya akan menyebabkan kesukaran untuk kita melalukan pembangunan-pembangunan pada masa yang akan datang. Perkara seterusnya ialah pada P.K 18, Kod 18005, muka surat 189. Saya juga ingin bertanya berkaitan dengan kesedaran kenegaraan satu lagi peruntukan yang diberikan dalam bentuk yang macam manakah kesedaran kenegaraan ini akan diperturunkan kepada kita semua dan kalau ianya suatu yang membangkitkan semangat patriotik dan juga untuk mengajar ataupun mendidik rakyat supaya menyedari hak mereka itu suatu perkara yang sangat baik. Pada P.K 16, Kod 16019, muka surat 189 – Projek Penggantian Paip. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri di atas usaha yang dilakukan. Dalam masa yang sama, sebagaimana yang pernah berlaku di Gombak ada dua tiga kali penggantian paip ini dilakukan di suatu tempat umpamanya di Kampung Kerdas tapi selepas diganti masih lagi ada berlaku paip yang pecah dan ini juga antara perkara-perkara yang telah mengganggu pembekalan air kepada masyarakat dan rakyat dan kadang-kadang ianya mengambil masa yang agak panjang untuk diselesaikan. Perkara yang seterusnya ialah P.K 15, Kod 15003, muka surat 188 – Kehidupan Bandar Komuniti Sejahtera. Saya nak cadangkan supaya dalam program ini taman-taman juga, taman-taman perumahan juga perlu diberikan perhatian dari sudut keselamatan. Kita lihat sekarang ini kejadian pecah rumah, kejadian ragut banyak berlaku di kawasan-kawasan perumahan. Kalau di kampung kita sudah ada peruntukan untuk ikatan desa, kalau di pangsapuri juga kita ada peruntukan seumpama itu, saya kira di taman-taman perumahan juga kita perlu lakukan sesuatu untuk kita membantu komuniti di situ bagi menjalankan program-program keselamatan komuniti supaya hal-hal yang bersifat keselamatan ini dapat diberikan perhatian oleh pelbagai pihak. Seterusnya, P.K 11, Kod 11001 dan juga P.K 9, Kod 09001, muka surat 198 berhubung dengan Pembangunan Golongan Sasar dan Belia Tani. Isunya ialah kita *Alhamdulillah* pihak Kerajaan Negeri telah menyusun atur beberapa projek-projek ataupun program-program latihan. Isunya ialah selepas latihan itu di mana kah praktikal yang mereka nak laksanakan dan juga mungkin ada peruntukan-peruntukan yang boleh disenaraikan untuk golongan-golongan ini dapat dan juga dikaitkan dengan soal, berhubung dengan Pengurusan Tanah Terbiar. Mungkin tanah-tanah terbiar khususnya tanah-tanah kerajaan ini dalam tempoh yang singkat ini daripada dia terbiar begitu sahaja ianya boleh dimanfaatkan untuk maksud yang saya sebutkan tadi dan akhirnya, pada P.K 5, Kod 05001, muka surat 235 – JAIS (Pelbagai Projek).

Saya nak mohon supaya pihak JAIS dapat membantu khususnya untuk tapak-tapak tanah perkuburan yang baru. Saya duduk di sebelah Wilayah dan di situ ada beberapa tanah perkuburan yang dibina oleh JAWI dan juga MAWIP yang begitu cantik dan seharusnya di Selangor juga kita sebagai negeri yang menerajui kita perlu juga ada taman yang seumpama itu dan mungkin tapak-tapak baru yang dikenal pasti ini dapat dijadikan sebagai model untuk perkara tersebut dan malahan kadang-kadang pengurusan di peringkat masjid dan surau yang sekarang ini diberikan tanggungjawab untuk menguruskan tanah-tanah perkuburan ini boleh diberikan ruang dan peluang untuk membantu. Sebagai contoh di Masjid Khairiah, Taman Seri Gombak mereka diberikan tanggungjawab untuk menjaga lebih daripada 30 ekar kawasan untuk tanah perkuburan tetapi mereka tak dapat nak membangunkan dengan kerjasama individu ataupun korporat-korporat yang lain kerana ada masalah-masalah birokrasi yang mungkin kerajaan boleh bantu untuk atasi. Jadi saya kira sekadar itu, terima kasih atas peluang yang diberikan. *Assalamualaikum*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. Silakan Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Terima kasih Speaker. Bukit Melawati juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2017. Perkara pertama nak saya bangkitkan ialah berkaitan dengan bajet di Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri di mana P.K 17 – Projek Khas Negeri, Kod Projek 17, Kod 001 – Dewan Serbaguna Kuala Selangor, muka surat 189. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana apabila disebut Dewan Serbaguna Kuala Selangor, penantian terlalu lama. Sedikit sebanyak ada sejarah pada saya berkaitan dengan dewan ini. Tapi cuma pertanyaan, satu persoalan saya adakah dewan yang saya maksudkan itu sama dengan apa yang nak dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di bawah tajuk yang berkenaan. Saya berharap supaya dewan ini dilaksanakan di tapak yang dinamakan di Taman Bandar Baru Kuala Selangor, ya. Kerana kalau tanya saya memang sejarahnya di situlah. Tapaknya sudah ada berbelas tahun. Dewannya tidak ada jadi *Alhamdulillah* tahun 2017 ini telah ada dimasukkan peruntukan maka *Alhamdulillah* penduduk sekitar kawasan yang berkenaan rasa amat gembiralah kerana penantian yang begitu lama. Jadi, saya berharap apa yang saya nyatakan, harap saya Dewan Serbaguna ini akan ditempatkan di Bandar Baru Kuala Selangor. Terima kasih. Perkara kedua, berkaitan dengan Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Y.B. EXCO ada kat situ ya. Saya suka berkata tentang pertanian selalu ya. Saya maksudkan pada P08, P.K 2 – Pembangunan Tanaman Kelapa. Kod projek 02001 – Tanam Semula, muka surat 197. Peruntukan '0'. Satu, saya rasa hairan sedikit kerana selalu saya bercakap tentang benih kelapa. Kekurangan benih kelapa khususnya Matag. Memang sukar diperolehi sedangkan itulah menjadi pilihan utama kepada pekebun-pekebun untuk tanam kelapa maka dipilih benih Matag. Sukar diperolehi dan saya telah mencadangkan, mengesyorkan supaya benih SGG (Sungai Gulang-Gulang) yang datangnya daripada Kampung Sungai Gulang-Gulang di Tanjung Karang. Saya pun pelik kenapa Negeri Selangor tak gunakan benih itu? Sedangkan



negeri-negeri lain luar Selangor gunakan SGG ini. Jadi, adakah disebabkan sukar untuk mendapatkan benih kelapa ini maka pada tahun 2017 tidak ada peruntukan untuk projek-projek baru untuk tanaman kelapa? Sedangkan projek tanaman kelapa sekarang ni menjadi rebutan kepada pekebun-pekebun kecil untuk mereka tanam. Jadi, pertimbangkanlah balik kenapa boleh jadi '0'? Ataupun peruntukan yang ada tahun ni tak habis nak dibawa ke tahun depan ataupun dah habis, dah tak ada siapa-siapa lagi nak tanam kelapa? Jadi, ini satu soalan yang penjelasan pada saya dan perlu mendapat penjelasan kenapa dikosongkan tidak ada peruntukan pada tahun hadapan? Itu satu.

Yang kedua, di bawah Jabatan Pertanian Negeri Selangor juga di bawah PK14 Pengurusan Perosak Bersepadu di muka surat 199 di bawah Kod 14001 Pengurusan Perosak Bersepadu yang diperuntukkan RM200,000.00 di dalam tahun 2017. Saya kurang arif di sini dalam perkara ini, yang dimaksudkan pengurusan perosak sepadu. Saya cari juga tajuk-tajuk kot ada nak menghapuskan kera, monyet ke lotong, ni. Adakah dia masuk di bawah tajuk yang berkenaan kerana saya kerap kali timbulkan masalah dan pernah saya timbulkan di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan serangan monyet, kera ini kepada tanaman-tanaman kepada rakyat di kampung-kampung. Saya ingatkan isu ini untuk Negeri Selangor sahaja. Apabila saya berjalan ke mana-mana rupanya isu ini sama berlaku kepada negeri-negeri yang lain. Jadi, saya berharap kalau inilah peruntukan ini boleh digunakan oleh Jabatan Pertanian pada tahun hadapan, oleh kerjasama dengan pihak PERHILITAN bolehlah buat seberapa banyak perangkap-perangkap untuk kita perangkap kera-kera ini untuk mengurangkan gangguan dia kepada tanaman-tanaman yang ditanam oleh pekebun-pekebun dalam seluruh Negeri Selangor supaya dapat diperuntukkan untuk membuat perangka-perangkap. Nak tembak tak boleh. Jadi buatlah perangkap bagi membolehkan Jabatan Pertanian bersama dengan Jabatan PERHILITAN untuk menguruskan perkara-perkara ini bersama dengan pimpinan-pimpinan di peringkat kampung-kampung. Jadi, ini saya rasa sangat mustahaklah kerana saya sendiri, kalau tanya saya sendiri pun tak tahannya dengan isu sebegini kerap kali dipersoalkan kera, monyet, lotong. Kadang-kadang sampai termasuk khinzir hutan sekali. Jadi, dua perkara perlu dipertimbangkanlah ye, supaya dapat diambil berat bersama

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Dengan Yang Berhormat kalau di Kuala Selangor tu, kira taman-taman monyet. Kita sediakan makanan khas untuk mereka supaya dia tak masuk kampung-kampung.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Terima kasih Kota Anggerik ye. Memang, Kuala Selangor, Bukit Malawati, kalau hari Sabtu, hari minggu tu memang taman

dialah, memang orang apa, manusia sekarang dah bagi makhluk berkenaan tu dengan makanan yang bukan semula jadi. Jadi, sebab itu mereka kalau tidak dapat makanan itu, mereka pun pergilah ke rumah-rumah mencari makanan itu. Memang dan jadi taman Kuala Selangor sebenarnya taman monyet ini ye untuk pengetahuan Kota Anggerik ye.

Saya terus pergi kepada satu lagi perkara seterusnya iaitu berkaitan dengan, sekarang saya masuk beralih kepada Jabatan Kerja Raya, EXCO yang sama juga iaitu PK1 bawah Kod 10003 muka surat 207 Pelbagai Rancangan. Saya dapat lihat di situ telah diperuntukkan RM4 juta memasang lampu jalan dan lampu isyarat seluruh Selangor. Saya tidak nak nyatakan nak pasang di sana pasang di sini, tidak. Saya nak nyatakan apa yang dapat saya lihat sekarang ini, pemasangan lampu-lampu jalan ini yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya atau agensi-agensi yang lain. Memang permintaan banyak daripada Ahli Dewan Negeri untuk menerangkan kampung-kampung dan jalan-jalan. Persoalan yang saya timbul di sini yang selalu saya bila bertanya tentang masalah yang wujud ialah peruntukan untuk penyelenggaraan, hai itu dia, yang ini mungkin pasang baru tetapi penyelenggaraan. Kerap kali di waktu malam apabila saya merayau, tiang lampu ada, lampunya mati ye. Jadi bila ditanya, tidak ada peruntukan untuk selenggara, maka pertimbangkanlah supaya lampu yang ada, tiang lampu yang dipasang, lampu benar-benar dapat menerangi kawasan-kawasan berkenaan bagi memudahkan pengguna jalan raya ataupun menggunakan kawasan dalam keadaan yang begitu aman supaya tidak dalam keadaan gelap dan mintaklah diperuntukkan satu peruntukan yang khas membolehkan penyelenggaraan oleh pihak yang berkenaan apabila lampu-lampu berkenaan mati ya. Yang kelima

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, lampu merah. Saya beri peluang terakhir Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Hoi, tak sampai 7 minit Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya bagi satu minit.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Satu lagi mengenai dengan apa yang saya nyatakan tahun lepas iaitu JKR juga mengenai PK4 menaiktaraf Jalan, muka surat 211 di bawah Kod 04703 menaiktaraf jalan laluan B33 dari persimpangan Teluk Piai ke Bestari Jaya. 2017 masih lagi RM10.00 ya, masih RM10.00, jadi mintalah supaya kalau boleh tahun-tahun mendatang segeralah dinaiktarafkan jalan yang berkenaan kalau oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih ya.

Kemudian saya beralih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran, EXCO yang sama gak lagi ya. Satu perkara yang nak saya *highlight* kan di sini supaya dapat diberikan perhatian.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat kena bagi peluang orang lain. Juga.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Sudah. Boleh. Tak apalah nanti saya cerita dengan pihak EXCO yang berkenaanlah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Minta maaf. Baik.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Terima kasih kerana diberi peluang dan saya menyokong Usul Bajet Pembangunan, bersih

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker yang prihatin. Teratai ingin merujuk kepada muka surat 185 P1 PK 04006 Program Kebudayaan. Teratai dengan ini ingin menggesa kepada Kerajaan Selangor supaya mempedulikan rakyat dengan memperkenalkan Konsep Budaya Malaysia yang merangkumi budaya daripada pelbagai kaum. Teratai memang nampak usaha baik Kerajaan Selangor untuk menaik tingkatkan taraf kebudayaan Melayu dengan ada satu portfolio di bawah EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Akan tetapi budaya kaum lain yang terdiri daripada kaum Cina, India, Iban, Kadazan dan sebagainya kurang diberi perhatian. Jadi, Teratai dengan ini mencadangkan kepada Kerajaan Selangor yang mempedulikan rakyat supaya memperkenalkan konsep budaya Malaysia yang merangkumi budaya pelbagai kaum.

Seterusnya Teratai merujuk kepada muka surat 186 PK6 Wanita dan Kebajikan. Teratai mengucapkan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Teratai, saya fikir menggunakan ayat 'Kerajaan Negeri kurang memberi perhatian kepada bangsa-bangsa lain' itu tidak tepat saya rasa

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Yang berprihatin

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Memberikan lebih perhatian itu lebih sesuai, terima kasih. Teruskan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Ya, Tuan Timbalan Speaker. Teratai merujuk kepada muka surat 186 PK6 Wanita dan Kebajikan. Teratai mengucapkan tahniah atas inisiatif untuk menubuhkan Institut Wanita Budaya. Teratai berharap melalui Institut Wanita Budaya bagi kebajikan ibu yang bekerja serta wanita yang tidak berkahwin haruslah diambil kira semasa kerajaan membuat keputusan-keputusan ataupun Dasar-dasar Negeri Selangor.

Teratai juga merujuk kepada PK7 Generasi Muda dan Sukan. Teratai berharap sukan yang lain seperti *dort sport* wanita, permainan badminton dan lain-lain dapat dititikberatkan oleh Kerajaan Selangor. Kita ada banyak padan futsal dan gelanggang bola keranjang. Tetapi gelanggang badminton kerajaan masih berkurangan walaupun di kawasan Selangor ada banyak gelanggang badminton swasta. Akan tetapi bagi anak muda yang selalunya masih belum dapat bekerja lagi adalah menjadi satu beban sekiranya mereka ingin menyewa gelanggang badminton daripada pihak swasta untuk bermain badminton. Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat membina lebih banyak gelanggang badminton supaya kita boleh lahir pemain lebih ramai pemain yang handal seperti Dato' Lee Chong Wei dari Pulau Pinang.

Teratai juga merujuk kepada PK 8 iaitu Kerajaan Prihatin. Teratai berharap dengan kenaikan harga barang yang berlaku di Legar Malaysia daripada Kerajaan Pusat Barisan Nasional, Kerajaan Selangor dapat menambahkan lagi peruntukan untuk memantapkan lagi hala tuju Kerajaan Selangor sebagai Kerajaan Prihatin.

Seterusnya Teratai merujuk kepada PK 09003 iaitu Pengangkutan. Teratai telah banyak kali berbangkit permohonan penduduk-penduduk Teratai dengan hasrat penduduk-penduduk supaya Bas Selangorku, Bas *Smart* Selangor dapat masuk ke kawasan Teratai yang dapat menghubungi kawasan rumah pangsapuri kos rendah, hospital, sekolah dan kerajaan.

Teratai juga merujuk kepada muka surat 187 PK14 iaitu Perpustakaan. Teratai mengucapkan tahniah kepada pihak PPAAS atas usaha baik sentiasa ingin meningkatkan jenama baik perpustakaan Kerajaan Selangor dan tahap perkhidmatan perpustakaan di Selangor. Teratai berharap cadangan penubuhan perpustakaan di DUN Teratai dapat menjadi realisasi tidak lama lagi. Selain daripada itu, Teratai berharap pihak Kerajaan dapat mewujudkan Pusat Pembelajaran di perpustakaan-perpustakaan dengan membenarkan Pegawai Perpustakaan Desa atau Komuniti dapat bekerja lebih masa supaya pusat pembelajaran ini dapat dibuka pada waktu malam ataupun hujung minggu. Pusat pembelajaran ini sangat penting untuk memberikan anak-anak kita belajar dan memfokuskan atas pembelajaran dan seterusnya dapat mengurangkan gejala sosial. Teratai difahamkan bahawa di *Precint* 8 Putrajaya, ada satu pusat pembelajaran yang begitu. Semasa Teratai belajar di Universiti Malaya 10 tahun yang lepas, pusat pembelajaran ini menjadi satu tempat yang sangat penting supaya kita dapat menumpukan pembelajaran kita tanpa diganggu mana-mana pihak.

Seterusnya Teratai merujuk kepada muka surat 188 iaitu PK15 Perumahan dan Hartanah. Teratai berharap supaya bagi sektor perumahan dapat memberi fokus atas halangan yang dihadapi oleh anak-anak muda buat masa kini mereka tidak membeli rumah di kawasan-kawasan yang kita katakan yang sesuai dengan jumlah pendapatan mereka buat masa kini.

Teratai merujuk kepada muka surat 207 iaitu PK12 JKR Selangor. Teratai merujuk kepada PK1 Membaiki Cerun Seluruh Selangor. Teratai berharap dalam projek membaiki cerun, Kerajaan Selangor supaya dapat mempertimbangkan supaya memasang *railing* ataupun pagar supaya kes-kes kemalangan dapat dikurangkan. Satu insiden yang sedih pernah berlaku di Jalan Bukit Permai yang mana terdapat bayi yang telah terlontar dari motosikal dan telah terlontar ke bawah kaki bukit dengan apabila bayi itu dibawa oleh ibu bapa. Jadi, Teratai juga berharap Kerajaan Selangor dapat memasang *railing* ataupun pagar ini.

Seterusnya Teratai merujuk kepada PK 2 iaitu Membina Jambatan dan Jejantas. Teratai belum nampak ada satu kod istilah untuk yang khususnya untuk memasang jambatan atau jejantas Taman Seraya yang telah lama Teratai membangkitkan. Jejantas ini sangatlah penting disebabkan kawasan jalan di Taman Seraya itu selalunya da banyak kemalangan berlaku yang meragut nyawa. Jadi, Teratai berharap supaya cadangan membina jejantas ini dapat dipertimbangkan dengan secara seriusnya.

Muka surat yang untuk P13 JPS PK2 Menaik Taraf Saliran. Teratai ingin mengetengahkan kepentingan untuk menaik taraf Sungai Kerayong dengan memasang lebih banyak perangkap supaya keselamatan-keselamatan ataupun keselamatan rakyat ataupun bagi Sungai Kerayong ini dapat memerangkap sampah sarap yang di, kita kata telah dibuang oleh pihak-pihak tertentu dan membersihkan lagi Sungai Kerayong. Terdapat satu insiden yang mana budak sekolah telah terjun ataupun terjatuh dalam sungai yang mana mayat budak sekolah itu hanya dapat dikesan selepas beberapa hari di kawasan Klang yang mana budak itu sebenarnya terjatuh daripada kawasan Tasik Tambahan selepas budak pelajar itu belajar di sekolah agama. Jadi, Teratai dinasihatkan bahawa memang sekiranya kita dapat memasang lebih banyak perangkap di sepanjang Sungai Kerayong mungkin bagi jangka masa untuk mencari mayat budak itu dapat dipendekkan dan bagi perangkap-perangkap sebegitu juga dapat meningkatkan lagi kebersihan bagi sungai.

Jadi, Teratai sekali lagi akhiri dengan ucapan tahniah kepada Kerajaan Selangor yang berprihatin dan juga bersedia untuk dengan hala tuju menjadikan Negeri Selangor satu negeri yang maju yang seharusnya menjadi teladan bagi negeri-negeri lain. Sekian, terima kasih. Teratai menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya persilakan Ijok. Sebelum Ijok memulakan, saya ingin menyatakan giliran selepas ini. Selepas Ijok, Balakong, Dusun Tua, Kota Anggerik, Hulu Bernam. Sila Ijok. Ada masa, *Insyaa-Allah* ada masa.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker memberi peluang Ijok membahas Peruntukan Pembangunan 2017. *Strait to the point*, salah satu yang warga hendak ialah kesihatan. Jadi, saya nak rujuk kepada muka surat 184 P1 PK6,

PK18 dan juga kepada muka surat 186 PK6 iaitu Pembangunan Kesihatan dan juga Skim Kesihatan Wanita. Tadi, kita telah dengar macam-macam tentang wanita. Sri Andalas bangkitkan tentang kebajikan dan juga kesihatan lelaki. Saya harap EXCO dan Kerajaan Negeri Selangor akan memberi perhatian kepada kebajikan dan kesihatan lelaki.

Nombor 2, Satu Skim yang baru iaitu Skim Peduli Rakyat. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk memulakan inisiatif yang baru untuk rakyat Selangor. Tetapi tiap-tiap skim yang baru dengan peruntukan RM125 juta ada berbagai pertanyaan ataupun soalan. Saya harap Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan mengatasi masalah. Kita untuk nak memulakan Skim Kesihatan, banyak negeri telah negara telah memulakan skim kesihatan, tahniah Negeri Selangor

Di Malaysia, Selangor (Negeri Selangor) yang pertama kali. Tetapi kita kena berwaspada sebab banyak Skim Kesihatan di negara-negara barat yang ada bermasalah. Saya haraplah yang mengurus Skim Peduli Sihat ini iaitu Selgate Corporation akan mengambil kira masalah-masalah yang telah timbul di skim-skim negara lain supaya masalah itu tidak timbul di Negeri Selangor sebab apa yang kita hendak reaksi yang positif kepada rakyat, kepada kerajaan. Kalau skim ini bermasalah, itu memberi satu gambaran ataupun *perception* yang negatif. Yang saya tekankan :-

- a) pemilihan siapa yang hak untuk dalam skim ini. Kita untuk memilih orang 'Jom Shopping' pun ada masalah. Jadi ini pemilihan *can be sensitive*;
- b) RM125juta. Saya nak tanya kerajaan, katakan famili haknya RM500. Katakan bulan 6 limit dia (had dia) sudah habis, adakah peruntukan untuk melanjutkan? Sebab kalau kita beri sesuatu, kita berhentikan, mereka tak dapat. Ini satu masalah. Bukan dia salahkan kerajaan, dia salahkan ADN. "kenapakah saya dah pergi tak dapat?";
- c) Pada seluruhnya, pada pendapat saya RM125 juta untuk masyarakat warga Selangor kemungkinan tak cukup. Katakanlah selepas 6 bulan, RM150 juta telah habis dipakai, adakah peruntukan lanjutan untuk membiayai skim ini? Sebab apa? Kalau tidak kerajaan akan dapat persepsi yang negatif.

Itu saya memang prihatin tentang apa yang akan berlaku. Itu yang penting. Saya tengok lampu kuning. Ini saya nak pergi ke pendidikan (muka surat 189 – PK17). Saya nak tanya. Peruntukan sekolah *coalfield* untuk tahun depan cuma RM10.00. Ini saya nak tanya EXCO, tak ada ke pembinaan di sekolah? Sebab masa saya masuk jadi ADN, ada rancangan untuk nak membina/membaharui atau membina Sekolah Desa *Coalfield* dengan asrama sekali. Ini RM10 untuk tahun depan. Ini saja memang saya nak tanyalah mengambil kepastian kepada EXCO yang

berkenaan dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) (muka surat 216 – PK2). Tajuk 'menaiktaraf saluran'. Saya dapati Tuan Speaker dan tuan-tuan sekalian, di kawasan saya itu longkang di pekan air tak mengalir. Parit-parit di kampung-kampung air tak mengalir. Ini mendatangkan (menimbulkan) masalah kesihatan. Bila saya tanya lagi-lagi di Pekan Ijok siapa yang bertanggungjawab? PBT kata tak ada peruntukan. Yang ini dia kata JPS bukan bidang mereka. Jadi, untuk saya nak tahu sebab apa kita nak mengatasi denggi, zika. Salah satu masalah timbul dari air yang bertakung, air yang tak mengalir. Saya nampak parit banyak rumput. Bagaimana kita nak mengendalikan atasi ini kalaulah tempat pembiakan nyamuk ataupun vektor-vektor lain seperti tikus (dia) meningkat. Jadi saya haraplah Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT ke ataupun JPS ke, sila tengok masalah ini sebab saya tengok Timbalan Tuan Speaker. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. Balakong.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Ijok menyokong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang Balakong untuk membangkitkan beberapa isu. Saya ingin merujuk ke muka surat 188 – P01, minta maaf. Muka surat 186 – PK9090001.

Balakong ingin membangkitkan satu isu mengenai satu permohonan daripada Majlis Perbandaran Kajang untuk cadangan Projek Menaiktaraf Jambatan Taman Desa Serdang yang saya pernah bangkitkan pada sidang yang lalu. Jambatan sedia ada di Taman Desa Serdang merupakan satu kemudahan awam yang menghubungkan Jalan Desa Serdang ke Lebuhraya Besraya di mana terdapat beberapa taman perumahan dan kawasan industri yang menggunakan laluan melalui jambatan ini untuk ke Lebuhraya Besraya. Taman-taman tersebut adalah Taman Desa Serdang, Taman Balakong Jaya, Taman Putera Budiman, Bukit Hitam Bayu, Taman Penchala Utama, kawasan perindustrian Balakong 2 dan kawasan perindustrian Balakong 2 (tambahan).

Untuk makluman Y.B. Speaker, jambatan ini terlalu sempit dan ia akan mengakibatkan kesesakan yang sangat-sangat teruk setiap kali jika berlaku apa-apa kemalangan di bahagian jambatan tersebut dan saya berharaplah ia dapat diluluskan oleh pihak kerajaan supaya kegiatan-kegiatan aktiviti perindustrian di kawasan sekitar sana tidak terjejas.

Seterusnya, saya juga ingin memohon supaya (mohon maaf). Saya merujuk ke muka surat 188 – PK16 (16004). Projek Pemulihan Sumber Air Sungai Langat Untuk Loji Bukit Tampoi dan Batu 11 Cheras. Saya nampak tidak ada apa-apa peruntukan yang disediakan untuk tahun 2017. Saya berharap pihak kerajaan akan memandang serius untuk menaiktaraf loji Batu 11 Cheras kerana ia terletak di sepanjang Sungai

Langat dan sekiranya ada apa-apa berlaku pencemaran terutamanya ammonia yang selalu berlaku di kawasan tersebut, ia akan menjejaskan banyak penduduk dan pengguna air.

Selepas itu, 16018 – Menaiktaraf Rumah Pam SYABAS. Saya nampak sini ada peruntukan sebanyak RM27 juta untuk menaiktaraf rumah pam dan saya mohonlah antara 40 tangki yang terbengkalai dan juga rumah-rumah pam yang terbengkalai yang dibangkitkan oleh Y.B. EXCO dan YAB Dato' Menteri Besar. Terdapat 2 terletak di sekitar kawasan Taman Bukit Belimbing. Saya difahamkan bahawa projek menaiktaraf ini sudah berjaya di tender dan kontraktor akan dilantik tidak lama lagi. Saya memohon sekiranya boleh memberikan keutamaan kepada kawasan Bukit Belimbing kerana penduduk di sekitar sana menghadapi masalah tekanan air yang rendah dan mereka menghadapi gangguan bekalan air hampir setiap malam dan terutamanya pada hujung minggu.

Dan selain daripada itu, untuk isu air juga saya memohon Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk membina satu tangki simpanan air di sekitar Taman Impian Ehsan yang mempunyai lebih daripada 3,500 rumah. Kawasan sebegitu besar tidak ada satu pun tangki simpanan air dan saya haraplah sekiranya pembinaan satu tangki air yang berkapasiti 1juta galon ia dapat meringankan beban penduduk-penduduk sana sekiranya berlakunya apa-apa gangguan.

Seterusnya, saya merujuk ke muka surat 234 – P14 (PK4). Saya mohon supaya peruntukan baik pulih surau di tingkatkan kerana banyak surau yang menghadapi kekangan kewangan dan sekiranya mereka menghadapi apa-apa masalah kerosakan di surau, mereka akan berjumpa dengan ADN. Dan ADN kalau tidak menjadi masalahlah kalau sebagai ADN kami memberi peruntukan kepada mereka. Tetapi kalau setelah memberi peruntukan, saya kadang-kadang rasa segan kalau nak buat publisiti kerana dia akan memberikan kesan buruk kepada kerajaan. Kenapakah kerajaan tak bagi? Kenapa perlukan ADN yang memberikan peruntukan? Sebab saya rasa peruntukan yang telah disediakan untuk tahun ini iaitu RM500,000 terlalu tidak mencukupi dan berharap ia dapat ditambahkan lagilah.

Seterusnya saya merujuk ke muka surat 233 – P14 (PK3-030502). Saya ingin mengetahui status pembinaan Masjid Al-Ikhlas Taman Bukit Belimbing kerana ia ada satu projek menaiktaraf surau kepada masjid. Projek ini telah diumumkan pada 2 tahun lalu tetapi sehingga sekarang, kerja pembinaan belum lagi bermula. Saya berharap pihak kerajaan boleh memberi maklum balas terhadap isu ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* Salam sejahtera. Terima kasih Timbalan Speaker. Saya terus



merujuk saja kepada muka surat 186 – vot B01 (kod PK09-09003) iaitu berhubung dengan pengangkutan.

Syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberi khidmat bas percuma' iaitu Smart Selangor dan pada 2017 ini bajet RM20juta. Jadi saya mengharapkan supaya EXCO dapat memberi perhatian serius iaitu di tempat saya (di Dusun Tua) iaitu di antara Ampang sampai ke Hulu Langat. Selama ini penduduk tidak pernah menaiki bas daripada Ampang ke Hulu Langat (tak kiralah apa jenis bas pun), dan sekarang ini ada bas percuma. Oleh itu, saya minta bas SMART Selangor ini dapat beroperasi pada tahun 2017 ini kerana kadang-kadang kita dengar suara daripada rakyat terutamanya di tempat saya “macam mana Y.B., sekarang ni nampak Bangladesh pun banyak naik bas ni, Indonesia pun ramai juga, dan Burma pun Vietnam pun ramai juga. Jadi kami ni tak dapat nak naik Bas SMART Selangor ni”. Jadi saya minta supaya EXCO beri perhatian. Terima kasih.

Yang kedua, muka surat 187 – vot P01 (kod PK10-10003) Menaiktaraf Produk Pelancongan. Lagi sekali saya minta EXCO melihat apakah produk untuk pelancongan ini perlu diberi kepada tempat saya juga di Dusun Tua kerana banyak kalilah saya memberitahu bahawa tempat-tempat pelancongan banyak di Dusun Tua ini terutamanya di Sungai Congkak, Gabai, Sungai Batangsi dan juga ada kolam-kolam air panas. Kolam air panas ini ada 3 tempat iaitu di depan IKBN, di Batu 16 dan juga di Sungai Serai. Jadi kolam air panas ini dilihat banyak memberi keuntungan (maksud saya ini untuk menyembuhkan penyakit kulit dan juga ada penyakit-penyakit lain). Saya dapat makluman daripada orang daripada Klang berjumpa dengan saya mengatakan “kenapa Y.B., tempat kolam air panas ini tidak dimajukan? Tidak dinaiktarafkan? Sedangkan tempat itu tempat yang bagus”. Dan saya mengharapkan supaya kalau misalnya Kerajaan Negeri melalui EXCO Pelancongan boleh bekerjasama dengan MPKj (PBT) untuk menaikkan tempat-tempat yang dianggap boleh menarik pelancong datang ke Dusun Tua ini dan saya merasakan ini satu perkara yang perlu diambil perhatian dan seterusnya saya pergi kepada yang ketiga iaitu muka surat 197 Vot P08 Kod PK 4 Pembangunan Taman Buah-buahan. Makna Taman Buah-buahan ini, sekarang ini saya melihat bahawa ada satu kaedah baru untuk kita memberi satu nilai pertanian dan membantu pertanian-pertanian kita ini petani-petani kita di kampung iaitu kita panggil kaedah cantum pokok, pokok durian maksud saya pokok durian. Pokok durian yang dan tuan-tuan ini. Macam Dusun Tua ini, banyak dusun dah tua, banyak dusun dan tua. Saya rasa kalau kita biarkan pokok durian yang dah tua ini, kalau tidak dibuat sesuatu dia akan jadi apa ni boleh jadi cepat mati. Cepat mati dan kaedah maksud saya ini iaitu kita cantumkan pokok durian musang king ini dengan pokok yang tua ini, dan tak silap saya 5 tahun kita dah dapat hasilnya. Iaitu pokok cantum ini dan kita beranggapan bahawa penduduk ingin melaksanakan ataupun petani ingin melaksanakan tapi mereka ini seolah-olah macam hilang punca ya. Siapa mereka nak hubungi dan bagaimanakah kos-kos untuk mereka nak mencantumkan pokok ini dengan pokok durian musang king ini. Jadi saya minta supaya EXCO Pertanian melihat perkara ini,

kalau boleh keluarkan sedikit peruntukan kita lantik satu agensi ke apa ke, untuk menguruskan bukan sahaja di Dusun Tua tetapi di mana-mana juga di tempat di Negeri Selangor yang boleh kita bangunkan hasil pertanian terutama musang king ini. Tak silap saya pernah dengar EXCO Pelaburan iaitu EXCO Sg. Pinang mengatakan, pelaburan kita mungkin durian musang king ini kita nak hantar ke negeri China. Betul ya EXCO. Jadi *Insyah-Allah* Dusun Tua akan meneruskan usaha-usaha untuk menanam pokok durian musang king ini. *Insyah-Allah* dan yang keempat muka surat 198 Vot 08 Kod PK 9 09011 Pembangunan Tanah Terbiar. Saya menyokong di mana yang telah di beritahu oleh Sabak semalam berhubung tanah terbiar ini supaya kita melihat tanah terbiar ini satu benda yang cukup serius untuk kita ambil perhatian kerana kadang-kadang apa yang berlaku sekarang ini saya tak tahulah ya, musim pisang sakit, musim pisang sakit ya. Sekarang ini jenis pisang terutamanya pisang nangka, pisang emas, pisang abu ya. Mereka tanam di kebun-kebun mereka tapi setelah berbuah, buah pisang itu menjadi jadi batu yang keras, isi menjadi hitam ya, jadi kadang-kadang oleh kerana mereka ini *fed up* atau pun mereka tidak mahu mengusahakan benda ini lagi jadi dia tinggalkan sahaja tanah-tanah mereka begitu dan saya minta juga supaya kerajaan mengambil perhatian apakah usaha kita untuk mengatasi penyakit pisang ini? Sampai sekarang ini, sampai sekarang ini pisang menjadi harga mahal sebiji pisang jual di tepi jalan kadang-kadang dia potong sampai 5 hiris dijual sampai 2 ringgit 2.50 sebiji pisang yang kerana pisang sakit dan kita mintak supaya EXCO Pertanian cari punca? apakah punca dia pisang sakit ini ya? daripada mana punca pisang sakit ini ya? Yang kelima iaitu muka surat 207 Vot P12 Kod PK1 01003 iaitu JKR. Memasang lampu isyarat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, ini yang terakhir.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang terakhir.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Ada 4 lagi. Ada 4 lagi iaitu JKR. Saya minta supaya terutamanya lampu-lampu isyarat ini dilihat balik ya. Lampu-lampu isyarat lampu jalan, supaya dilihat balik ada kadang-kadang. Ada kadang-kadang lampu isyarat ini tak berfungsi. Kadang-kadang puncunya jalan jem, di waktu-waktu punca kerana lampu isyarat ini tidak berfungsi contoh. Contohnya di Taman Mahkota Cheras. Lampu ini tak berfungsi dan ada ketikanya, dia orang bagi tahu kita lebih baik Y.B. tak ada lampu. Lagi tak de jem. Ya. Kerana ialah lampu itu mungkin tak sesuai letak di situ ataupun lampu itu tidak di naik taraf atau tidak diperbaiki dipanggil lampu-lampu bodoh. Ada lampu bodoh, sekarang ini ada lampu cerdas yang saya dimaklumkan. Lampu cerdas ini mahal sikitlah ya. Lampu pintar ke bodoh samalah lah. Jadi sekarang ini kita hendak lampu-lampu yang cerdas ini dipasang di tempat-tempat yang kita rasa sesuai. Ia untuk kita tukarkan lampu-lampu yang lama ini ya. Jadi saya .

**TIMBALAN SPEAKER** : Cukup Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Satu lagi, satu lagi. Satu lagi iaitu..

**TIMBALAN SPEAKER** : Ramai lagi nak berucap. Saya minta maaf. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN NG GUEE LIM** : Yang Berhormat, Yang Berhormat nak tanya sedikit. Dusun Tuan. Itu lampu sini lampu cerdik ke lampu apa?

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Ha ha ha.

**TIMBALAN SPEAKER** : Saya bagi Kota Anggerik. Sila..

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Sekinchan boleh mencelah masa saya terbangun masa saya.

**TIMBALAN SPEAKER** : Saya dah bagi Kota Anggerik. Minta maaf Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR YAACOB BIN SAPARI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 189 PK 17 1702 Muka surat 188 PK 14140. Kalau kita lihat di negara maju pembinaan *library* ini dia mengikut *town ship* tiap-tiap bangunan perumahan dia ada *library*. Ini menggambarkan betapa, bertamadunnya sebuah masyarakat. Kalau di Selangor kita dapati tiap-tiap *town ship* tidak ada *library* yang sempurna. Contohnya kawasan Seksyen 7 Shah Alam, Setia Alam, Denai Alam, yang baru Almina, ataupun di lain-lain tempat saya rasa ada keperluan, supaya PBT membina *library-library* komiti ini untuk penggunaan masyarakat. Yang kedua ialah ada peruntukan RM200 ribu, program penterjemah karya antarabangsa. Saya ini saya setuju dan menyokong, tetapi tidak ada program untuk menerbitkan karya-karya tempatan. Kita kena menggalakkan kita punya profesor Universiti untuk menulis buku-buku. Tahniah kepada Dato' Musa kerana telah menerbitkan sebuah buku membina bangsa dalam 2 masa tahun siap 1 buku. Tahniah saya rasa ADUN-ADUN pegawai kerajaan kena baca buku ini untuk faham pemikiran Dato' Menteri Besar. Saya alami ini. Bila saya tulis buku ini, susah betul cari penerbit. Pergi *library* minta tolong, dia kata setuju tapi tidak ada peruntukan. Pergi PKNS minta bantuan, tak ada jawapan. Yang kedua saya tulis nipis fasal Anur Ibrahim, saya tulis sejarah perjuangan dia, sejak muda, pejuang bahasa Melayu, masalah kemiskinan, pemimpin negara Islam, Anwar dalam kerajaan, membina Universiti Islam, Bank Islam, membina pusat pendidikan, yang saya rasa ramai masa muda tak kenal apakah perjuangan Anwar Ibrahim. Yang lihat sekarang Anwar Ibrahim sebagai

pejuang apa ini reformasi. Bila cari penerbit pencetak ini, Kerajaan Negeri tidak ada. Saya rasa kena ada peruntukan untuk menerbitkan karya-karya tempatan ini. Berkaitan dengan Kota Anggerik, merujuk muka surat 232 PK 3, saya rasa terima kasih banyaklah. Kota Anggerik dapat banyak masjid dah 3 dibina dan kemudian masjid baru di U10, Masjid Setia Alam, menaik taraf Masjid Seksyen 13, cuma satu Taman TTDI telah lama diminta, peruntukan dibina menaik taraf masjid TTDI kerana sangat usang, dan sehingga kini tidak ada kod yang menunjukkan masjid TTDI. Saya minta Dato' Menteri Besar supaya mempertimbangkan TTDI dibina baiki masjidnya. Yang seterusnya ialah muka surat 229, PK 1 Sekolah Agama. Ada peruntukan dalam RMK11 tetapi sekolah Agama Seksyen 7 rasa keperluan sangat tinggi. Bayangkan di tengah-tengah bandar Shah Alam, cuma ada sebuah Sekolah Agama iaitu di Seksyen 3 sedangkan ada 6 buah sekolah rendah di sekelilingnya, dan sudah pasti keperluan sekolah sangat tinggi. Jadi Kota Anggerik sedikit sahaja tak sampai lampu merah. Terima kasih banyak Dato' Menteri Besar. Tahniah atas bajet ini dan kami ADN-ADN akan pastikan untuk menghabiskan semua peruntukan yang ada. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya akan mempersilakan Kinrara, Tanjung Sepat selepas itu. Silakan Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Pertama sekali, saya ingin rujuk kepada muka surat 186 PK 10, PK 8 Kod 08003. Saya menyambut baik peruntukan RM2 juta bawah kepala, bawah kod 08003. Saya berpendapat ada keperluan untuk menyediakan satu jumlah peruntukan khas untuk NGO OKU. Setelah pelaksanaan GST ramai OKU telah mengalami kesusahan untuk membeli alat keperluan asas OKU seperti alat kerusi roda, lampin tongkat. *urin bag* dan sebagainya. Segala-segala-galanya perlu bayar 6% GST. Ini merupakan satu beban besar kepada golongan OKU. Kerajaan Selangor sebagai sebuah kerajaan prihatin Kinrara menyarankan peruntukan tahunan sebagai sebanyak RM10 ribu satu tahun diberi kepada setiap NGO OKU yang berdaftar di Selangor. Saya juga ambil kesempatan ini untuk ucapkan tahniah kepada TV Selangor kerana telah memulakan *sign language*. *Sign language secara online* untuk golongan OKU yang mengikuti persidangan dewan. Dan seterusnya saya rujuk kepada muka surat 208 PK 4 Kod 04100 Daerah Petaling. Kinrara ingin membawa satu isu yang serius dimana perlu perhatian daripada JKR Petaling. Di sebelah Kem TUDM Kinrara adalah di bawah Pentadbiran DBKL. Baru-baru ini beberapa pembinaan kondominium, telah bermula di kawasan tersebut tanpa apa-apa penaiktarafan jalan. Setelah projek-projek ini siap dibina 2 tahun dari sekarang, kenderaan akan menggunakan waktu 7.30 jalan Puchong atau jalan Kinrara di bawah Pentadbiran Selangor. Sepatutnya projek sebegini harus dapat ulasan teknikal daripada JKR Selangor, kerana kenderaan daripada projek tersebut akan menggunakan jalan-jalan bawah Selangor. DBKL tidak boleh ambil *shortcut* meluluskan projek ini tanpa merujuk kepada JKR Selangor. Saya minta JKR Petaling untuk mengadakan satu pertemuan bersama DBKL dengan kadar segera. Tidak adil sekiranya DBKL yang mengutip cukai pintu

dan *charge* kemajuan tetapi MPSJ JKR Petaling perlu menanggung kos untuk pembinaan infrastruktur, dan akhir sekali saya merujuk kepada muka surat 238 Kod 01003. Saya ingin dapat penjelasan Kerajaan Negeri Selangor tentang Rancangan Tempatan. Adakah satu dasar berkenaan *transite oreinted development* adakan di sekitar jajaran LRT Ampang dan Kelana *extention line* dan soalan yang kedua berapakah *bay city* yang dibenarkan? Soalan yang ketiga selain daripada LRT apakah pertimbangan lain yang membenarkan sesuatu tapak itu di kategori sebagai TOD? Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tanjung Sepat. Selepas Tanjung Sepat Bukit Gasing.

**Y.B. IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Tanjung Sepat ingin mengambil bahagian sedikit sahaja ataupun tidak banyak untuk akan dipertanyakan cuma lebih tertumpu kepada merujuk kepada muka surat 184 hingga dan juga 185 PK 2 Kod 02001 hingga 02007. Iaitu berkaitan dengan pembangunan ataupun luar bandar yang telah dinyatakan di sini. Satu peruntukkan yang besar yang boleh dimanfaatkan oleh semua masyarakat. Kita mengharapkan supaya kerajaan memanfaatkan bajet yang dibentangkan ini untuk melaksanakan menaik taraf infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung-kampung dan desa-desa supaya masyarakat dan juga pemimpin tempatan di kampung-kampung desa ini lebih selesa ataupun lebih supaya dapat memaksanakan tugas dengan lebih baik dan teratur. Menjurus kepada itu Tanjung Sepat ingin memanjangkan permohonan daripada masyarakat tempatan untuk kerajaan mengambil pertimbangan agar dapat membina dewan orang ramai di tiga kampung yang khususnya kampung Sungai Kelambu dalam Tanjung Sepat begitu juga Kampung Sungai Helang Tengah dan Kampung Sungai Helang Baru. Kalaupun tidak dapat setiap kampung itu dibina sebuah setiapnya adalah dewan orang ramai. Saya juga mengharapkan agar satu pilihan dibina juga sebuah dewan serba guna dalam sekitar di kampung kegunaan kampung tersebut. Seperti kita maklum kampung tersebut kini telah pun mempunyai proses pembangunan sekitar yang pesat di mana penduduk kampung di situ apabila mereka ingin mengadakan majlis-majlis keraian perkahwinan ataupun majlis lain tidak ada tempat yang kursus untuk di himpulkan masyarakat. Maka sebab itu saya juga mengharapkan supaya agar dengan adanya terbinanya dewan serba guna ini dapat dimanfaatkan oleh anak-anak muda dan generasi untuk mereka beriadah khususnya mengadakan sukan apa, sukan badminton ataupun sepak takraw dalam, dalam dewan apabila ianya tidak, apabila cuaca tidak mengizinkan untuk melaksanakan di luar.

Begitu juga saya mencadangkan ataupun memohon Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan sejumlah peruntukan yang berpatutan bagi pembinaan sebuah surau untuk kegunaan masyarakat orang Muslim beribadah khususnya di Kampung , Surau An-Nur Kampung Ladang Batu untuk dinaiktarafkan kerana keadaan surau ini adalah amat uzur dan ialah merupakan pembinaan daripada struktur kayu yang telah

usang. Dan saya mengharapkan dan sesuai dengan pembangunan dan komitmen masyarakat setempat tersebut untuk mengimarahkan surau, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga memberi perhatian terhadap pembinaan surau ini. Saya juga memanjangkan daripada masyarakat tempatan khusus di Kampung Endah dan juga Kampung Tanjung Sepat Darat yang memohon agar Kerajaan Negeri membina sebuah gelanggang futsal khusus bagi anak-anak tempatan beriadah di Kampung Endah. Manakala di Tanjung Sepat tadi untuk memperbaiki keadaan gelanggang futsal yang telah uzur supaya kanak-kanak ataupun masyarakat tempatan ataupun anak-anak muda dapat beriadah dengan aktiviti yang bermanfaat.

Saya juga merujuk kepada P.K 12. Yang ini adalah merupakan P.K 12 berkaitan dengan alam sekitar. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri begitu prihatin dalam memperuntukkan sejumlah RM10.7 juta untuk peruntukan bagi tahun 2017. Secara khususnya saya melihat P.K 12 ini tidak, tidak, tiada secara khusus untuk melaksanakan program pemulihan alam sekitar seperti merawat ataupun menjaga kualiti udara dan juga air. Seperti kita maklum bahawa Tuan-tuan, sidang Yang Berhormat sekalian dalam minggu ini sahaja di kawasan saya telah pun menjadi popular balikkah Tuan-tuan dengan keadaan kualiti udara dan juga kualiti air sungai yang tercemar teruk akibat daripada penternakan khinzir yang, yang tidak terurus. Maka sebab itu saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri mengambil inisiatif yang bersungguh bagi membantu menyelesaikan terhadap isu pencemaran ini agar ianya tidak menjadi rungutan dan juga menyebabkan wabak penyakit yang berbahaya kepada masyarakat tempatan dan seterusnya ianya juga mampu untuk mengurangkan nilai hartanah di kawasan tersebut.

Saya rasa itu sahaja Tuan Speaker. Terima kasih, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi saya peluang. Saya ringkas sahaja pada pagi ini.

Yang pertama saya ingin merujuk kepada P.16 pada muka surat 239 Kod 010001 untuk Rancangan Struktur Negeri 2035. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah status rancangan ini setelah kita melalui proses bantahan? Adakah ia sudah diluluskan ataupun diwartakan?

Yang kedua, Kod 01003 Rancangan Tempatan. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengarahkan semua 12 PBT di Negeri Selangor untuk membuat pindaan kepada Rancangan Tempatan masing-masing supaya hasrat-hasrat dalam rancangan struktur negeri ini dapat diimplementasikan di dalam semua rancangan tempatan setiap PBT di Negeri Selangor. RS ini mempunyai banyak cadangan baik, banyak saranan baik. Dia telah mengambil kira kekurangan banyak

*social amenities* dengan izin, balai bomba, tapak sekolah, tapak dewan dan sebagainya. Dan untuk membetulkan situasi, dan untuk menambah baik situasi ini setiap PBT perlu menambah baik Rancangan Tempatan masing-masing supaya semua saranan dalam Rancangan Struktur Negeri ini diterjemahkan kepada *planning on the ground* dengan izin. Jadi itu yang isu pertama.

Isu yang kedua ialah P.01 perkara P.K 16, 16013 pada muka surat 188 HORAS 3,000. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor selain daripada HORAS 600 adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk meneruskan pembinaan Horas 3000 ataupun tidak akan meneruskan lagi? Jika ingin meneruskan apakah jangka masa Kerajaan Negeri? Pada tahun berapakah ia akan siap untuk beroperasi? Saya ada sedikit pertanyaan selain daripada 2 saranan tersebut.

Yang pertama, P.01 P.K 8, Kod 08002 muka surat 186 pembangunan pekerja ladang dan untuk pendidikan anak pekerja ladang juga P.K 5 Kod 05005. Saya ingin tanya kepada Kerajaan Negeri. Apakah sasaran ataupun KPI untuk vot ini sejumlah wang yang akan dibelanjakan? Apakah yang diharapkan untuk kita mencapai dengan perbelanjaan ini dan yang terakhir sekali untuk P.08, 2 perkara

Yang pertama P.K3 03001 muka surat 197 - peningkatan hasil padi. Jadi saya ingin dengar daripada EXCO berkenaan rancangan untuk meningkatkan hasil padi ni apa KPI nya? Apakah sasaran kita? Berapa tan per ekar yang disasarkan dan apakah perubahan yang akan dibuat supaya mencapai sasaran tersebut?

Yang ke-2 P.K 9, 09001, isu tanah terbiar. Harap perkara ini bukan sahaja diberi perhatian di Dusun Tua yang selalu membangkitkan tanah terbiar tetapi juga diberi perhatian di kawasan Petaling Jaya. Banyak tanah terbiar yang mungkin boleh digunakan untuk tujuan pertanian. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kita ada 2 lagi. Saya silakan Hulu Bernam dan kemudian Sungai Pelek.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker. Saya mohon Dewan merujuk kepada muka surat 185, Kod PK 6 06001 - Program Berkenaan Pemberdayaan Wanita dan keluarga. Semua sedia maklum, tunjang kepada kestabilan sosial sesebuah negeri bergantung pada kelangsungan bagaimana kerajaan memberdayakan golongan wanita. Wanita hari ini bukan lagi seperti 30 tahun yang dahulu. Kehadiran wanita dalam setiap sektor bukan sekadar menumpang keperluan lelaki sebaliknya sudah pun mengetahui, mengetuai dan menjadi tunjang kepada pelbagai industri. Namun tidak kurang pula lebih ramai wanita terutama daripada golongan pertengahan dan ke bawah yang masih benar-benar perlukan pembelaan dan pembudayaan yang sepatutnya. Saya menyambut cadangan Kerajaan Negeri mewujudkan Institut Berdaya Wanita. Kalau benarlah

institut ini mampu melahirkan wanita yang lebih efisien. Cuma saya bimbang takut pisang berbuah 2 kali. Saya mengharapkan dengan penubuhan Institut Berdaya Wanita ini membawa anjakan yang berganda kepada pembelaan wanita. Tidaklah seperti Pusat Berdaya Wanita yang mana program hanya sekadar program. Usah bercakap banyak. Laman *facebook* pun kali terakhir dikemas kini pada 26 Julai 2014. Saya nak beri 1 contoh pada 2013 seperti mana yang pernah dinyatakan oleh Y.B. Hajah Rodziah Ismail, RM800, 7,500 telah dibelanjakan dengan bajet khusus di setiap DUN dan bajet ini hanya dibelanjakan untuk kursus menjahit dan memasak. Saya ingin bertanya apakah hasilnya? Dengan bajet sebesar ini setidaknya-tidaknya sudah ada satu hub. Satu ataupun dua DUN yang menjadi hub jahitan di Negeri Selangor ini. Sebab itu saya risau kerana ini wang rakyat. Sejauh manakah Institut Berdaya Wanita ini akan berperanan secara kualitatif dan efisien dan betul-betul memahami apakah keperluan sebenar wanita dalam era digital dan moden ini?

Saya mencadangkan peruntukan sebanyak RM1 juta yang dicadangkan untuk membina institut ini tidak membuat program secara *one-off* dengan izin Yang Dipertua tetapi rancangan yang berterusan dan pemantauan untuk meningkatkan kebolehdayaan wanita. Dengan jolokan sebagai ting tang untuk pembangunan wanita, jadi janganlah nama ting tang sahaja. Asyik fikir je, kerja tak jalan-jalan, hujung tahun duit habis untuk bayar orang tolong berfikir. Saya membawa suara wanita dan rakyat berharap seperti mana mendalamnya Kerajaan Negeri merencana di bahagian akar umbi, biarlah nikmatnya menjalar sampai ke pucuk.

Satu perkara lagi. Untuk Kod PK 18006 - hadiah anak masuk universiti. Yang ini saya ingin juga memohon supaya Kerajaan Negeri melihat semula perkara ini dan mengkaji. Sebab kita mendapat beberapa, beberapa komen anak-anak kita yang sebahagiannya tidak dapat hadiah masuk universiti ini kerana mereka memerlukan sangat-sangat hadiah masuk universiti seperti yang dijanjikan. Dan kita mengharapkan Kerajaan Negeri bukanlah retorik semata-mata dan hanya mengambil keperluan pelajar-pelajar yang layak. Ini yang lain dibiarkan begitu sahaja. Dan janganlah mereka ini digula-gulakan dalam sikap ingin meraih

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ia, minta, minta mencelah

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Sokongan terhadap Kerajaan sini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Jadi, 2 perkara ini saya ingin merayu kepada Kerajaan Negeri

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta, minta mencelah

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan minta mencelah.



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta mencelah.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Untuk diberi perhatian. Sekian, terima kasih

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Wah, tak sempat lagi

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sudah habis dah? Tuduhan tu tak berasas. Jadi nak perbetulkan Hulu Bernam ini ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Ok, Kerajaan Negeri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak jawab itu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Speaker atau Timbalan Speaker.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Timbalan Speaker. Saya nak jawab sebelah kawan sana. Kerajaan Negeri Selangor bukan seburuk yang awak anggapkan. Ok. PWB pun banyak memanfaatkan kepada rakyat di Negeri Selangor.

Merujuk kepada P.K 13, P.13, PK 908601 - JPS. Saya ringkas sahaja. Permohonan peruntukan menaik taraf jalan pertanian Sungai Belangkang Hulu Cucur dan kebun pertanian di Jalan Lapis, Sungai Pelak. Jalan yang dimaksudkan dianggap sepanjang 10 kilometer dan diguna sebagai laluan utama oleh pekebun-pekebun untuk pergi ke kebun masing-masing. Dianggar 100 orang pekebun-pekebun yang melalui jalan tersebut setiap hari. Pada ketika itu, ketika ini, jalan adalah jalan tanah merah dan berlubang-lubang. Menyukarkan pekebun untuk melalui jalan dan mengeluarkan hasil pertanian dan memerlukan dinaiktaraf bagi membantu pekebun di kawasan sekitar. PDT Sepang telah membuat siasatan dan dianggarkan kos bagi jalan tersebut adalah berjumlah lebih dari RM1.5 juta. Oleh yang demikian, adalah dipohon pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi pertimbangan kelulusan peruntukan supaya jalan tersebut dapat dinaiktaraf dan diguna oleh pekebun-pekebun yang terlibat. Seterusnya, P 16, PK 101003 - Perancangan Bandar dan Desa.

Tuan Speaker,

Di bawah Rancangan Pembangunan Desa Pejabat Tanah Daerah Sepang amat memerlukan peruntukan tambahan untuk melebarkan serta menyelenggara jalan kampung tradisional terutamanya Jalan Kampung Salak Tinggi sehingga Kampung Baru Labu Lanjut RTB. Kemalangan maut sering berlaku di sepanjang jalan tersebut. Pengguna jalan tersebut semakin ramai orang menggunakan jalan pintas untuk menuju ke KLIA.

Tuan Speaker,

Awani Resort Bagan Lalang merupakan pusat pelancong antarabangsa yang berjaya membawa masuk ramai pelancong asing. Tetapi sepanjang jalan masuk ke Awani Resort menerusi Kampung Bagan Lalang amat sempit. Kenderaan bas susah bergerak, bergerak masuk. Imej Sepang terjejas. Sungai Pelek menyeru peruntukan tambahan disalurkan ke Pejabat Tanah Sepang demi pembangunan Sepang dan demi imej baik Sepang. Sekian, terima kasih. (Tepuk)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Masa yang tepat. Yang terhormat sekalian, sebelah petang Kerajaan akan memulakan penggulungan. Jam dah menunjukkan 1.00 petang. Saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang )**

## (Dewan Disambung Semula)

### (Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : *Assalamualaikum* dan selamat petang dewan sambung semula, sekarang saya persilakan pihak kerajaan untuk menggulung. Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Tuan Timbalan Speaker saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rawang, Yang Berhormat Kota Damansara dan Yang Berhormat Dusun Tua yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul pembangunan. Tuan Timbalan Speaker tidak dapat dinafikan memang terdapat banyak permintaan supaya Kerajaan Negeri dapat menambah laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor termasuk cadangan-cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rawang, Yang Berhormat Kota Damansara dan Yang Berhormat Dusun Tua yang pada masa ini tidak termasuk di dalam laluan Bas Smart Selangor sedia ada. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat laluan yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kajian dan keperluan oleh setiap PBT tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan dan sebelum cadangan berkenaan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri untuk dipertimbangkan mengambil kira kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti berikut. Satu menepati struktur bas *network riven* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada. Dua perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain. Tiga lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersial dan kompleks perniagaan dan empat *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT, MRT. Ketetapan laluan juga perlu mengambil kira pandangan dan ulasan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) memandangkan segala isu pelesenan dan permit dan kebenaran laluan masih di bawah bidang kuasa SPAD. Umum sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri merupakan penyumbang utama untuk kos operasi bas Smart Selangor sejak Julai 2015 hingga 2016. Oleh itu Kerajaan Negeri pada masa ini juga sedang melihat dan mengenal pasti faktor-faktor untuk memperluaskan lagi liputan bas Smart Selangor namun pada waktu yang sama tidak meningkatkan kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri antaranya adalah dengan menggalakkan PBT yang mampu untuk membiayai sebahagian kos operasi bas percuma sebagaimana yang dilaksanakan oleh Majlis Bandar raya Petaling Jaya melalui PJ *City* bus dengan jumlah sebanyak 22 buah. Berbalik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rawang dan Yang Berhormat Kota Damansara serta Yang Berhormat Dusun Tua Kerajaan Negeri akan meminta setiap PBT mengambil maklum akan cadangan ahli-ahli Yang Berhormat dalam mempertimbangkan cadangan dengan laluan baru pada masa akan datang, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih, Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Damansara Utama, Yang Berhormat Seri Andalas, Yang Berhormat Dengkil, Yang Berhormat Balakong telah menyertai perbahasan dalam usul pembangunan dan telah menzahirkan keprihatinan mereka berkenaan sumber bekalan air di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri amat menyedari berkenaan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang meliputi perkara berkaitan kualiti dan kuantiti sumber air mentah. Juga berkaitan dengan isu-isu pengagihan air. Isu-isu spesifik berhubung kualiti dan kuantiti sumber air mentah akan dijawab oleh Yang Berhormat EXCO yang berkenaan sebentar lagi. Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Damansara Utama untuk membangunkan infrastruktur *Off River Storage atau ORS* ianya merupakan satu cadangan yang amat baik dan perlu dilaksanakan dan sukacita saya memaklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri telah pun mula melaksanakan kaedah ini. Di mana pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Loji Rawatan Air Labohan Dagang yang merupakan dua projek utama yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri telah direka bentuk menggunakan kaedah *storm water* hiliran sungai sebagai sumber air terawat. Konsep pembangunan ORS seperti yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Damansara Utama mampu mengekalkan bekalan air mentah sekali pun berlaku pencemaran sungai dapat mengurangkan kebergantungan kepada pelepasan empangan dan berfungsi sebagai kolam takungan bagi mengelakkan risiko banjir di penempatan hiliran sungai. Yang Berhormat Damansara Utama dan Yang Berhormat Balakong ada mencadangkan supaya loji-loji rawatan yang lama dan sedia ada seperti Loji Semenyih, Sungai Selangor Fasa 1, SPP 1, SPP 2 dan SPP 3 serta Loji Sungai Langat dan Loji Cheras Batu 11 dan Loji Bukit Tampoi juga dibangunkan ORS. Bagi tujuan seperti yang telah dinyatakan di atas. Dalam hal ini cadangan tersebut perlu diperhalusi dari aspek teknikal, kewangan dan kesesuaian tapak. Kajian-kajian lanjut ini diperlukan bagi memastikan kesesuaian dalam menampung keperluan pengoperasian loji secara berterusan. Untuk tujuan tersebut Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa kolam takungan untuk dijadikan ORS di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih. Selain daripada penumpuan dalam penyediaan ORS Kerajaan Negeri juga berusaha untuk mengurangkan kejadian paip pecah dan paip bocor yang menyumbang kepada peningkatan NRW. Air Selangor meneliti keperluan penggantian paip yang dikategorikan sebagai *hotspot*. Berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan air Selangor telah mengenal pasti 84 *hotspot* yang meliputi 422 kilometer laluan paip yang akan digantikan secara berperingkat mulai tahun ini sehingga 2019. Keseluruhan projek ini dianggarkan bernilai RM400 juta yang mana kos tersebut sepatutnya dibiayai oleh PAP melalui pelan perniagaan Air Selangor atau pun *Regulatory Business Plan* yang belum diberikan kelulusan oleh Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Oleh kerana keperluan ini amat mendesak Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM324 juta untuk tempoh tiga tahun mulai tahun 2016

sehingga tahun 2019 bagi projek penggantian projek air lama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk dilaksanakan oleh Air Selangor dan seperti yang saya telah bentangkan dalam belanjawan 2017 bagi tahun 2017 sahaja peruntukan sebanyak RM100.6 juta disediakan untuk tujuan yang sama. Kerajaan Negeri juga mengambil maklum pandangan dan maklum balas yang diberikan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing tentang kemungkinan bilangan *hotspot* ini akan bertambah dari masa ke semasa. Tetapi yang telah dinyatakan sebelum ini keutamaan kita ialah untuk menangani masalah 84 *hotspot* yang amat mendesak dan telah pun dikenal pasti namun dari masa ke semasa Air Selangor juga akan memberikan perhatian kepada masalah-masalah yang baru timbul setelah audit ini dibuat. Yang Berhormat Seri Andalas telah mencadangkan peruntukan tahun 2017 di bawah Vot P 01 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah pecahan kepala PK 19 iaitu pengambilan balik tanah berjumlah RM25 juta digunakan juga untuk pengambilan tanah-tanah hak milik di kawasan yang dikenal pasti untuk dijadikan inventori tanah ataupun *land bank* Kerajaan Negeri bagi tujuan perancangan masa akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan sebanyak RM25 juta ini disediakan untuk pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri bagi maksud awam. Untuk melaksanakan projek kemudahan awam seperti pembangunan institusi, pembelajaran, pembinaan jalan raya, kemudahan saliran dan pembangunan kawasan perkuburan dan lain-lain. Merujuk kepada perkara yang diusulkan oleh Yang Berhormat Seri Andalas Kerajaan Negeri berpandangan bahawa cadangan menyediakan *land bank* bagi tujuan pembangunan masa hadapan melalui proses pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri adalah tidak ekonomik kerana kos pengambilan adalah sangat tinggi. Sekiranya ianya dilaksanakan dan tidak mempunyai perancangan pembangunan, Kerajaan Negeri akan kehilangan peluang ataupun *loss opportunity* bagi melaksanakan agenda pembangunan negeri yang menumpukan kepada penyediaan kemudahan awam, pendidikan, kebajikan, pembasmian kemiskinan dan lain-lain kepada rakyat di Negeri Selangor. Selain daripada itu Kerajaan Negeri mempunyai anak-anak syarikat yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan projek-projek pembangunan komersial dan hartanah. Anak-anak syarikat ini juga sebahagian besar daripada mereka mempunyai *land bank* yang masih belum dibangunkan dan ianya boleh dijadikan sebagai inventori bagi maksud pembangunan akan datang.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Dato' Menteri Besar, saya juga nak minta Dato' Menteri Besar, Kerajaan Negeri telah pun salurkan banyak bidang tanah untuk tujuan membina macam contohnya membina pejabat polis, membina sekolah, membina untuk penggunaan awam dan

sebagainya. Selama-lamanya sudah lama dah beberapa bidang tanah ini tidak digunakan oleh agensi-agensi berkenaan di dalam taman-taman yang kita nampak. Contohnya ialah di Seri Andalas ada satu sebidang tanah besar yang katakan untuk polis buat *station* polis dan sebagainya. Saya dapati sampai sekarang sudah 15 tahun lebih tanah itu tidak digunakan tetapi keperluan tanah itu untuk orang tempatan untuk digunakan untuk satu bidang yang lain ada. Macam mana kita nak atasi masalah ini, kalau boleh.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Untuk makluman Yang Berhormat Seri Andalas Kerajaan Negeri telah pun mengambil ketetapan untuk membincangkan semula dengan pihak PTP supaya tanah-tanah kerajaan yang telah pun diserahkan kepada pihak persekutuan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti pembangunan sekolah, hospital ataupun kemudahan-kemudahan awam yang lain yang belum dibangunkan lagi perlu diberikan penjelasan kepada Kerajaan Negeri tentang keperluan semasa dan keupayaan kewangan di peringkat persekutuan. Sama ada mereka sudah telah bersedia untuk membangunkan tanah-tanah yang telah diwartakan kepada PTP. Untuk kelulusan di masa yang akan datang seperti yang kita umumkan baru-baru ini sebarang permohonan daripada pihak persekutuan kita akan wartakan dahulu kepada pihak SUK dan ianya akan ditadbir oleh pihak PBT sehingga pihak persekutuan ada keupayaan untuk membangunkan tanah-tanah yang berkenaan. Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Pandamaran tentang kaedah yang digunakan untuk membangunkan Sungai Klang. Pembangunan Sungai Klang mengambil pendekatan holistik yang meliputi aspek pemulihan pencemaran dan pembangunan untuk menjadikan ekosistem ekonomi maritim. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang telah memutuskan bahawa usaha pembersihan Sungai Klang daripada longgokkan sisa pepejal yang dijalankan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Hebat Abadi Sdn. Bhd. diteruskan kerana objektif utamanya ialah untuk memastikan Sungai Klang bebas daripada longgokkan sisa pepejal terapung. Kerja-kerja ini telah pun bermula pada bulan Februari 2016 dan sebanyak 48 unit mini log boom telah dipasang di kunci-kunci air di sepanjang Sungai Klang yang melalui kawasan PBT seperti MPPJ, MPSJ, MBSA dan MPK bagi memerangkap sisa pepejal daripada memasuki kawasan sungai. Setakat bulan Oktober 2016 sejumlah 7,375, tan metrik sisa pepejal telah dikeluarkan daripada Sungai Klang. Di samping itu program kesedaran awam telah dilaksanakan bagi memastikan orang ramai prihatin tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai. Bagi perancangan tahun 2017 fokus utama adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi kutipan dengan penggunaan kelengkapan yang lebih moden dan efektif seperti *trash skimmer* pemasangan lebih banyak lagi log boom bagi menghalang sisa pepejal dari memasuki Sungai Klang serta penggunaan aplikasi pintar bagi memantau keadaan pencemaran sisa pepejal dan kualiti air terutamanya di kawasan yang strategik. Kesimpulannya kerja-kerja pembersihan akan digiatkan lagi pada tahun akan datang bagi mempersiapkan Sungai Klang untuk dijadikan sumber pembangunan baru. Dan usaha sedang dilakukan untuk menyediakan pelan induk pembangunan Sungai Klang tetapi pada

ketika ini kerja-kerja yang amat mendesak ialah untuk mengeluarkan sampah-sampah dan sisa pepejal terapung yang berada di dalam Sungai Klang. Saya ingin merujuk kepada pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama mengenai butiran belanjawan di bawah tajuk SMART Selangor *Delivery Unit* sebanyak RM26 juta. Untuk makluman Yang Berhormat perbelanjaan ini boleh dicerakinkan seperti berikut, pembangunan platform ini akan menelan belanja sebanyak RM12 juta untuk membangunkan digital ekosistem iaitu pembangunan sistem *architecture* yang menyeluruh, *interfacing*, penyediaan integrasi kepada aplikasi *google waze* untuk pemantauan jalan berlubang, kesesakan lalu lintas dan juga jalan rosak, integrasi system CCTV dan lampu jalan di Pihak Berkuasa Tempatan yang utama dan mengenal pasti isu keselamatan dan kawasan-kawasan berisiko tinggi jenayah, integrasi dengan sistem penjadualan bas *Smart Selangor* serta integrasi dengan sistem pengurusan aduan sedia ada seperti sistem talian Aduan Rakyat Selangor.

lanya juga memudahkan usahawan dan syarikat aplikasi membangunkan aplikasi pintar yang boleh di *plug and play* dan menjana aplikasi yang lain. Pembangunan aplikasi ini akan memberikan kemudahan kepada lebih ramai rakyat termasuk wanita, kanak-kanak, warga emas, warga tempatan dan asing.

Manakala RM2 juta lagi akan digunakan untuk membangunkan *Big Data Analyties* di mana model awal untuk mengenal pasti data, mengumpul data dan menganalisa data. RM2 juta akan disalurkan untuk pembangunan *internet of things* menggunakan *match technology* di mana rangkaian khas ini boleh menghubungkan perbagai alat dan sensor seperti di lampu isyarat, bangunan, CCTV dan sebagainya.

RM6 juta untuk menambahkan bilangan *hot spot* iaitu 1,000 *hotspot* yang baru menjadikan jumlah *hot spot* kelak 3,600, untuk menambahkan kelajuan bandwidth kepada 1 *megabit per second per user* dan seterusnya mengoptimakan lokasi *Wifi Smart Selangor* khususnya di kawasan luar bandar. RM1 juta untuk program *Smart Coding School* peringkat sekolah menengah untuk menambah kebolehan *coding* di kalangan pelajar supaya boleh mencipta aplikasi baru dan menambah tenaga kerja di bidang ini dan RM3 juta untuk program saringan kesihatan *early intervention* program untuk kanak-kanak istimewa dan menyediakan pakar dan *therapies* yang akan membantu ibu bapa menangani dan membantu dalam proses pengesanan awal dan pemantauan pembangunan.

Soalan yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rawang, tentang peranan dan KPI SSDU dalam mencapai *target*. Pada asasnya peranan SSDU adalah sebagai penggerak kepada Gagasan Smart Selangor untuk mencapai matlamat strategik jangka panjang iaitu pertama peningkatan pertumbuhan ekonomi, pemastian perlindungan alam sekitar, peningkatan kualiti hidup, penciptaan peluang pekerjaan dan kedudukan *fiscal* negeri yang lebih kukuh. Bagi tahun 2016 KPI

Smart Selangor *Delivery Unit* adalah untuk menyiapkan Smart Selangor *Blue Print* selewat-lewatnya bulan Disember 2016.

Untuk makluman *Blue Print Smart Selangor* akan dilancarkan semasa *Smart Selangor City International Conference* yang akan diadakan pada 6 Disember 2016. *Blue Print* akan memfokuskan pencapaian KPI bagi 4 domain utama iaitu pertama meningkatkan keberkesanan operasi pengurusan sisa pepejal bagi *Smart Waste Management*. Yang kedua, mengenal pasti kawasan pembangunan TOD ataupun *Transit Oriented Development* bagi domain *Smart Mobility*. Ketiga, meningkatkan keupayaan Wifi Smart Selangor, pembangunan *Common Apps Platform* dan membangunkan infrastruktur untuk *Internet Of Things* bagi domain *Smart Digital Infra* dan yang keempat membangunkan aplikasi *Citizen Engagement* bagi domain *Smart Governances*. Pihak SSDU akan berperanan sebagai pengurus projek dan fasilitator bagi pembangunan ekosistem ini.

Yang Berhormat Kinrara ada membangkitkan apakah kriteria TOD di Negeri Selangor. Merujuk kepada dasar perancangan pembangunan berorientasikan transit Negeri Selangor, ciri-ciri dan kriteria asas yang diterapkan dalam perancangan pembangunan berorientasikan transit adalah seperti berikut, aktiviti bangunan pelbagai guna berdekatan stesen transit seperti perniagaan, kediaman, kedai, pejabat, institusi dan kemudahan masyarakat. Kedua, mempunyai ciri-ciri keselamatan dan persekitaran yang selesa bagi menarik orang awam menggunakan pengangkutan awam. Ketiga, pejalan kaki dan basikal sebagai mode utama ke stesen transit. Keempat, menggalakkan pembangunan berintensiti tinggi di kawasan sekitar stesen dalam lingkungan 400 meter. Kelima, penyediaan ruang rehat awam untuk penduduk beraktiviti dan berinteraksi dan keenam mengutamakan pembangunan perumahan mampu milik rumah Selangorku yang mana dibenarkan kepadatan 120 unit per ekar.

Soalan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing, apakah status rancangan struktur Negeri Selangor 2015, RSN Selangor 2035, Maaf 2035. RSN Selangor 2035 telah mendapat pertimbangan dan persetujuan Majlis Perancangan Fizikal Negara Ke 25, Bilangan 1/2016 terhadap Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 di bawah peruntukan perenggan 10 (4)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Akta 172. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bilangan 4/2016 pada 22 September 2016 yang lalu telah bersetuju untuk meluluskan Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 dan telah dikemukakan kepada MMKN bagi persetujuan untuk pewartaan di bawah peruntukan subseksyen 10 (6) dan 10 (7) Akta 172.

Berhubung cadangan semua 12 Rancangan Tempatan dipinda selaras dengan RSN Selangor 2035 dalam konteks ini penyediaan RT perubahan atau penggantian akan diselaraskan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan kepentingan pembangunan pada masa itu. Sehubungan itu untuk tindakan seterusnya PBT perlu



membuat penggantian semula mengikut fasa-fasa tertentu secara berperingkat tertakluk kepada RSN 2035 yang telah mendapat kelulusan.

Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Sepang telah membuat penggantian dan telah diluluskan oleh MMKN dan pada masa yang sama Majlis Daerah Kuala Langat sedang dalam proses penggantian RT dan begitu juga bagi tahun 2017 oleh Majlis Perbandaran Kajang. Oleh itu, PBT lain saya yakin akan menyusul untuk membuat penggantian RT berdasarkan kesediaan peruntukan PBT masing-masing. Di samping itu, dari semasa ke semasa PBT akan membuat perubahan terhadap RT berdasarkan kepentingan rakyat dan negeri.

Ada yang membangkitkan iaitu Yang Berhormat Sekinchan supaya keperluan tapak Sekolah Jenis Kebangsaan. Yang Berhormat Sekinchan telah meminta supaya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor memastikan perlu disediakan tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina oleh pemaju dalam memberi pertimbangan kelulusan pembangunan projek-projek perumahan. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan berdasarkan manual garis panduan dan piawaian perancangan Negeri Selangor Edisi Ketiga yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 35/2016 dan disahkan oleh MMKN Ke 36 pada Oktober 2016 keperluan penyediaan tapak Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah disediakan secara umum. Walau bagaimanapun ketentuan jenis sekolah adalah tertakluk kepada penetapan oleh Kementerian Pendidikan berdasarkan keperluan dan permintaan penduduk semasa dan setempat.

Keperluan bagi sebuah tapak Sekolah Rendah berkeluasan 5 hingga 8 ekar untuk tadahan penduduk seramai 3,000 hingga 7,500 orang manakala keperluan sebuah tapak Sekolah Menengah berkeluasan 8 hingga 12 ekar bagi tadahan penduduk seramai 9,000 orang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya minta sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasih lah kepada Kerajaan Negeri khususnya JPBD kerana yang prihatin dan telah membuat garis panduan yang menetapkan keperluan untuk sekolah 5 hingga 8 ekar ya tetapi cuma saya minta penjelasan apakah Kerajaan Negeri juga bersedia memastikan walaupun dia ada kekangan daripada Kementerian tentang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ataupun Tamil, Kerajaan Negeri ada hak tak untuk nak tetapkan supaya tanah itu diperuntukkan untuk *special* untuk Sekolah Jenis Kebangsaan seperti ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan, kita telah membuktikan bahawa sebelum ini pun ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

Tamil yang kita bangunkan dengan kerjasama pihak swasta untuk memenuhi permintaan anak-anak pekerja ladang khususnya yang perlu diberikan peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti. Dan dalam belanjawan 2017, kita juga telah mencadangkan untuk pembinaan sebuah asrama bagi tujuan yang sama supaya anak-anak pekerja ladang ini mendapat tempat yang lebih sesuai dan kondusif bagi meneruskan pengajian mereka.

Yang Berhormat Bukit Gasing, Gombak Setia, Sabak dan Dusun Tua ada membangkitkan soal tanah terbiar. Secara umumnya terdapat 7,159.36 hektar tanah terbiar di Selangor daripada jumlah itu 3,009.14 hektar telah dikenal pasti pemilik, seramai 1,829 orang. Baki 4,150.22 hektar tidak dapat dikesan pemiliknya iaitu 1,237 orang. Di bawah program pembangunan tanah terbiar, Jabatan Pertanian mempunyai pendekatan untuk menemukan usahawan dengan pemilik tanah untuk rundingan bagi sewaan atau pajakan sehingga kini terdapat lebih 2,000 permohonan pembangunan tanah terbiar telah dikemukakan oleh usahawan kepada Jabatan Pertanian.

Walau bagaimanapun cabaran utama dalam pembangunan tanah terbiar ini adalah kesukaran pemilik tanah untuk memberi kebenaran untuk sewaan atau pajakan. Stigma mereka yang takut kehilangan tanah menyebabkan mereka sanggup membiarkan tanah itu terbiar begitu sahaja. Selain itu, agak sukar untuk mendapatkan luas tanah yang ekonomikal untuk tujuan pertanian. Melalui program pembangunan tanah terbiar Jabatan Pertanian membantu dari segi penyediaan tanah, infrastruktur asas seperti parit, baik pulih tanah, bahan tanaman dan lain-lain.

Untuk makluman, pada tahun ini Jabatan Pertanian telah membangunkan seluas hampir 200 hektar tanah terbiar di Daerah Sepang dengan tanaman ubi kayu dan keledak. Jabatan Pertanian, akan sentiasa berusaha memastikan program ini berterusan bagi menjamin keselamatan bekalan makanan.

Yang Berhormat Damansara Utama dan Gombak Setia ada membangkitkan tentang penjelasan mengenai program kenegaraan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 12 Oktober 2016 telah membincangkan kertas EXCO MTES yang telah disahkan kemudiannya oleh MMKN pada 19 Oktober 2016 menimbang dan bersetuju meluluskan pelaksanaan program kesedaran kenegaraan Negeri Selangor. Dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran rakyat sebagai rakyat yang peka terhadap tanggungjawab selaku warganegara.

Secara umumnya program kenegaraan ini bertujuan untuk mendekati dan mengajak generasi muda ke arah penghayatan sebenar ke atas tanggungjawab individu terhadap institusi kenegaraan melalui penglibatan dan penyertaan dalam aktiviti kesukarelaan. Program kenegaraan ini akan mengguna pakai modul dari institusi pendidikan tetapi disesuaikan dengan konteks masyarakat Selangor yang majmuk

yang menitikberatkan perkara-perkara berikut, pertama sejarah perjuangan kemerdekaan tanah air, sistem politik dan pemerintahan Negara, menghuraikan dasar Negeri Selangor dan Negara, menghubungkan implikasi dan mesej yang dibawakan melalui pemahaman sejarah, sistem politik, ekonomi dan aspek kemasyarakatan. Membina dalam diri peserta rasa muhibah dan kerjasama serta semangat cinta kepada tanah air.

Objektif program ini adalah untuk menyampaikan maklumat pendidikan kenegaraan kepada masyarakat secara sistematik dan efektif. Membentuk perkumpulan sukarelawan di setiap kawasan dan sasaran dan yang ketiga membangunkan sistem sokongan IT sebagai pangkalan data pengurusan program, *profiling* dan medium penyampaian maklumat kepada kumpulan sasar.

Program ini mensasarkan keanggotaan sukarelawan seramai 20,000 orang menjelang akhir tahun 2017 dan bagi menjayakan usaha tersebut unit pengurusan sukarelawan akan dibentuk bagi melaksanakan modul latihan dan program berasaskan masyarakat tempatan untuk lebih menarik minat penduduk setempat melibatkan diri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara-perkara lain yang akan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pihak jabatan dan agensi akan mengemukakan jawapan secara bertulis setelah saya menyemaknya dalam masa yang terdekat, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Habis ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Habis-habis.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Habis ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dah habis.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dah habis cakap minta sedikit tak ada ya. Masa kecederaan tak ada? Sebab boleh lah sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa kata dah habis.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dah habis ya?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Habis.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kerana semua dah kena, tension.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : (Ketawa). Silakan Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Timbalan Speaker, saya ucapkan terima kasih lah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian telah membangkitkan beberapa isu di bawah portfolio saya. Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Selat Klang tentang jalan ataupun *catwalk*, jambatan di Kampung Bagan Hailam ya papan yang sudah uzur dan saya untuk makluman Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri masih belum terima permohonan daripada pihak yang berkaitan dan saya harap bahawa Yang Berhormat selepas ini boleh bincang dengan JKKK tempatan, lihat kawasan mana yang diperlukan untuk menaiktarafkan tentang *catwalk* ataupun jambatan pejalan kaki di kawasan tersebut.

Dan saya juga ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Rawang, beberapa isu telah dibangkitkan oleh Rawang mengenai dewan dan balai raya. Ini di kawasan Kampung Baru, untuk makluman Rawang, dewan orang ramai Kampung Dato' Lim Kim Sai masih diduduki secara haram oleh parti MCA. Kini Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak Pejabat Daerah Gombak dan Majlis Perbandaran Selayang untuk mengeluarkan notis kepada parti berkenaan dan tindakan rampasan akan dibuat sekiranya ia enggan mematuhi peraturan dan sekiranya mereka enggan kita akan mengambil tindakan untuk perobohan dan akan bina satu dewan yang baru untuk kawasan tersebut dan tentang isu di Kampung Baru Kepong Ulu, untuk makluman Yang Berhormat, pihak Majlis Perbandaran Selayang telah menghantar maklumat dan BQ kepada Kerajaan Negeri dan dianggarkan memerlukan kos pembinaan sebanyak RM4.97 juta. Maka ia perlu diteliti dan disemakkan lagi. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri pada dasarnya bersetuju dengan cadangan untuk menaik taraf dewan yang telah usang itu.

Bagi dewan orang ramai di Desa Kuala Garing yang juga masih diduduki oleh pihak parti MCA, pihak Lafaz iaitu tuan empunya tanah asal masih dalam tindakan untuk menyerahkan tapak tersebut dan dewan kepada PBT berkenaan iaitu Majlis Perbandaran Selayang dan Kerajaan Negeri akan memutuskan untuk mengekal ataupun membina semula dewan tersebut untuk kegunaan penduduk tempatan.

Dan tentang cadangan daripada Rawang juga untuk membina satu dewan di kawasan Bandar Country Homes ya dan untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Selayang tiada perancangan untuk membina dewan baru di kawasan Bandar Country Homes pada tahun 2017 tapi dengan cadangan dan permintaan daripada Yang Berhormat Rawang, MPS bersedia untuk memberi pertimbangan dengan perlu mencari sumber alternatif, sumber kewangan alternatif untuk cadangan tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Minta penjelasan. Tujuan saya bangkitkan dalam ucapan saya sebab saya memang tahu MPS akan kata dia tak ada sumber

kewangan, itu lah saya minta pihak Kerajaan Negeri untuk bantu, jadi itu yang saya minta kalau boleh Yang Berhormat EXCO boleh luluskan permohonan ini jadi bantulah untuk penduduk Bandar Country Homes yang memang perlukan dewan ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Ok, terima kasih kepada Rawang, Kerajaan Negeri senantiasia prihatinlah tentang keperluan di kawasan tersebut. Memang kita mengambil sikap yang serius dan kita akan mengkaji isu itu dan dengan peruntukan yang diagihkan pada tahun depan kita akan memberi pertimbangan.

Dan saya juga ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak Setia tentang isu sampah haram di Permatang Kuartza. Untuk makluman Yang Berhormat tindakan sitaan dua unit jentera pengorek berantai pada 4 hari bulan Ogos dan juga 24 hari bulan Oktober telah dilakukan dan dengan pemantauan terkini tiada aktiviti pembuangan sampah haram di tapak yang berkaitan dan Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Selayang telah juga mengeluarkan syor kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak untuk mengambil tindakan kepada pemilik lot-lot tanah di kawasan terlibat. Terdapat 7 lot yang telah dikenal pasti dijadikan tapak pelupusan haram di mana kesemua tanah yang terlibat telah disampaikan notis 7A Pelanggaran Syarat di bawah Kanun Tanah Negara.

Pejabat Daerah Tanah Gombak telah mengambil tindakan dengan mengadakan rondaan berkala dan meletakkan anggota secara statik di mana usaha-usaha ini masih berterusan di samping mengadakan operasi bersepadu dengan PBT dan juga agensi yang berkaitan. Ok, Tuan Timbalan Speaker, sekian sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Seri Kembangan. Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Selat Klang, Yang Berhormat Seri Andalas dan Yang Berhormat Taman Medan yang membahaskan isu-isu di bawah portfolio saya dalam perbahasan pembangunan. Yang Berhormat Selat Klang membangkitkan tentang program *gems*, tentang golongan gagal lulus. Untuk maklum balas, program *gems*, menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat Selat Klang. Untuk makluman Yang Berhormat Selat Klang dan Dewan program *gems* telah mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan program-program menangani gejala sosial dengan mengadakan kursus pengupayaan komuniti setempat sebanyak tiga siri yang bertujuan untuk mengerakkan pimpinan setempat seperti JKKK, Ahli Majlis, Ketua-ketua Komuniti, Jawatankuasa Rumah Ibadat dan pimpinan setempat bagi mengenal pasti gejala sosial yang dialami oleh penduduk setempat terutamanya golongan remaja yang termasuk dalam golongan gagal lulus ini.

Selain itu, program-program *gems*, juga telah dilaksanakan terutamanya di kawasan-kawasan *hotspot* seperti Pangsapuri Seri Perantau Klang, Pangsapuri Desa Mentari, Petaling Jaya, Projek Perumahan Rakyat Kota Damansara dan juga di daerah-

daerah yang lain. Untuk makluman Dewan juga program-program pencegahan menangani gejala sosial juga akan dijalankan melibatkan pelajar-pelajar sekolah sempena cuti persekolahan di dalam memberi pendedahan mengenai bahaya gejala sosial.

Seterusnya Yang Berhormat Seri Andalas membangkitkan tentang keperluan SJKT-SJKT yang berbeza daripada JKC dan juga Sekolah Agama Rakyat dan sama ada kita boleh *accommodate* dengan izin menerusi program bantuan sekolah yang dijalankan tiap-tiap tahun. Saya menyambut baik cadangan tersebut tetapi buat masa ini fokus kita ialah untuk memastikan kemudahan infrastruktur yang terbaik disediakan kepada pelajar-pelajar sekolah tidak kira Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taman Medan mengenai pusat *gems* Desa Mentari. Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan dan Ahli Dewan, pusat *gems* yang beroperasi di Blok 10 Desa Mentari di dalam DUN Taman Medan ini bertujuan untuk melaksanakan program-program menangani gejala sosial atau lebih dikenali sebagai program *gems* yang melibatkan jabatan ataupun agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan ataupun NGO serta pusat khidmat masyarakat. Berkaitan dengan pegawai yang ditugaskan iaitu seorang pegawai yang telah dilantik untuk menguruskan pusat *gems* ini bermula dari 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Namun jika ada program pada hari cuti umum atau hujung minggu, pusat *gems* juga beroperasi seperti biasa. Pegawai yang dilantik perlu menyelaras program-program dan aduan di 10 Blok Desa Mentari di mana jarak di antara Blok 9 dan Blok 10 agak jauh dengan lokasi Blok 1 hingga Blok 8. Dan atas sebab itu pusat *gems* terpaksa ditutup atas faktor keselamatan. Selain itu, pegawai tersebut juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan mesyuarat-mesyuarat penyelarasan bersama penduduk dan ia memerlukan pergerakan maka dalam keadaan ini pejabat pusat *gems* juga terpaksa ditutup juga. Walau bagaimanapun kita akan mengambil secara serius cadangan untuk mengoptimumkan lagi pusat *gems* ini bagi khidmat semua penduduk di kawasan Desa Mentari. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya bagi Bukit Lanjan dulu.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya bermula dengan jawapan kepada Yang Berhormat Bukit Melawati kerana Bukit Melawati bagus antara ADUN Pembangkang yang hadir pada petang ini. Ini isu *monkey business* tiap-tiap kali pun ada *monkey business*. Di Bukit Melawati memang ada banyak lotong. *Severely monkey*. Lotong ya bukan lontong. Lotong sehingga ianya menjadi satu tarikan pelancongan di sana. Pada masa yang sama Jabatan PERHILITAN juga bantu mengawal kuantiti di sana secara merangkap dan juga pindah jadi program ini masih dijalankan dan saya rasa di dalam Dewan yang mulia

ini, setiap kali pun ada bangkit isu kera, monyet, ular, lembu bukan *wild life* lah itu ternakan ada musang tapi musang king tapi bukan musang haiwan.

Saya rasa kita daripada Kerajaan Negeri sebenarnya kita ada perbincangan awal untuk menerbitkan satu garis panduan. Garis panduan ini adalah untuk membantu penduduk-penduduk khususnya yang duduk dekat kawasan hutan simpan ataupun kawasan yang ada dulunya banyak haiwan liar, *wild life* dengan izin supaya penduduk-penduduk ada cara untuk menangani ataupun mengelak daripada diusik ataupun diganggu oleh haiwan-haiwan liar.

Manusia mengganggu itu saya serah kepada pihak polis, ini bukan PERHILITAN jadi saya akan pada tahun depan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar akan cetak garis panduan tersebut supaya kita boleh bantu penduduk-penduduk macam mana hendak *face off* dengan izin kalau bertemu dengan monyet, kera, kura-kura, pyton dan sebagainya. Tapi itu senang, tapi jangan ganggu terus telefon kepada pihak PERHILITAN kita akan bawa ke Sungai Dusun.

Dusun Tua sekarang dusun yang lain Dusun Tua. Dusun Tua telah mencadangkan satu tapak pelancongan yang baru iaitu Kolam Air Panas Dusun Tua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat tiga kolam air panas di kawasan DUN Dusun Tua. Satu dipanggil Kolam Air Panas Dusun Tua. Yang keduanya Kolam Air Panas Batu 16. Tetapi ini adalah milikan individu dan ketiganya Kolam Air Panas Sungai Serai juga dimiliki oleh individu.

Maka Majlis Perbandaran Kajang telah membuat satu ketetapan untuk menambah baik ataupun membangunkan kolam air panas yang pertama iaitu di Dusun Tua dan kertas cadangan juga BQ sedang disediakan dan dijangka akan dihantar ke UPEN untuk semakan pada masa yang terdekat untuk dicadangkan pembangunan bagi tahun 2017.

Walau bagaimanapun lokasi kolam air panas di Dusun Tua ini pendapat daripada Tourism Selangor kurang sesuai untuk dikomersialkan. Jadi kecil-kecilan boleh tetapi kalau untuk pelancongan masa MASS Tourism dengan izin ianya kurang sesuai kerana saiznya sangat kecil dan terletak di tepi jalan di hadapan IKBN Dusun Tua.

Walau bagaimanapun kita berhasrat untuk membangun kawasan itu supaya penduduk-penduduk setempat ataupun kalau ada pelancong ataupun pelawat-pelawat daripada khususnya Negeri Selangor boleh dapat manfaat daripada kolam air panas tersebut.

Sekinchan sekali lagi telah bangkit tentang pelancongan. Kesesuaian pelancongan di Sungai Labu dan Sungai Redang dan maaf pantai. Memang kita sangat apa kita komited untuk meningkatkan sektor pelancongan negeri khususnya di Sabak Bernam

tambahan juga Sabak Bernam semakin lama semakin terkenal dengan pelancongan agro tourism dan daya tarikkannya bukan sahaja kepada pelancong tempatan malah pelancong-pelancong dari luar negara suka pergi ke Sabak Bernam. Maka kita memang ada bajet yang mencukupi untuk pembangunan pelancongan iaitu RM2.5 juta. Jadi Majlis Daerah Sabak Bernam, bila-bila masa boleh mengemukakan cadangan ataupun permohonan untuk menambah baik ataupun membangun kawasan tersebut, yang disebut oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Yang Berhormat Sabak dan juga Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Kedua-duanya telah bangkit tentang isu Kelong Sabak Bernam. Saya rasa penting untuk Dewan ini sekali lagi, untuk merekodkan apa sebenarnya kes Kelong Sabak Bernam. Bangunan Kelong Sabak Bernam adalah bangunan milik Kerajaan Negeri yang telah siap dibina pada 28 Februari 2002. Ia terletak lebih kurang 4 batu nautika di tengah laut dari jeti Bagan Nakhoda Omar. Pada asalnya Kelong telah diswastakan kepada Syarikat Hay Resorts And Services Sdn Bhd pada 9 Julai 2002 tetapi telah ditarik balik dan diserahkan kepada Syarikat Line Alright Dot Com Sendirian Berhad melalui MMKN ke 29/2005 bertarikh 18 November 2005. Tempoh konsesinya adalah 20 tahun dan sewa konsesi adalah sebanyak RM24,000.00 setahun, yang perlu dibayar oleh syarikat pada awal setiap tahun. Masalahnya adalah kegagalan syarikat tersebut untuk membayar sewaan kepada Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2008. Yang menjadi punca kepada penarikan balik kelong. Beberapa notis telah dikeluarkan sehingga notis penarikan balik kelong dikeluarkan pada 3 Januari 2013. Maka secara dasarnya, Kerajaan Negeri telah serah pengurusan Kelong Sabak Bernam ini kepada Majlis Daerah Sabak Bernam. Walau bagaimanapun, terdapat lagi beberapa perkara perundangan dan isu tanahnya perlu diperhalusi terlebih dahulu. Status terkini adalah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah meluluskan secara dasar pewartaan tanah Kelong Sabak ini pada 5 Disember 2014 di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Dan Pejabat Tanah Daerah Sabak Bernam dalam proses untuk menyempurnakan pewartaan tersebut.

Sekarang saya pergi ke isu, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balakong, iaitu penambahbaikan Loji Rawatan Air Batu Cheras 11. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah Kerajaan Negeri mengambil alih pengurusan Loji Rawatan Air Semenyih, proses rawatan air telah ditambah baik. Dengan membuat beberapa pelaburan seperti pelaburan sistem *pentosan activated carbon*. Kosnya lebih kurang RM1.2 juta. Bagi merawat pencemaran ammonia sehingga tahap 5ppm, *part per million*, dengan izin. Berbanding dengan sebelum ini, ianya hanya boleh merawat 3ppm, *three part per million* sahaja. Beberapa penambahbaikan juga telah dibuat bagi mengatasi masalah pencemaran *magganies*. Walau bagaimanapun pencemaran yang terbaru di Sungai Semenyih bukan pencemaran ammonia ataupun *magganies* tetapi pencemaran yang lain. Manakala di Loji Rawatan Air Cheras Batu 11, ia juga telah di naik taraf untuk rawatan lain dan *aluminium sulfate*.



Akhirnya, ini adalah satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong. Berkenaan tentang hutan bakau di kawasan DUN Sungai Burong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita telah semak, untuk kawasan DUN Sungai Burong, sebenarnya tidak ada hutan simpan paya bakau di DUN Sungai Burong tetapi kebanyakan hutan paya bakau di sana adalah atas tanah Kerajaan Negeri. Maka, kita telah semak juga, apa rancangan untuk menanam bakau di sana. Untuk makluman Dewan ini dan juga untuk Yang Berhormat pembangkang, mungkin boleh sampaikan kepada Yang Berhormat Sungai Burong, di DUN Sungai Burong secara spesifiknya kita telah ada beberapa program menanam pokok bakau. Memang ada. Sudah dirancang kerana kita dituduh tiada rancangan, tiada penanaman dan sebagainya. Yang terkini dilakukan oleh Pejabat Daerah Kuala Selangor, dengan peruntukan daripada Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar pada 23 Oktober dan sebanyak 1,000 pokok jenis bakau minyak dan bakau kurap ditanam. Dan program kedua untuk tahun ini, bakal diadakan hujung minggu ini iaitu 12 November 2016. Juga dibuat dengan kerjasama Pejabat Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di Parit Tiga Sungai Burong. Di mana 1,000 bakau minyak dan juga bakau kurap bakal ditanam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita memang ada projek untuk menanam pokok bakau secara besar-besaran sejak tahun 2011 hingga tahun ini. Kita telah tanam 69, hampir 70,000 pokok bakau ditanam di seluruh Negeri Selangor. Pada masa ini tumpuan kita adalah di sebelah Klang. Dan jenis pokok bakau yang ditanam bukan sahaja api-api yang dicadangkan oleh Sungai Burong, memang kita ada tanam pokok api-api tetapi kita juga ada tanam bakau kurap, bakau minyak, nyireh batu, nipah dan juga rhu pantai. Akhirnya dakwaan bahawa kita tidak cukup pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di Zon Kuala Selangor. Dengan sukacitanya saya boleh maklum bahawa sebenarnya bukan 3 pegawai sahaja tetapi kita ada 28 orang di Zon Kuala Selangor. Iaitu Renjer, Gred 29, satu orang, Pengawas Hutan, Gred 19, 10 orang dan juga Pembantu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor cawangan sana, 17 orang. Satu lagi isu yang dibangkit oleh Sungai Burong iaitu penempatan haram di Sungai Kajang. Perkara ini akan dipanjangkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor untuk di semak semula.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Bukit Lanjan. Saya persilakan Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Timbalan Speaker, Ahli-ahli Dewan, terutamanya daripada Hulu Kelang, daripada Rawang, daripada Taman Medan, Teratai dan beberapa Ahli Dewan yang telah membangkitkan berkenaan dengan portfolio-portfolio di bawah Pembangunan Generasi Sukan, Kebudayaan Belia ataupun Generasi Muda dan Keusahawanan. Batu Tiga juga. Pertama sekali, saya ingin memberi maklum balas berkenaan apakah sokongan-sokongan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri terhadap kegiatan teater di Negeri Selangor khususnya. Berkenaan dengan Teater Perdana Putera La Ga Li Go. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebelum itu saya ingin memaklumkan bahawa

teater Putera La Ga Li Go ini, adalah satu pementasan teater epik ataupun teater berkenaan dengan sejarah yang membawa kepada susur galur, kepada kesultanan khususnya kesultanan di Negeri Selangor. Dan *Insyah-Allah* sempena dengan 250 tahun karya, ataupun 250 tahun sejarah kesultanan di Negeri Selangor, Putera La Galigu yang akan mempamerkan 250 orang pelakon-pelakon dan kru, yang juga akan menunjukkan dan berlatar belakangkan kapal Bugis yang boleh menempatkan 250 orang pegawai-pegawai. Jika dilaksanakan akan dipentaskan pada 16 hingga 19 hari bulan Disember tahun 2016,

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Yang kebetulan berhampiran ataupun dalam minggu-minggu dan bulan-bulan ketika perayaan menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : 16 hingga 18.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Eh, 16 hingga 18 hari bulan Disember tahun 2016. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah membantu dua pementasan teater. Teater yang pertama yang kita bantu pada bulan Mac tahun 2016, iaitu dinamakan sebagai Teater Atas Pokok. Yang membawa aspirasi dan juga cerita serta berlatar belakangkan sebuah pokok di kampung bandar dalam Kuala Lumpur yang membawa aspirasi bagaimana perjuangan masyarakat dan komuniti mempertahankan hak mereka daripada dirampas pembangunan yang tidak berperikemanusiaan. Alhamdulillah, program Teater Atas Pokok yang telah dibawa salah seorang daripada tokoh besar dalam dunia teater nasional seperti Disman dan kawan-kawannya. Kita telah membantu sebanyak RM120,000. Dan teater ini telah diiktiraf oleh *Malaysia book of records* sebagai Teater Atas Pokok pertama di Malaysia. Sebelum ini tak ada teater di anjurkan di atas pokok. Dan pada tahun ini, *Insyah-Allah* kita telah merancang dan tahun hadapan kita akan pastikan, teater, tapak Teater Atas Pokok itu berhampiran di Tasik Shah Alam, kita akan jadikan sebagai tapak seni. Dan ada program-program kesenian yang lain seperti bacaan puisi. Mungkin nyanyian lagu-lagu yang membawa makna kepada rakyat. Sebagai mengingati tapak tersebut yang telah mencipta rekod bahawa kita telah mengadakan teater dan Kerajaan Negeri membantu kepada pembangunan tersebut.

Perkara kedua, berkenaan teater juga, untuk tahun hadapan, kita tidak mahu sahaja melaksanakan program ini *one off* ataupun sekali lalu. Kita telah, kita akan melaksanakan, dan sedang merancang dua program, supaya adanya program pembangunan teater secara menyeluruh. Pertamanya, kita akan bersama-sama dengan SACC Mall, iaitu PKNS *Real Estet* untuk membina satu *Black Box*, dengan izin. *Black Box* ini adalah satu tempat penggiat-penggiat teater supaya boleh eksperimen, dengan izin, ataupun boleh menggunakan idea-idea baru, dalam saiz

yang kecil, dengan dana yang kecil untuk mereka mengembangkan dunia teater dan juga bakat mereka yang sedia ada, itu yang pertama. Yang kedua, kita juga akan menganjurkan kursus. Kursus-kursus teater bagaimana untuk melatih bakat-bakat baru di peringkat daerah, hingga akhirnya nanti mungkin kita boleh buat Pekan Teater Selangor yang mana kita boleh melatih dan memberikan ruang dan wahana dan sekali gus bila bakat-bakat ini tumbuh dengan baik, kita boleh menggunakan sebaik mungkin kompleks teater kita ataupun pentas teater kita yang saya rasa belum lagi dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kegiatan teater di Negeri Selangor. Untuk maksud tersebut juga, saya ingin maklumkan, sukacitanya bahawa Kerajaan Negeri tahun ini telah meluluskan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pementasan Teater Perdana La G sebanyak RM350,000.00. Namun begitu maklum, saya ingin maklumkan kosnya agak besar, mencecah hampir RM1.3 juta, kosnya secara keseluruhan. Jadi saya juga menyeru kepada Ahli-ahli Dewan yang berminat untuk membantu, mungkin boleh membawa anak-anak di kalangan DUN, di pusat khidmat masing-masing, 40, 50 orang untuk tonton teater ini. Boleh beli dan beri sokongan. *At least*, paling tidak mereka dapat, paling tidak mereka dapat mengenali dan memahami sejarah susur galur khususnya bagaimana kesultanan Negeri Selangor ini tumbuh walaupun ada aspek-aspek tertentu yang mungkin boleh diperdebatkan di masa depan. *Insyaa-Allah* kita sedang membuat kajian, termasuk, membawa kajian-kajian daripada Makasar sendiri, ya, yang turut kita jemput beberapa wakil-wakil mereka, supaya *authenticity* ataupun kejernihan ketulenan fakta-fakta yang kita bawa itu dapat dijelaskan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Timbalan Speaker, nak mencelah EXCO. Boleh tak EXCO mungkin melihatkan satu cara di mana kebudayaan ini atau seni, kesenian dan kebudayaan ini boleh diperkembangkan kepada pelajar-pelajar terutamanya dalam, apa, di kalangan remaja. Dan golongan yang saya sebutkan, disebutkan oleh Seri Setia tadi, yang *galus* tadi. Yang mana mungkin tidak cemerlang dalam akademik tetapi mereka ini ada kreativiti, mereka ini mungkin ada kecenderungan di dalam bidang-bidang kesenian dan kebudayaan. Dan untuk kita menghadapi masalah-masalah mungkin dia stres dan sebagainya itu. Di antara cara mereka melibatkan diri di dalam benda positif seperti kesenian ini, mungkin boleh mengurangkan stres dan menjadikan orang yang berguna, insan yang berguna. Jadi apa kata Kerajaan, bawah EXCO kebudayaan ini bersama-sama turun ke lapangan, terusnyanya kepada golongan yang seperti ini. Yang mungkin ada minat dan mereka ini seperti dikatakan tadi kecil-kecilan, yang tadi kalau teater itu dah besar dah, dia agak-agak profesional. Ini yang muda-muda ini, mereka akan ada idea macam-macam.

**Y.B. TUAN HAJI AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Terima kasih Selat Klang atas saranan yang telah dikemukakan. Sememangnya Kerajaan Negeri mempunyai hasrat tersebut. sebab itu pada tahun ini dana yang kita berikan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan apabila kita laksanakan pada tahun 2015, kita telah memberikan dana-dana kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan

program seni dan kebudayaan. Apa pun programnya. Programnya ialah program persembahan kesenian dan kebudayaan pelbagai kaum. Ada di Subang Jaya sebagai contoh mengangkat kesenian orang asal, di Hulu Selangor sebagai contoh mengangkat beberapa etnik dan ras kaum yang tinggal di sana. Di Sabak Bernam mengangkat antaranya tradisi muzik cina dan juga kebudayaan tarian-tarian padi yang dipanggil orang mereka. Namun itu dalam bentuk persembahan-persembahan dan bagi kami tahun lalu kita telah memberikan ruangan dan buana kita, pentas kita, taman kita untuk kegiatan-2 tersebut sekali gus mungkin sebagai ruangan promosi kepada mereka yang terlibat. Namun tahun ini sebagai mana yang sebutkan dalam beberapa sesi yang lepas dan saya pernah sebutkan dalam ucapan penggulungan sebelum ini kita akan menambah lagi program iaitu programnya untuk persembahan dan kita ada bagikan dana sebahagiannya untuk pembangunan. Dan dalam pembangunan inilah kita percaya kita dapat melatih bakat-bakat baru dan saya percaya kita juga akan dapat mengenal pasti seni-seni kita dan tradisi kita yang tradisi di bawah yang mungkin hampir pupus, yang mungkin hampir pupus termasuk melatih bakat-bakat baru supaya latih dan sebagainya. Daripada segi ini PADAT melaksana program yang sangat baik membuat kajian. Cumanya di pihak Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kebudayaan Negeri, kita ingin mengembangkan yang ada di bawah dan kita memang laksanakan cumanya, kita setakat ini belum lagi mampu untuk masuk ke sekolah dan laksanakan. Kita laksanakan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah dan mungkin aktivis-aktivis dan NGO-NGO yang ada di peringkat tempatan dan daerah. Paling terbaru bila saya melaksanakan program kebudayaan di Klang, di Pusat Sukan Pandamaran ya. Kelab Sukan di kawasan Pandamaran itu dianjurkan dan saya dapat lihat bakat-bakat baru daripada Kelab Kesenian Jawa datang daripada Sijangkang, datang juga Kelab Kesenian Bugis yang berasal di Klang. Yang adanya anak-anak muda yang berumur belasan tahun dan mampu mempamerkan seni persembahan yang sangat menarik yang saya rasa boleh dikembangkan. Terima Kasih. Itu berkenaan program kebudayaan.

Seterusnya saya ingin memberi maklum balas berkenaan dengan program-program yang 4P sebagai mana yang dibangkitkan oleh Batu Tiga. 4P adalah program untuk meningkatkan pengeluaran produk mereka khususnya dalam bungkusan yang telah kita laksanakan semenjak tahun 2013 yang lalu, dan 2014 yang lalu. Program ini adalah kerjasama dengan SIRIM. Yang mana SIRIM akan membantu kita supaya kita dapat mengenal pasti produk-produk tertentu dan kita dapat angkat martabat produk-produk ini. Untuk beberapa tahun lepas sehingga tahun 2015, produk ini kita tumpukan kepada Tahap 1. Apa dia tahap satu, tahap satu ialah untuk memastikan adanya *production* (dengan izin) ataupun adanya keluaran bahan-bahan daripada pengeluar-pengeluar. Kalau sebelum ini ada satu pengusaha laksa ingin dibawa oleh Yang Berhormat Sementa ketika beliau menjadi EXCO, kita tukar *packaging* kepada produk tersebut daripada dari satu plastik biasa dengan *packaging* yang ada label, *packaging* yang cantik dan akhirnya boleh dibawa dan di pasar ke pasaran yang lebih baik, ya. Ini adalah Tahap 1, kita laksanakan sehingga tahun 2015. Dan untuk

tahun 2016, setelah kita meneliti perkembangan mereka-mereka yang telah memperoleh dan mendapat program ini yang mendapat kesan yang baik, kita ingin melanjutkan kepada Tahap 2 dan Tahap 3. Tahap 2 dan Tahap 3 bahagiannya, Tahap 2 adalah bengkel-bengkel dan Tahap 3 ada lagi beberapa perkara yang lain termasuk bengkel dan kursus yang perlu mereka hadiri. Sebaliknya kita juga nilai tambah kepada produk pembungkusan mereka supaya nilai barangan yang ingin dikeluarkan itu, bukan hanya boleh di pasarkan kepada pasaran tempatan di kedai runcit, mini market atau di pasar raya tetapi boleh dibawa eksport dan dibawa ke luar negara pada Tahap 3 ini. Sebab itu, kosnya agak tinggi walaupun pada Tahap 1 pada kadar RM13 568.00 untuk satu-satu pengeluaran ataupun penghasilan pembungkusan yang baik. Untuk Tahap 3 kita terpaksa membelanjakan hampir RM30,000.00 iaitu RM29,733.00 untuk satu produk tersebut. Namun begitu kita ingin menggalakkan kepada usahawan ini mereka bukan harus dapat percuma sepenuhnya. Mereka perlu membayar sebahagian *fee*. Dan, *fee* tidak besar RM13 568.00 kita minta usahawan-usahawan tersebut bagi komitmen RM2000.00 untuk mereka masuk dapat program ini. Dan untuk Tahap 3, kita berikan komitmen RM 3000.00 supaya mereka ada komitmen untuk terlibat bersama-sama untuk menghasilkan program ini. Sepanjang daripada pengamatan kita, kalau kita bagi *free*, kita bagi percuma akhirnya dia akan jadi sia-sia kerana kurangnya penghargaan daripada sebahagian besar mereka-mereka yang telah menerimanya. Untuk jumlahnya, semenjak dari tahun pertama ia dilaksanakan sampai ke tahun lepas, kita berjaya memberi bantuan kepada 30 orang. Satu negeri 30 orang jumlahnya sangat kecil sebab kos dananya sangat kecil. Namun begitu tahun ini kita telah melanjutkan kepada 3 tahap / Tahap 3 menyebabkan jumlahnya kecil sebelum ini cuma dananya RM13 000.00 sekarang kita terpaksa menggunakan hampir keseluruhan dan kita dapat 20 orang untuk Tahap 1 dan 6 orang pada Tahap 2, iaitu jadi 26 orang. Saya setuju untuk dia ditingkatkan tapi pada tahun ini terpaksa menangguhkan sebentar sebab saya hendak lihat keberkesanan pengeluaran produk Tahap 3. Kalau Tahap 3 ini dapat berkesan ada rekod dan pencapaian yang baik termasuk mereka sertai bengkel-bengkel yang diwajibkan kepada mereka Insya-Allah saya yakin tahun depan akan datang, tahun 2018 kita akan dapat tingkatkan setelah kita dapat kesan dan nampak yang baik.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya mohon mencelah sedikit, mungkin saya perlukan sedikit apa pun penjelasan daripada pihak EXCO. Kalau kita lihat di sini 33 orang, 30 orang telah pun melalui Tahap 1 pada masa lepas dan hanya 6 sahaja yang kita lihat akan pergi ke Tahap 3. Apakah sebenarnya berlaku sama ada, 30, apa ni Tahap 1 itu atau Tahap 3 itu diambil dari pada Tahap 1 ataupun kumpulan usahawan-usahawan yang lain. Kalau itu soal, kalau itu berlaku maksudnya apakah berlaku pada mereka yang pada Tahap 1 yang sebenarnya memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan, walaupun kita tahu ia tidak percuma ya, perlu dibayar sedikit yuran tetapi untuk dibantu supaya akhirnya paling kurangnya 30 yang telah bantu Tahap 1 ini kita naikkan, kita lonjakan 50% daripada mereka berjaya ke Tahap 6. Itu soalan, penjelasan yang saya mohon. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Sebahagian besar ataupun saya rasa enam, enam yang saya angkat ke Tahap 3 ini adalah mereka yang telah menyertai sampai ke Tahap 1. Kenapa cuma 6? Sebab kos kita cuma begitu. Saya percaya namun begitu kenapa kita tidak terus mengangkat kos dengan permintaan terhadap pihak Kerajaan Negeri, mengangkat dana yang besar sebab kita hendak melihat keberkesanannya. Adakah Tahap 3 ini betul-betul sukses ataupun tidak, ataupun betul-betul berjaya. Tahap 1 saya rasa telah kita sudah teruji dan terbukti kita berjaya dan jumlahnya saya memang *target* untuk dipertambahkan, namun nasihatnya kita cuba lihat ketiga-tiga fasa ini, termasuk satu fasa lagi iaitu fasa ke-empat namun selepas tahun ini, selepas akhir tahun ini. Selepas peserta-peserta itu matang dan mampu mempamerkan produk mereka dan kita lihat trak rekod jualan mereka, baru tahun depan kita tambah jumlahnya. Supaya kita dapat, saya menganggap 6 orang ini tahap *pilot project* Tahap 3 kitalah ya. Yang *graduate* ataupun yang lahir dari Tahap 1. Memang saya kalau boleh saya nak dana yang lebih ya, namun begitu kita berhati-hati dengan perbelanjaan kita supaya kita tidak hendak bagaimana perbelanjaan-perbelanjaan yang pernah berlaku dalam rekod kita, beri bantuan, beri pinjaman tapi akhirnya tidak dibayar balik termasuk dana usahawan belia sebagainya. Sampai sekarang tidak dipungut. Walaupun lebih 20 tahun ada yang peminjam-peminjam usahawan belia itu meminjam sebahagian telah menjadi usahawan besar tetapi tidak memulangkan balik kepada kita. Ahli-ahli Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya teruskan kepada berkenaan program pembangunan sukan di Negeri Selangor khususnya yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya dalam ahli dewan ini berkenaan dengan kemudahan-kemudahan sukan. Untuk tahun ini, kita telah diperuntukkan RM2.5 juta dan jumlahnya agak kecil berbanding dengan RM6.6Juta tahun lepas. Kenapa jumlahnya kecil, sebabnya RM2.5 juta ini akan menumpukan sepenuhnya untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan masa sukan, baik gelanggang futsal, gelanggang takraw dan sebagainya. Namun begitu selepas dua tahun kita laksanakan program-program ini saya dapati beberapa kelemahan. Dengan penuh bertanggungjawab saya sebutkan antara kelemahan penting kita adalah *on delivery system* bagaimana kita memastikan projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin sampai ke bulan 9, bulan 10 tiap-tiap tahun. Untuk rekod sampai tahun ini, sampai tahun ke bulan Oktober ini rekod yang ditunjukkan kita hanya mencapai kurang daripada 60% daripada pengeluaran projek-projek ini. Disebabkan sebahagiannya oleh faktor-faktor teknikal bagaimana kelulusan *BQ*, bagaimana kelulusan *Bil of Quantity* bagaimana sesuatu projek itu dibuat, pemilihan dan sebagainya. Jadi saya rasa saya perlu berbincang sekali lagi dengan pihak agensi pelaksana sama ada Pejabat Tanah dan Daerah dan Majlis Tempatan dan juga dengan Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat. Kadang-kadang ada *loss of connection* (dengan izin) ataupun kehilangan hubungan. Saya hantar surat ke Majlis, hantar surat ke Pejabat DUN sampai terpaksa kita mengulang-ulang beberapa kali dan perkara yang sama juga berulang-ulang semenjak daripada saya jadi Pembantu EXCO dulu sampai sekarang, kita bincangkan perkara yang sama. Saya rasa kita perlu perbaiki daripada segi ini

walaupun saya faham permintaan yang sangat besar. Tentang permintaan-permintaan spesifik daripada Rawang dan juga bagaimana disebutkan oleh Teratai, insya-Allah kita akan bincangkan cuma saya hendak maklumkan kenapa kita, kita terpaksa mengadakan perbincangan sebab selepas saya melihat kita naikkan daripada 20 000.00 kita tingkatkan kepada RM40, RM 40 000.00 bagi satu-satu DUN untuk memilih projek mana hendak diperbaiki dan menaiktaraf. Saya dapati ada dua perkara yang perlu kita selesaikan dan muktamadkan iaitu kos ya. Sebab untuk kos-kos tertentu kemudahan-kemudahan sukan seperti padang bola, kalau kita belanjakan RM15 000.00 hingga RM20 000.00 hantar RM40,000.00 mungkin hanya separuh sahaja padang itu kita dapat menaik taraf. Kalau dapat kita belanjakan RM100 000.00 saya rasa pun masih lagi tidak mencapai tahap. Jadi kita kena tengok sebahagian kosnya mencecah lebih RM200 000.00 untuk kos-kos tertentu. Namun begitu dengan. .. namun begitu selepas adanya pegawai-pegawai pembangunan sukan saya di peringkat majlis tempatan yang ada di 9 daerah ini mereka akan mengumpulkan data-data yang lebih lengkap. Saya rasa dapat menyediakan kos dam dana bukan bergantung permintaan-permintaan antara paling banyak hantar surat ialah Rawang. Jika disebutkan *list* nya panjang. Sudah dekat 2 tahun.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Bukit Gasing pun ada bekalkan *list* tiap kali e-mel datang meminta senarai tempat untuk *upgrade* tapi apa yang dicadangkan oleh EXCO dari RM20 000.00 kepada RM40 000.00 sepatutnya dijadikan *unlimited* (dengan izin) banyak fasiliti sukan yang besar yang digunakan oleh orang ramai, ia telah uzur, ia memerlukan perbelanjaan dalam ... (dengan izin) seperti Kompleks Astaka di Petaling Jaya, gelanggang *squash*, tidak banyak ada di Negeri Selangor tapi kalau kita tengok keadaan gelanggang dan padang sangat teruk setakat siling RM20 000.00 atau RM40 000.00 tidak mungkin dapat dibaiki dengan sempurna. Jadi saya harap kita fokus kepada bukan sahaja gelanggang futsal, badminton, sepak takraw itu memang dalam padang-padang permainan banyak di pihak PBT pun ada kemampuan, peruntukan ADN pun boleh pakai benda kecil pun, tapi benda-benda besar ini. Benda-benda besar yang ada *tournament international*, *tournament* peringkat kebangsaan harus diberi perhatian dan juga saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO bila pemilihan kontraktor perlu dilihat rekod dia dalam bidang sukan. Sebab mungkin dia ada rekod dalam bidang lain tapi dalam bidang sukan tidak cemerlang. Perlu lah pegawai melawat sekurang-kurangnya 3 atau 5 projek sukan yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor ini sebelum dia dapat, layak untuk dipilih sebagai kontraktor yang buat pembaikan gelanggang biasanya lantai itu tidak sempurna. Macam mana mereka boleh dipilih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, terima kasih Bukit Gasing, sebab itu lah saya sebutkan tadi dalam mukadimah berkenaan dengan kemudahan sukan

ini kita perlu duduk semula untuk melihat *prosedure* nya. Ada beberapa kemudahan ini akhirnya tidak mengikut spesifikasi antarabangsa dan akhirnya gagal untuk digunakan untuk pertandingan-pertandingan. Ada sebahagiannya sebab kalau kita serahkan baik di Pihak Berkuasa Tempatan, baik di Pejabat Tanah dan Daerah kita dapat lihat akhirnya kelayakan pegawai-pegawai yang ada di situ tidak pada syarat-syarat kemudahan-kemudahan sukan dan kemudahan sukan ini kadangkala dia berubah ya daripada segi *brand* yang digunakan sebagai contoh kolam renang ya, tiap-tiap tahun hampir tiap-tiap tahun mereka akan merubah daripada jam *Omega* kepada *Seiko* untuk masanya. Ini contohnya bagaimana perkara-perkara spesifik ini harus dipantau secara keseluruhannya. Di pihak Majlis Sukan Negeri memang kita telah buat satu Jawatankuasa Kecil untuk melihat perkara ini sebab bergantung ada beberapa kes-kes yang terdahulu menyebabkan terlambat dan sebagainya. Bagi saya sebahagiannya pihak Kerajaan Negeri saya rasa dana tidak lah begitu besar untuk kita tanggung. *Insyallah* boleh kita laksanakan. Sebahagian besarnya adalah *implementation* ataupun pelaksanaan dan kita sedang mengenal pasti cara terbaik dan mungkin kaedah seperti konsultan mungkin ataupun terpaksa kita membina Jurutera *in-house* sendiri pihak Majlis Sukan Negeri untuk memastikan *Bil of Quantity* itu sesuai dengan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan digunakan. Dan seterusnya saya nak sebutkan...

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Sebentar satu lagi. Saya rasa saya nak mencubit sedikit apa yang dibangkitkan dengan lebih-lebihan yang diperolehi ataupun *report* yang kita perolehi dan ada lebihan dana di Pihak-pihak Berkuasa Tempatan khususnya rizab-rizab yang telah digunakan. Untuk melonggokkan dan membebaskan seterusnya kepada Kerajaan Negeri saya rasa ini pun tidak begitu adil sebab Kerajaan Negeri ada beberapa aset-aset kita yang terpaksa kita tanggung ya seperti Stadium Shah Alam dan sebagainya dan juga memerlukan perhatian yang jauh lebih diperlukan baik untuk negeri dan juga negara sebab pada waktu ni semua kejohanan-kejohanan besar bola sepak akan berlangsung di Stadium Shah Alam. Jadi itu yang saya nak sebutkan di mana saya memerlukan juga komitmen Kerajaan Tempatan untuk membantu supaya naik taraf kemudahan sukan terutamanya macam Kompleks Astaka itu, saya sendiri dapat datang di Petaling Jaya, kalau digunakan dengan baik dinaiktaraf, ia bukan boleh digunakan oleh masyarakat malah boleh digunakan untuk kejohanan di peringkat dunia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Timbalan Speaker, saya bukan minta kemudahan sukan yang bertaraf antarabangsa hanya menaik taraf atau pun memperbaiki padang-padang bola yang sebenarnya sangat terhad di dalam kawasan Petaling Jaya tetapi tidak diberi perhatian dari segi selenggara memastikan padang tu sesuai untuk diadakan perlawanan kalau sekiranya perlulah di peringkat



*local* la, tapi nampaknya satu padang yang dinaiktaraf tu pun yang di Seksyen 51A tu juga walaupun telah dibelanjakan sejumlah peruntukan oleh Majlis, tapi tidak boleh nampaknya masih ada kekurangan. Jadi ada dua lagi padang yang saya kenal pasti yang boleh dinaiktaraf sebabnya dia memang sentiasa digunakan. Jadi tidak rugi sebenarnya kalau dinaiktarafkan kerana dia memberi servis atau khidmat kepada ramai orang.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : *Insya-Allah* saya kalau ikutkan saya semua saya nak naik taraf kalau boleh sebab saya boleh melaksanakan program pembangunan-pembangunan sukan ya. Sebab tu saya rasa saya perlu duduk semua dengan pihak yang terbabit dengan *our Stateholders* dengan Pihak Berkuasa Tempatan dengan pihak Pejabat Tanah dan pihak-pihak pusat khidmat untuk kita kenal pasti dalam tempoh dua tahun kebelakangan ni saya cuma kenal pasti *the mass facilities*, kemudahan-kemudahan awam yang kecil-kecil itu sebab saya nampak ada keperluan yang sangat besar. Alhamdulillah saya rasa dalam tempoh dua tahun lebih ke tiga tahun ni kita baru melengkapkan sekitar tiga puluh ke empat puluh peratus daripada semua kemudahan tersebut dan ia adalah satu kos dan satu perkara yang sangat besar sebab itu saya meminta supaya kerjasama daripada semua pihak untuk kita menyelesaikan hal ini termasuk memelihara kemudahan-kemudahan yang ada pada hari ini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih. Saya nak minta kepada EXCO memang ini satu keperluan yang sangat-sangat penting untuk kawasan-kawasan dalaman di taman dan sebagainya. Apa yang saya nampak ialah bila diserahkan taman dan padang kepada waktu pemaju diserahkan kepada PBT dan sebagainya, dia punya *standard* yang dia serahkan ini ada masalah sikit, serahkan macam itu sahaja dan diterima oleh PBT tetapi lepas itu penyelenggaraan kawasan itu kita tak nampak ya, dia teruskan macam itu, dia memang bukan standard yang kita perlu la. Yang ini pun saya ingat Kerajaan kena ambil perhatian atas isu-isu ini dan lepas itu juga ada masalah di bawah di Majlis Tempatan di mana tempat-tempat awam ini tidak dijaga dengan baik, dibiarkan macam itu sahaja sampai bila-bila masa kita bila kita minta untuk satu peruntukan untuk baiki kawasan itu jadi besar. *So, there should be a systematic manner* di mana kawasan ini dijaga adakah oleh EXCO berkenaan yang ada peruntukan ataupun oleh Majlis Tempatan yang perlu jaga kawasan-kawasan ini untuk *maintenance* untuk di kawasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Dua perkara. Terima kasih, terima kasih Sri Andalas. Dua perkara yang dibangkitkan, pertama saya ingin kembali, akhirnya kita kembali kepada persoalannya iaitu adakah kita mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk mengenal pasti kemudahan sukan? Adakah barang keperluan yang

telah dibekalkan kepada kita, kemudahan padang yang telah disumbangkan oleh atau kewajipan yang telah diberikan oleh pihak pemaju itu, *up to the standard*? Saya tak boleh menyalahkan di Pihak Berkuasa Tempatan sebab pada mereka itu adalah kemahiran dan juga iktisas yang ada pada mereka berkenaan dengan *civil engineering* dan juga berkenaan dengan *landscaping* dan sebagainya dan mereka mungkin lengkap tetapi untuk suatu kemudahan sukan yang *up to the standard* dengan izin, kita memerlukan kepakaran ini dan saya boleh sebutkan di seluruh negara sebenarnya kepakaran ini agak kurang. Jadi di pihak Majlis Sukan Negeri saya dah meminta kebenaran kita telah luluskan untuk buat satu paling kurang untuk kemudahan-kemudahan asas yang besar dan *Insyah-Allah* saya rasa perkara ini harus dititik beratkan di masa hadapan bagaimana prosedur yang patut kita tangani.

Perkara kedua yang disebutkan ialah siapa nak perlu menjaga dan *maintain*? Dengan izin. Sebab itu bila tugas pertama yang telah saya sebutkan dalam Dewan ialah kita kenal pasti *data base*, kita dah hampir lengkap *data base* dan sekarang tak cukup dengan itu kita ada pegawai-pegawai di Majlis Sukan Negeri yang kita *deploy* di setiap daerah mereka bukan hanya perlu untuk mengikuti program-program latihan pusat daerah atau pusat latihan daerah, program-program pembangunan daerah tetapi salah satu tanggungjawab mereka ialah kenal pasti kedudukan dan juga situasi kemudahan-kemudahan sukan di peringkat daerah. Jadi *data base* itu akan diperhatikan dengan lebih *detail* dan boleh membuat *synergy* kerja dengan lebih baik dengan pihak Pihak Berkuasa Tempatan. Saya percaya untuk mereka menggunakan kemudahan itu dan juga menaik taraf dan menjaganya sebagaimana saya sebut budaya *maintenance* ini ataupun memerlihara kepada ini memang agak lemah termasuk dalam konteks kemudahan sukan di Negeri Selangor. Jadi saya kira kita dah jawab beberapa persoalan cuma perkara-perkara spesifik.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : So, EXCO kata dah jawab mungkin saya *respond* sedikit dan memberi cadangan memandangkan peruntukan terhad memandangkan kepakaran dalam pihak Kerajaan pun terhad, mungkin sebahagian daripada kompleks sukan ini boleh diswastakan satu *partnership* di mana pihak swasta boleh membuat *branding* dia, *in exchange* dia kena buat *maintenance* terhadap kompleks sukan tersebut. So yang besar-besar yang ada kemungkinan untuk *branding* ini pihak Kerajaan patut meneliti dan ini boleh membuat *win-win situation* dengan izin. Tapi aset kita tu kita pegang ya, jangan jual aset, cuma satu MOU, satu *co-orporation on maintenance and branding*.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Saya setuju dengan pendekatan tersebut malahan kita mula *explore* pendekatan tersebut, kita tak serahkan kepada syarikat luar, kita serahkan kepada anak syarikat Kerajaan Negeri ada permohonan yang telah diluluskan untuk menjaga kompleks kita, *Insyah-Allah* kita akan umumkan nanti supaya bebanan memelihara dan menjaga kompleks-kompleks sukan yang merupakan aset kepada kita ini tidak terbeban sepenuhnya sahaja kepada Kerajaan Negeri.

Itu perkara pertama, perkara kedua ialah bagaimana menjadikan kompleks-kompleks sukan ini sebagai sumber ekonomi yang sebenarnya berdaya saing. Di negeri-negeri luar ia boleh dilaksanakan kenapa tidak di negara kita negara Malaysia. Walaupun saya percaya di semua negara dunia ketiga memang ia adalah bebanan kerajaan, di negara-negara maju dia menjadi sumber *income*, kepada satu aset itu. Saya sempat melawat ke stadium Korea, saya diberi kesempatan untuk melawat stadium di Amsterdam. Sebahagiannya masih dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan tapi mempunyai perjanjian yang jelas dengan satu syarikat luar dan syarikat itu menguruskannya dan mendapat perolehan dan *income* yang sangat besar hampir RM600 ribu satu tahun yang bukan menonton bola, maknanya *just* melawat sahaja. Saya dapat *report* daripada pihak MBSA memang ada permohonan pun, sekolah-sekolah pada cuti sekolah, belia-belia remaja daripada banyak tempat ingin melawat Stadium Shah Alam tetapi malangnya di Stadium Shah Alam tak ada lagi yang boleh dipamerkan. Sekarang ni ada dinaiktaraf sedikit, MBSA ada galeri dan sebagainya tapi untuk jadi daya tarikan sebagaimana Stadium Amsterdam yang saya lawati ataupun Stadium Olimpik Korea ataupun Stadium World Cup Korea yang sempat saya lawati tu kita belum sampai tahap tersebut kerana tak ada watak dan juga tak ada kumpulan yang betul-betul spesifik untuk memulihara dan menjadikan aset tersebut sebagai nilai yang memberi pulangan ekonomi dan akhirnya boleh *self-maintain* ataupun menggunakan *fund* itu untuk menguruskan pembangunan dan juga *maintenance* terhadap bangunan tersebut.

Jadi saya ucap terima kasih semua soalan-soalan yang dibangkitkan, *Insyallah* ada beberapa permintaan tadi yang saya tak boleh jawab secara spesifik terutamanya daripada Rawang dan juga berkenaan dengan kemudahan secara asas saya dah berikan secara dasarnya cuma *Insyallah* di pihak Kerajaan Negeri kita memang sentiasa berharap agar kemudahan-kemudahan ini dapat kita pelihara dan kita jaga tapi dalam masa yang sama kita juga memerlukan komitmen semua pihak untuk sama-sama melihat perkara ini dan amat malang kalau cuma diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri, dahlah Kerajaan Negeri UPEN, lepas UPEN, MSN. Kita tak akan mampu untuk menanggung kesemua kerja ini. Dengan izin terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Batu Caves. Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah membahaskan dalam Perbelanjaan Pembangunan Bajet bagi Pecahan Kepala berkaitan dengan Luar Bandar, Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Melayu dan Warisan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mencadangkan perbelanjaan dengan peruntukan kepada pecahan Luar Bandar dan juga Hal Ehwal Agama Islam yang saya kira walaupun tidaklah begitu besar tetapi dengan cadangan

perbelanjaan RM10 juta bagi kemudahan awam dan asas desa dan RM15 juta bagi jalan-jalan kampung dan jalan luar bandar, saya kira ini antara perkara-perkara yang perlu kita lihat bagaimana strategi untuk kita laksanakan pada tahun hadapan. Saya melihat yang penting adalah *implementation* yang akan kita lakukan pada tahun hadapan melalui peruntukan-peruntukan yang telah disediakan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada agensi yang terlibat termasuk lah Bahagian Agihan Ahli kepada Pembantu Pegawai Daerah, Bahagian Pembangunan termasuklah Ketua Kampung, Penghulu-penghulu yang saya kira memberikan kerjasama yang baik sehingga setakat ini untuk memberikan *wishlist* ataupun senarai-senarai keutamaan tentang pembangunan luar bandar sama ada kemudahan awam ataupun kemudahan desa dan juga jalan-jalan yang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Seperti mana yang saya katakan tadi yang penting adalah bagaimana cara strategi dengan peruntukan yang kita ada untuk kita merancang pada tahun hadapan. Saya boleh katakan bahawa sebahagian besar daripada pembahas-pembahas membahaskan isu-isu berkaitan dengan keperluan-keperluan di kawasan-kawasan luar bandar pada untuk pelaksanaannya pada tahun hadapan dan saya mengharapkan daripada Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga Ketua-ketua Kampung dan Penghulu, Pembantu-pembantu Pegawai Daerah untuk melihat semula dan menghantar *wishlist* ataupun mengikut keutamaan jalan-jalan yang akan kita baik pulih ataupun kita naik taraf dan juga kemudahan-kemudahan awam yang akan kita rencanakan ataupun kita laksanakan pada tahun hadapan. Dan walaupun setakat ini banyak juga senarai-senarai yang telah dihantar ke bahagian agihan untuk melihat keperluan-keperluan yang akan kita utuskan dalam cadangan anggaran perbelanjaan 2017 tetapi saya kira masih lagi senarai-senarai mengikut *wishlist* yang akan disampaikan ke bahagian agihan supaya kita dapat laksanakan dengan tersusun. Pertama saya nak menyentuh berkaitan dengan cadangan ataupun daripada Selat Klang berkaitan dengan kedai-kedai lama yang dibina terutamanya di kawasan Kampung Delek dan juga Kampung Sungai Pinang yang dibangunkan... eh..... Sungai Udang dan Sungai Sireh. Kampung Delek dan Sungai Sireh. Sebenarnya kedai-kedai PLB yang diwujudkan melalui program premis gerai perniagaan bengkel kilang industri luar bandar oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi menyediakan premis di luar bandar untuk disewakan kepada pengusaha bumiputera luar bandar. Program ini telah dimulakan sejak awal tahun 80an di Negeri Selangor menggunakan peruntukan KKLW yang disalurkan kepada pejabat Pembangunan Negeri. Pada asalnya pentadbiran kedai PLB ini diletakkan di bawah penyeliaan Pejabat Daerah dan Tanah. Walau bagaimanapun cadangan untuk menyerahkan pengurusan kedai PLB kepada pihak Berkuasa Tempatan telah diputuskan melalui Mesyuarat Koordinasi Kedai Luar Bandar Bilangan 2/2005 yang diadakan pada 28 Mac 2005 disebabkan terdapat pelbagai isu berbangkit antaranya isu kutipan sewa, penyelenggaraan dan status tanah. Pada tahun 2008 kesemua kedai-kedai PLB tersebut telah diserahkan pada PBT namun demikian kedai yang telah usang dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi dan ada juga lokasi kedai yang sudah tidak sesuai disebabkan pembangunan pesat yang dilaksanakan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri akan mengenal pasti mana

kedai yang sesuai dibangunkan dan yang perlu dilupuskan. Cadangan untuk menyerahkan kedai PLB kepada JKPP merupakan cadangan yang boleh juga diberi perhatian namun demikian keupayaan JKPP untuk menyelenggarakan kedai tersebut perlu diberikan perhatian yang serius. Kita tak mahu kita serahkan tapi penyelenggaraan masih juga menjadi masalah kepada kita. kemudian perkara yang berkaitan yang dibahaskan oleh Seri Andalas berkaitan dengan jalan kampung yang walaupun jumlahnya agak besar RM45 juta yang mana RM30 juta dari peruntukan MARRIS dan RM15 juta seperti yang saya sebutkan tadi jalan desa saya kira seperti mana yang saya sebutkan tadi sama ada melalui Ahli-ahli Dewan Negeri atau ketua Kampung boleh menghantar *wishlist* atau senarai mengikut keutamaan kepada peringkat agihan untuk kita laksanakan pada tahun 2017 nanti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Seri Andalas minta.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Saya nak beritahu dengan EXCO tak berapa lama dulu yang saya ingat satu bulan kita sudah hantar senarai-senarai jalan-jalan yang perlu diselenggarakan di kampung dan di lot. Ini saya ingat ada dengan UPEN dah. Kita telah hantar. Negeri minta kita Ketua Kampung semua hantar jalan-jalan ini semua. Adakah kita nak hantar sekali lagi ataupun boleh gunakan yang kita pun telah hantar kepada UPEN ini?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Andalas. Saya mendapat maklumat bahawa senarai-senarai yang dihantar ini sebahagian besar tidak mengikut keutamaan. Sebab tu saya merasakan sebelum kita laksanakan pada tahun hadapan kita masih boleh menerima senarai-senarai ini kerana seperti mana yang kita sedia maklum dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri juga memutuskan kalau dahulunya jalan-jalan yang di atas tanah persendirian kita tidak memperuntukkan peruntukan untuk baik pulih ataupun menyelenggarakan tetapi Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya jalan-jalan di atas tanah persendirian dan bersifat 24 jam boleh digunakan dan menghubungkan dua jalan besar dan itu mungkin jalan pintas yang ada untuk keperluan awam maka ini juga boleh disenaraikan untuk pembangunan bagi tahun 2017 nanti.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Ingin mencelah Tuan Speaker. Tentang jalan-jalan desa tadi memang kita diminta untuk memberikan senarai. Saya dah ada senarainya. Mungkin sekarang saya nak kena *pick up* pula yang mana paling utama. Sebab itu katakan RM15 juta itu untuk seluruh Negeri Selangor bahagi dengan 9 daerah memang tak cukup. Mintalah Dato' Menteri Besar. Memang tak cukup sebab ini kena kado dan jamak. Untuk makluman Menteri Besar sejak 2008 dua je jalan kampung yang baru diturap oleh Kerajaan Negeri yang lain dikatakan tak boleh sebab dia punya polisinya baru-baru ini kata boleh buat lot persendirian. Sebelum ini tak boleh langsung. Tak ada *touch* langsung. Saya mintalah kado dan jamak daripada Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Selat Klang. Saya kira Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita berhati mulia. Setakat ini pun pada tahun ini seperti mana yang kita sedia maklum peruntukan yang kita utuhkan untuk tahun ini adalah RM10 juta tapi untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Negeri bahawa kita telah membelanjakan lebih daripada RM14 juta atas tujuan-tujuan keperluan yang mana dengan kebijaksanaan Dato' Menteri Besar sendiri kita dapat menggunakan peruntukan ini semata-mata untuk kemudahan rakyat.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Minta pencerahan sedikit. Itu di jalan. Tapi di tepi jalan tu sepatutnya ada longkang. Adakah itu juga termasuk juga dalam *spec* yang akan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Kami juga akan melihat selain dari jalan ini kalau ada keperluan yang ada keutamaan untuk kita lihat sebab peruntukan yang kita utuhkan untuk jalan desa bukan sekadar kita selenggarakan tetapi juga untuk kita naik taraf bermakna kalau jalan ini setakat ini tidak mempunyai kriteria untuk disenaraikan sebagai jalan MARRIS kita boleh naik taraf sehingga dia boleh disenaraikan sebagai jalan yang boleh didaftarkan di bawah MARRIS. Dan saya kira inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan memperuntukkan peruntukan untuk mencerap jalan-jalan kampung ini yang saya sebutkan sebelum ini kita sudah mencerap lebih daripada 1400 kilometer jalan daripada 1500 yang telah dicerap daripada 4 daerah dan sekarang kita dalam usaha untuk mencerap di 5 daerah lagi yang mana selepas kita mencerap ini maka kita akan dapat peruntukan dari MARRIS. Saya kira apabila kita dapat peruntukan dari MARRIS sebab tu RM30 juta diperuntukkan untuk jalan luar bandar pada tahun hadapan. Dia telah menyelesaikan sebahagian besar daripada jalan-jalan desa yang sebelum ini tidak ada peruntukan tapi akan ada peruntukan pada tahun hadapan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih. Saya nak tengok nak rujuk balik kepada yang saya sebut tentang kedai lama. Saya tak ingat tarikh berapa yang disebutkan itu polisi di bawah kerajaan pusat. Jadi saya nak mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri dengan selari dan sederap dengan Smart Selangor dan pembangunan desa yang sepatutnya memang merekodkan pembangunan yang terbaik Selangor is Selangor. Selangor is unik. Jadi saya mengharapkan dibuat semula. Kalau nak *repair* tu benda tu dah berpuluh-puluh tahun. Memang tak berbaloi. Kenapa tidak kita wujudkan satu reka bentuk yang lain dari yang lain. Smart Selangor punya stail.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Selat Klang, perkara ini memang sudah dimaklumkan pada Kerajaan Negeri dan kita lihat sebahagian besar dari kedai-kedai PLB atau gerai, bengkel yang sedia ada ini memang dalam keadaan yang terlalu uzur tidak boleh di baik pulih dan kita juga merancang sebab tu kita minta *list* daripada setiap daerah yang telah sampai pun di peringkat bahagian agihan untuk melihat. Mungkin kita tidak mampu untuk buat menyeluruh di semua

daerah tapi kita boleh bermula dengan beberapa kedai-kedai yang ada *design* Selangor yang boleh kita bangunkan untuk masa akan datang ataupun pada tahun hadapan.

Seterusnya, saya ingin nak menyentuh berkaitan dengan perkara yang dibawa oleh Rawang berkaitan dengan Kampung Sungai Bakau bagi permohonan 2017 Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Gombak telah menerima permohonan dan telah memohon peruntukan bagi Kampung Sungai Bakau permohonan untuk perkara seperti berikut. Kerja-kerja menurap jalan atau laluan masuk ke Lot 544 Kampung Sungai Bakau Mukim Rawang 1 dan kerja-kerja menurap semua jalan sedia ada Tambahan di kampung Sungai Bakau Mukim Rawang 1. Dan *Insyah-Allah* ini akan dilaksanakan pada tahun 2017. Kemudian berkaitan dengan di Kampung Tanjung, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak mengambil maklum permasalahan balai JKKK Kampung Tanjung Rawang untuk makluman permohonan untukewartakan balai tersebut telah ditolak kerana terlibat dengan rizab jalan dan terlibat dengan tanah hak milik GM 4551. Perkara ini telah dibentang dalam mesyuarat peringkat daerah dan dalam perhatian Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dalam proses menyediakan cadangan pengambilan tanah berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 dan akan mendapatkan ulasan teknikal daripada JKR Daerah untuk mengeluarkan rizab jalan tersebut. Proses naik taraf balai akan dilaksanakan setelah selesai proses pemertakan. Kemudian berkaitan dengan Kampung Melayu, Kampung Kenanga Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah ambil maklum berhubung permohonan baik pulih struktur bumbung dan siling dewan JKKK tersebut perkara ini telah disenaraikan bagi permohonan peruntukan tahun 2017 dan akan di baik pulih pada tahun 2017. Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Seri Serdang berkaitan dengan pembinaan SRA Puchong Perdana dan Sekolah Agama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Rawang nak minta penjelasan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Ada satu lagi kampung yang saya bangkitkan iaitu Kampung Sungai Dua tambahan juga minta untuk mohon jalan. Longkang. Dan tentang jawapan untuk Kampung Sungai Bakau itu saya mohon kalau boleh dipertimbangkan untuk bincang selanjutnya sebab keperluannya lebih kepada untuk pembinaan jalan baru sebenarnya. Saya dapati jalan yang sedia ada sebenarnya masih elok kalau katakan jalan utama masih elok mungkin saya harap boleh dipertimbangkan boleh bina jalan baru bukan turap semula.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Rawang. Kita akan lihat tentang perkara tersebut. Untuk baik pulih jalan kampung Sungai Dua Tambahan bagi tahun Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah telah menyempurnakan kerja-kerja baik pulih jalan kampung Sungai Dua Tambahan bagi tahun 2016 Pejabat Tanah dan Daerah Gombak juga telah mengambil maklum akan jalan alternatif ke Kampung Sungai Dua Tambahan dan projek ini akan cuba dilaksanakan pada tahun

2017. Berkaitan dengan perkara yang dibahaskan oleh Seri Serdang, Sekolah Rendah Agama Puchong Perdana dan Sekolah Agama Menengah buat masa ini memang belum diperuntukkan walaupun memang ada keperluannya untuk sekolah rendah agama Puchong Perdana jumlah anggaran kos adalah RM8 juta dan *Insyallah* kita akan lihat dalam masa tahun-tahun yang akan datang kita akan cuba laksanakan. Berkaitan dengan Masjid Kampung Seri Aman Puchong, untuk makluman pembinaan masjid ni telah dilaksanakan sendiri oleh pihak kariah, peruntukan pembangunan P14 tidak dapat disalurkan secara tunai memandangkan ia tidak menepati tatacara kewangan semasa. Berkaitan dengan surau At-Taqwa pihak Majlis Agama Islam mengambil serius teguran daripada Yang Berhormat Seri Serdang untuk mengambil tindakan penggantian guru dan kita akan lihat perkara yang telah dibangkitkan tersebut dan kita akan melihat jalan penyelesaian yang terbaik. Kemudian taman Medan ada membangkitkan berkaitan dengan Kompleks Masjid Tun Abdul Aziz. Pembinaan masjid ini ialah atas usaha ahli kariah dan tidak termasuk di dalam perancangan pihak Kerajaan Negeri. Pihak kariah boleh memohon kebenaran daripada pihak MAIS untuk melaksanakan kutipan dana kerana biasanya masjid-masjid yang dibina oleh ahli kariah dia tidak menjadi prioriti pembangunan seterusnya. Pun begitu kita cuba melihat bagaimana usaha-usaha melalui Majlis Agama Islam, peruntukan zakat dan sebagainya sekiranya kita mempunyai lebih kita boleh bantu dari sudut itu. Kemudian Sabak Bernam ada membangkitkan berkaitan dengan pembinaan nilai-nilai murni selain daripada pembinaan infrastruktur termasuklah kompleks Islam, masjid, sekolah dan sebagainya. Kerajaan membina pelbagai kemudahan institusi penting umat Islam seperti di pejabat agama, sekolah, masjid dan surau menjalankan peranan sebagai pusat pentadbiran dan kemajuan umat Islam. Melalui perancangan dan pelantikan pegawai kakitangan serta keperluan masyarakat kepada pelbagai perkhidmatan menjadikan jabatan agama memerlukan pembinaan kompleks yang lengkap. Dan dalam hal ini, keperluan kompleks Islam dan sekolah, institusi dan surau dibina atas beberapa asas seperti sebagai pusat pentadbiran kemajuan umat Islam. Sekolah agama sebagai institusi pendidikan dan pembinaan sahsiah dan masjid dan surau sebagai agen pembangunan ummah.

Berkaitan dengan khutbah Jumaat yang mana Sabak membangkitkan khutbah yang juga perlu melihat kepada keadaan senario masyarakat di satu kawasan. Ketetapan setiap tajuk khutbah yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor adalah berpandukan bengkel tahunan bengkel khutbah yang dibuat setiap tahun oleh Jawatankuasa Khutbah Negeri Selangor. Peserta bengkel dianggotai oleh Ahli Jawatankuasa Khutbah, wakil-wakil agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan serta penulis-penulis khutbah terpilih bagi melepasi tajuk-tajuk khutbah yang relevan dengan konteks isu semasa di dalam negeri dan juga pendekatan negeri dalam melaksanakan agenda-agenda dan negeri berkebijakan Smart Selangor perpaduan *muakhissahsiah* dan pembangunan sosial, pembangunan ummah. Pun begitu sekiranya ada penulis-penulis tempatan boleh juga mengajukan ke Jabatan Agama Islam terutamanya khususnya kepada Jawatankuasa Khutbah untuk dinilai dan



mungkin akan mendapat kelulusan untuk dibacakan di kawasan-kawasan yang tertentu.

Dengkil ada membangkitkan isu berkaitan dengan pembinaan masjid Dengkil yang perlu diambil perhatian. Saya kira masjid Pekan Dengkil, untuk makluman pembinaan masjid ini ditangguhkan walaupun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah siling untuk dijadikan sebagai sugu hati atau pun pampasan kepada masyarakat orang asli kerana ianya adalah melibatkan juga kawasan-kawasan orang asli. Walaupun 9 ekar lebih atau hampir 10 ekar itu sudah diwartakan sebagai tapak masjid bagi Pekan Dengkil. Balakong membangkitkan berkaitan dengan ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Dengkil minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tadi Yang Berhormat EXCO ditangguhkan lagi projek ini dah banyak kali tangguh. Jadi apakah *the final solution*, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mencari tapak lain yang mungkin lebih sesuai di Dengkil itu saya rasa banyak lagi tanah-tanah Kerajaan Negeri yang *prime area* yang boleh kita letakkan masjid Dengkil ini seperti di tepi-tepi jalan. Kalau di situ, mungkin agak terkebelakang sikit tetapi kalau boleh dicarikan tanah gantian 10 ekar untuk masjid Dengkil yang baru, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Dengkil, saya kira tapak yang dicadangkan ini adalah juga sudah diwartakan sebagai tapak masjid. Cuma sedikit isu yang harus diselesaikan kerana pada peringkat awalnya yang dibawa kepada Kerajaan Negeri 3 orang penama kawasan raya orang asli dan sekarang menjadi 4 penama. Dan saya kira kita perlu jugalah ada *win-win situation* dalam kita menangani isu seperti ini. Saya kira tidak akan mengambil masa yang begitu panjang dan kita boleh laksanakan, *Insyah-Allah*. Kemudian peruntukan surau yang dibangkitkan oleh Balakong yang saya kira memang keperluannya cukup besar dan saya ingin maklumkan dalam Dewan ini bahawa kita hanya Kerajaan Negeri hanya memulakan memberikan peruntukan untuk baik pulih surau ini pada tahun lepas sejumlah RM500,000.00. Pun begitu pada tahun ini kita naikkan sehingga RM900,000.00 dan *Insyah-Allah* ia akan memberikan penambahbaikan baik pulih ke atas surau-surau ini selain daripada peruntukan-peruntukan yang menjadi kebiasaannya peruntukan dari Lembaga Zakat Selangor.

Kemudian berkaitan dengan status naik taraf masjid Bukit Belimbing. Untuk makluman reka bentuk bagi pembinaan masjid Bukit Belimbing yang dibangkitkan oleh Balakong telah dilaksanakan. Namun reka bentuk tersebut tidak sesuai disebabkan keluasan tanahnya yang terhad. Jabatan Agama Islam telah meneliti langkah alternatif bagi pembinaan masjid tersebut. Untuk makluman bahawa yang ideal pada hari ini apabila kita mahu membangunkan sebuah masjid keluasan 3 ekar

minimum adalah diperlukan untuk pembangunan tersebut. Kalau tidak kita akan menghadapi masalah bukan saja daripada pembinaan masjid tetapi dari sudut *parking* kenderaan dan sebagainya. Dan apatah lagi kalau kawasan yang kita hendak bangunkan ini adalah kawasan-kawasan taman yang kita khuatir apabila kita bangunkan masalah *parking* di kawasan taman itu akan menjadi masalah kepada masyarakat tempatan. Kota Anggerik membangkitkan dengan Sekolah Rendah Agama yang saya kira ini dibangkitkan setiap kali sidang Dewan ....

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Masjid tadi, dia sama juga masjid juga. Saya dapati masjid-masjid di bandar melimpah jadi boleh dicadangkan pada syarikat-syarikat besar seperti Toyota ke, agar membina masjid atau surau pada Jumaat dalam kompleks mereka supaya tidak melimpah ke kawasan-kawasan penduduk. Dia ramai pekerja Bangla itu.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Kota Anggerik memang pun kita Jabatan Agama Islam kita memberikan kelulusan naik taraf surau untuk surau solat Jumaat yang mana saya kira keperluannya adalah sekadar dari masjid itu, bukan waktu solat fardu yang lain. Setakat ini kawasan-kawasan bandar saya katakan tadi memang ada kelulusan untuk naik taraf surau kepada surau selain Jumaat. Dan saya kira ini juga berlaku di kawasan Shah Alam atau pun bandar-bandar yang lain. Isu Sekolah Rendah Agama di Kota Anggerik, kita sedia maklum keperluannya. Pun begitu di kawasan Shah Alam ini juga banyak sekolah-sekolah Kafa atau pun sekolah-sekolah agama yang didirikan oleh pihak-pihak swasta atau pun persendirian tapi Kerajaan Negeri atau pun Jabatan Agama Islam akan sentiasa meneliti berkaitan dengan keperluan dan mengikut kategori *priority* yang ada di Negeri Selangor.

Kemudian Kota Anggerik membangkitkan perkara naik taraf masjid TTDI. Masjid TTDI dibina atas inisiatif kariah sendiri dan menghadapi masalah kekurangan dana. Adalah menjadi dasar Jabatan Agama Islam bahawa masjid yang dibina seperti mana saya sebutkan awal tadi seperti juga masjid yang dibangkitkan oleh Taman Medan, kita mengharapkan ahli kariah bolehlah membuat permohonan untuk tambahan dana kelulusan daripada Majlis Agama Islam buat kutipan kepada masyarakat. Kemudian, perkara yang dibangkitkan oleh Tanjung Sepat berkaitan dengan surau An-Nur Kampung Ladang Batu pihak JAIS akan menyemak keperluan surat tersebut dan akan bantu tertakluk kepada peruntukan semasa. Yang kita dimaklumkan masjid yang uzur dan terlalu usang *Insyaa-Allah* akan kita cuba lihat secara lebih terperinci. Berkaitan dengan dewan orang ramai Kampung Sungai Lang Tengah, UPEN hanya setakat ini peruntukan yang kita ada hanya untuk memperuntukkan baik pulih saja. Pun begitu saya dimaklumkan Pejabat Daerah dan Tanah sedang menyediakan skop kerja baik pulih dan bina baru dewan kampung Sungai Lang dan akan dihantar kepada Unit Perancang Ekonomi atau pun Bahagian Agihan.

Saya kira itu beberapa perkara-perkara yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri dan mungkin perkara-perkara yang lain yang saya tidak sempat untuk sentuh akan kita beri jawapan secara bertulis.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Sungai Pelek minta penjelasan. Ya, Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Soalan Sungai Pelek belum ada jawapan. Sebab yang untuk peruntukan tambahan untuk melebarkan jalan di Kampung Tradisional terutama jalan Kampung Salak Tinggi sehingga kampung Baru Labuh Lanjut, sebab 2 minggu sudah ada dua kali kemalangan maut, harap pihak EXCO ambil tindakan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Sungai Pelek. Seperti mana yang saya katakan tadi kita masih lagi membuka untuk dihantar *wish list* kepada Kerajaan Negeri untuk kita masukkan ke dalam perancangan atau pun pelaksanaan tahun 2017, terima kasih.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Ya, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Sijangkang, Sungai Pelek. Silakan Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan tentang *STANDCO* yang di bawah seliaan saya. Yang Berhormat Sekinchan telah mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri meluluskan pembinaan Rumah Kerajaan Prihatin melebihi 3 unit 1 DUN. Selain itu GLC dipohon untuk membantu daripada aspek peruntukan untuk membina lebih banyak Rumah Kerajaan Prihatin. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, pembinaan Rumah Kerajaan Prihatin tidak dihadkan kepada 3 unit setiap DUN. Namun begitu, pembinaan Rumah Kerajaan Prihatin tidak dipecahkan mengikut DUN dan ianya adalah berdasarkan kepada permohonan tanpa had yang diterima daripada Daerah berkenaan. Program Kerajaan Prihatin juga mengambil sokongan dan cadangan yang dikemukakan oleh ADN bagi setiap permohonan di bawah Program Kerajaan Prihatin. Namun permohonan tersebut perlulah melalui prosedur dan syarat yang telah ditetapkan. Ulasan daripada Penghulu Mukim dan Pegawai Teknikal dari Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin untuk kelulusan selanjutnya. Untuk makluman Yang Berhormat jua, pembinaan Rumah Program Kerajaan Prihatin ini turut menggunakan peruntukan sumbangan daripada GLC Kerajaan Negeri Selangor. Selain daripada peruntukan yang sedia ada, peruntukan yang diterima daripada GLC adalah seperti berikut :

Permohonan Permodalan Negeri Selangor (PNSB) jumlah sebanyak RM1 juta. Permodalan Kemajuan Pertanian (PKPS) sejumlah sebanyak RM100,000.00. Daripada Permodalan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) RM2 juta. Lembaga Zakat Selangor RM1 juta. Kumpulan Semesta Sdn Bhd RM1 juta.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Teratai telah mencadangkan ....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Timbalan Speaker ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO Kota Alam Shah yang prihatin tentang Rumah Prihatin di mana membenarkan setiap DUN boleh mohon tanpa ada kuota ya. Ini satu berita baiklah untuk DUN-DUN seperti di Sekinchan ini di luar bandar. Walau bagaimanapun, saya hendak minta penjelasan, sekarang satu rumah yang kerajaan tetapkan Kerajaan Prihatin ini harga dia siling berapa? Kerana memandangkan saya ada rungutan mengatakan harga yang rendah dan kemudahan yang disediakan sudah tidak mengikut kaedah semasa, mungkin perlu diperbesarkan dan sebagainya, sekian terima kasih minta penjelasan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Jawapan saya sebenarnya saya teruskan sebab memang ada jawapan dalam seterusnya. Yang Berhormat Teratai telah mencadangkan peruntukan had siling dinaikkan bagi Program Kerajaan Prihatin, saya percaya itu yang ditanyakan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin sedang melaksanakan kajian semula terhadap peruntukan had siling semasa bagi sebuah rumah. Kerajaan Negeri bersedia untuk menaikkan peruntukan khas siling mengikut kos semasa berpandukan kepada buku kadar harga kecil dan pembaikan JKR 20800/0181 bagi tahun 2014. Kajian semula ini adalah dalam peringkat akhir sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Seterusnya untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya, saya percaya saya telah memberi tentang had siling ini akan dinaikkan dan juga kertas daripada UPEN, saya percaya dalam rangka yang terakhir untuk dibawa kepada MMKN. Dalam pada itu, Tuan Timbalan Speaker Yang Berhormat Kinrara telah mencadangkan peruntukan sebanyak RM10,000.00 setahun diberikan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan khususnya yang berkaitan orang kurang upaya. Jawatankuasa Pemberian sumbangan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat Kinrara di bawah Jawatankuasa Pemberian Sumbangan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan turut memberikan sumbangan kepada NGO-NGO yang menjaga kebajikan orang kurang upaya.

Yang Berhormat Kota Alam Syah minta duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 4.30 petang. Saya tangguhkan sidang sehingga esok Khamis 10 November jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**